

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 19	Isnin	11 Disember 2017
----------------	--------------	-------------------------

K A N D U N G A N

MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH: Seorang Ahli Lantikan Semula dan Dua Orang Ahli Lantikan Baharu	(Halaman 1)
PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA: Mengalu-alukan Pelantikan Ahli-ahli	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 2)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2018	(Halaman 28)
USUL-USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 59)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

Isnin, 11 Disember 2017

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

MENGANGKAT SUMPAAH SEORANG AHLI LANTIKAN SEMULA
DAN DUA ORANG AHLI LANTIKAN BARU

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

1. Yang Berhormat Senator Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah (Lantikan Semula);
2. Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing (Lantikan Baharu); dan
3. Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen (Lantikan Baharu).

[Majlis Mengangkat Sumpah tamat]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN AHLI-AHLI

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Salam sejahtera dan salam negaraku Malaysia. Terlebih dahulu, saya dan juga Dewan yang mulia ini ingin mengambil kesempatan merafak sembah tahniah dan mengucapkan selamat sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-72 Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan dan Yang di-Pertua Negeri Selangor Darul Ehsan serta segala daerah takluknya pada hari ini 11 Disember 2017. Semoga Tuhan lanjutkan usia dan merahmati pemerintahan Tuanku.

■1010

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan pelantikan semula Yang Berhormat Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengikut Fasal 45(1)(b) Perlembagaan Persekutuan.

Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan pemilihan baru dua lagi Ahli selaras dengan Perkara 45(1)(a) Perlembagaan Persekutuan. Mereka adalah Yang Berhormat Dr. Nuing Jeluing yang dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Sarawak, dan Yang Berhormat Datuk Lim Pay Hen yang dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Johor.

Pelantikan semula dan pemilihan baru tersebut memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menabur khidmat bakti dan sumbangan kepada bangsa dan negara di peringkat badan legislatif yang tertinggi di negara ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat diharapkan akan menyumbang ke arah mempertingkatkan mutu perdebatan di Dewan yang mulia ini. Saya tidak ada sebarang kesangsian terhadap kesanggupan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mematuhi ikrar taat setia, Perlembagaan Negara, Peraturan-peraturan Mesyuarat serta prinsip-prinsip universal dalam Piagam Rukun Negara yang menekankan antara lain keluhuran Perlembagaan, kedaulatan undang-undang serta keperibadian mulia yang menjiwai amalan demokrasi berparlimen.

Seperti mana yang kita semua sedia maklum, demokrasi merupakan konsep yang indah. Ia perlu dibina atas sifat keperibadian yang tinggi disertai dengan pemikiran yang terbuka serta rasional. Sifat yang mulia dan luhur haruslah dijadikan contoh teladan yang terpuji bukan sahaja dalam kalangan Ahli-ahli Parlimen bahkan juga dalam kalangan khalayak ramai terutamanya generasi muda. Tidak kurang pentingnya, saya percaya bahawa pematuhan Ahli-ahli Yang Berhormat kepada lunas-lunas keperibadian yang mulia dan berketerampilan akan membantu memperkasakan imej Parlimen sebagai sebuah institusi perundangan yang berwibawa dan disanjung tinggi di persada antarabangsa.

Akhir sekali, saya mendoakan agar Ahli-ahli Yang Berhormat akan sentiasa mendukung visi rakyat ke arah membina sebuah negara yang maju dan progresif dalam semua aspek pembangunan. Terima kasih.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Zahari bin Sarip** minta Perdana Menteri menyatakan, sejauh mana usaha serta langkah kerajaan dan FELDA telah tercapai dalam melaksanakan pembinaan rumah generasi kedua FELDA serta berapakah bilangan dan kos keseluruhan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Wira Razali bin Ibrahim]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam negaraku Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam Mesyuarat Lembaga FELDA Bil. 356, bertarikh 20 Mac 2017, mesyuarat telah bersetuju berkenaan dengan dasar pemberi milikan tanah kosong kepada generasi baru FELDA dalam pegangan bandar selaras dengan apa yang diperuntukkan di dalam seksyen 6, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960.

Dengan pelaksanaan ini, tapak-tapak Projek Perumahan Generasi Baru FELDA (PGBF) yang belum dilaksanakan di seluruh negara akan ditukar kepada dasar pemberi milikan tanah lot kosong kepada generasi baru FELDA ini. Unit-unit rumah yang bakal dibina di atas lot-lot kosong ini akan dibangunkan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB). Majlis menandatangani memorandum persefahaman di antara FELDA dan SPNB bagi melaksanakan projek rumah mampu

milik generasi muda FELDA telah dimeterai pada 13 April 2017 dengan objektif untuk mewujudkan kerjasama strategik di antara kedua-dua agensi bagi faedah generasi baru FELDA.

Program kerjasama FELDA-SPNB ini dinamakan Rumah Mesra Generasi Baru FELDA (RMGBF). RMGBF yang dicadangkan ini akan dilaksanakan secara berperingkat dan sebagai permulaan, sebanyak 5,000 unit rumah akan dibina sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika pembentangan Bajet 2018 iaitu dengan peruntukan sebanyak RM164 juta.

Untuk makluman juga, peruntukan RM164 juta itu hanya untuk pembinaan unit-unit rumah sahaja. Manakala tambahan sebanyak RM300 juta lagi akan diperuntukkan untuk pembangunan infrastruktur yang mana RM300 juta ini akan menggunakan dana dalaman FELDA. Sehingga kini, 60 peratus kerja-kerja pengukuran kawasan-kawasan yang terlibat telah siap dan permohonan pembatalan JSA dan permohonan tanah ke Pejabat Tanah dan Daerah juga sedang dijalankan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan, Yang Berhormat Senator, soalan tambahan.

Tuan Zahari bin Sarip: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan. Pertamanya, bagi kawasan yang mempunyai FELDA, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan termasuk FELDA yang telah pun mengambil inisiatif untuk cuba menyelesaikan masalah rumah generasi kedua FELDA yang telah lama diperkatakan oleh masyarakat FELDA terutamanya generasi kedua.

Soalan tambahan saya, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, ialah adakah harga yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi melibatkan keseluruhan prasarana yang ada di kawasan perumahan baru ini? Ini kerana kita bimbang bila rumahnya siap nanti ada macam-macam prasarana yang akan diminta kemudian oleh penduduk ataupun generasi kedua yang memiliki rumah ini. Jadi, adakah ia merangkumi semua prasarana yang ada?

Soalan kedua, adakah ia meliputi semua FELDA dalam negara kita? Terima kasih.

Datuk Wira Razali bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Zahari bin Sarip. Pertama, kita pastikan yang rumah generasi baru atau rumah mesra ini mampu dimiliki. Seperti yang saya nyatakan tadi, *insya-Allah*, bila siap, kita akan jual pada harga yang sangat-sangat boleh dimiliki oleh generasi baru. Walaupun harga rumah itu sekitar RM75,000, namun pihak kerajaan telah pun memasukkan RM20,000 subsidi. Maknanya, setiap seorang penerima nanti hanya perlu membayar RM55,000 bagi kawasan di Semenanjung. Itu tidak termasuk bagi setiap rumah, ada lagi satu subsidi iaitu RM60,000 bagi prasarana keseluruhan kawasan pembangunan. Perlu diingat, rumah ini boleh kita bayangkan macam Rumah Mesra Rakyat yang dibina oleh SPNB di kawasan-kawasan di luar FELDA. Maknanya skim pinjaman pembayaran adalah dalam bentuk yang serupa.

Kedua, soalan tentang prasarana yang disediakan. Memang di semua kawasan FELDA, segala bentuk masjid, surau, dewan semai bakti dan sebagainya akan turut tersedia. Malahan,

hampir semua kawasan FELDA sudah pun memiliki kemudahan tersebut. Jika ada pertambahan dalam soal kemudahan sukan pada anak-anak atau orang muda, itu akan turut dimasukkan.

Dari segi soal dibina di seluruh negara, memang kita sudah kenal pasti sebenarnya ada hampir 50,000 kawasan lot yang boleh kita pecahkan dalam rumah mampu milik mesra FELDA ini. Namun begitu, di awalan ini, kita sasarkan 20,000 dan untuk tahun hadapan 5,000 seperti yang diumumkan akan dijalankan semula.

Jadi, kepada mana-mana Ahli Yang Berhormat yang ada kawasan FELDA, sebenarnya sudah boleh untuk mengemukakan cadangan-cadangan. Ini kerana antara perkara yang paling mustahak untuk kami di FELDA laksanakan adalah mendapat kebenaran merancang daripada kerajaan negeri. Yang mana yang cepat beri, yang itu kita buat dahulu. Kalau negeri-negeri yang ditadbir oleh yang bukan Barisan Nasional, memang kita ada masalah sedikit dari segi dapat cepat. Jadi, jangan salahkan FELDA dan SPNB kerana itu bukan berada dalam kuasa FELDA untuk melaksanakannya. Terima kasih Yang Berhormat.

■1020

Tuan Yang di-Pertua: Hanya satu soalan tambahan, FELDA. Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff.

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, Menteri Pertahanan kerana sudi hadir untuk menjawab sendiri soalan yang saya kemukakan pagi ini. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, Menteri Pertahanan Malaysia, merangkap Naib Presiden UMNO yang berjiwa besar, ikhlas serta menyokong penuh keputusan untuk tiada pertandingan bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden UMNO pada Perhimpunan Agung UMNO yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, mesyuarat UMNO sudah habis dah.

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: *[Ketawa]* Tidak, tidak. Ini hendak masuk sudah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya boleh, boleh.

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: *Insyah-Allah*, apa yang dilakukan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin akan memberikan manfaat kepada kestabilan politik negara serta kepentingan negara. Di atas prinsip setia kawan, saya bersama sahabat-sahabat yang ada dalam Dewan ini, yang pernah kita lalui di zaman Pemuda semasa Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin menjadi Ketua Pemuda dulu, kini dan selamanya... *[Tepuk]*

*Segak bergaya Tuan Yang di-Pertua,
Soalan saya nombor dua.*

2. **Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff** minta Menteri Pertahanan menyatakan, langkah-langkah untuk membantu anak-anak warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta kebajikan anggota dan veteran ATM melalui pendekatan kesihatan dan juga bidang pendidikan.

Menteri Pertahanan [Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein]: Yang saya cukup hormati Tuan Yang di-Pertua. Yang saya hormati sahabat saya Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal. Dia macam ini pagi ini kerana dia tidak sempat berucap dalam Perhimpunan Agung kali ini [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, agenda kebajikan anggota dan veteran ATM amat dekat di hati saya dan ianya sentiasa menjadi keutamaan kementerian dan ATM. Kementerian dan ATM telah dan akan terus merealisasikan agenda ini melalui teras kebajikan anggota dan veteran yang komprehensif dan *insya-Allah*, secara menyeluruh.

Dalam bidang pendidikan, ATM di bawah Jabatan Arah Pendidikan sedang menguruskan 33 buah sekolah rendah dan empat buah sekolah menengah dengan jumlah pelajar seramai 17,984 di mana 13,515 pelajar merupakan anak-anak anggota tentera yang masih berkhidmat. ATM juga mengadakan kerjasama dengan pihak MARA dan telah mewujudkan Maktab Rendah Sains MARA di Kem Terendak Melaka.

Selain itu, terdapat sekolah-sekolah tahfiz dan asrama anak yatim angkatan tentera di Sungai Besi yang diurus dan dikendalikan oleh Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT). Dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri-negeri, kita turut menyediakan kemudahan sekolah rendah agama dan kelas agama dan fardu ain (KAFA) di beberapa buah kem ATM. Sehingga kini, terdapat 40 buah sekolah agama rakyat dan KAFA di dalam kem di seluruh negara dengan jumlah pelajar seramai 8,319 orang.

Dalam agenda ini Tuan Yang di-Pertua, inisiatif spesifik juga telah pun diperkenalkan dan telah pun mula dilaksanakan. Kelas bimbingan peperiksaan ATM, tuisyen *online*, inisiatif ini sedang dilaksanakan di 38 buah sekolah dalam kem-kem ATM. Skim pinjaman akademik anak-anak tentera dan tabung pelajaran kanak-kanak angkatan tentera. Tabung ini menyediakan bantuan kewangan kepada anak-anak warga ATM yang cemerlang dari Darjah Tiga hingga Tingkatan Lima. Taska dan tadika ATM, sebanyak 93 tadika telah diwujudkan di kem-kem ATM dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di seluruh Malaysia yang melibatkan 6,249 anak-anak warga ATM.

Perkhidmatan feri sekolah untuk memberikan keselesaan di samping meningkatkan keselamatan anak-anak warga ATM ke sekolah. Sebanyak 76 kem ATM seluruh Malaysia telah terlibat dan pada tahun 2015 hingga tahun 2017, kos perkhidmatan feri sekolah ini melibatkan perbelanjaan berjumlah RM34,000,063 yang telah memberikan manfaat kepada seramai 11,327 anak-anak anggota kita. Skim bantuan persekolahan kepada anak-anak anggota ATM dan warga awam MinDef iaitu sumbangan berbentuk beg sekolah, alat tulis dan pakaian seragam sekolah. Ini semua akan kita perhebatkan lagi lebih-lebih lagi semasa sekolah buka tahun depan.

Sebagai satu langkah ke hadapan, ATM sedang merangka *blueprint* pendidikan Kementerian Pertahanan untuk anak-anak anggota dan veteran ATM dan *insya-Allah*, ia akan dilancarkan, menyelaraskan semua yang saya sebutkan tadi, menyelaraskan dan dikoordinasi supaya ia sampai dan dapat dirasakan oleh setiap ahli anggota dan warga mereka. Ini tidak termasuk inisiatif pendidikan di bawah Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) seperti bantuan persekolahan kolej vokasional kebangsaan atau bantuan kemasukan ke universiti awam dan politeknik. Ianya juga tidak

termasuk inisiatif pendidikan di bawah Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), termasuk inisiatif anugerah kecemerlangan pendidikan, insentif khas kemasukan universiti, dermasiswa kepada anak-anak veteran dan LTAT melalui perbadanannya, Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) turut melaksanakan program-program kecemerlangan pendidikan anak-anak anggota ATM dan program seni keibubapaan warga ATM. Itu pendidikan Tuan Yang di-Pertua.

Inisiatif kesihatan pula di bawah Bahagian Perkhidmatan Kesihatan, ATM telah pun bertanggungjawab melaksanakan semua aktiviti promosi, *preventive*, *curative* dan *rehabilitative* kesihatan kepada anggota tentera dan ahli keluarga serta veteran ATM yang diberikan secara percuma. Ini memastikan bahawa ATM yang mempunyai lima buah hospital angkatan tentera, 18 buah rumah sakit angkatan tentera, 45 buah pusat perubatan angkatan tentera dan 30 buah pusat pergigian angkatan tentera di seluruh negara di bawah Kor Perubatan ATM buat pertama kalinya diselaraskan, dikoordinasi, diupayakan, diperkasakan di bawah agenda kesihatan kita dan agenda ini juga *insya-Allah* akan dibukukan dalam satu *blueprint* kita yang akan dilancarkan awal tahun depan.

Daripada bulan Januari hingga bulan November 2017 sebagai contoh, ATM telah memberikan perkhidmatan kesihatan kepada lebih 94,366 warga ATM, veteran dan tanggungannya. Daripada bulan Januari hingga bulan November 2017, ATM telah membelanjakan sebanyak RM48,000,022 bagi keperluan ubat-ubatan kepada anggota ATM. Daripada bulan Januari hingga bulan November 2017, kita telah membelanjakan sebanyak RM1.46 juta untuk bantuan peralatan perubatan kepada anggota ATM yang memerlukan.

Bagi membantu pesakit buah pinggang pula di kalangan anggota dan veteran ATM, pihak ATM telah menyediakan sebanyak 39 unit mesin dialisis di pusat-pusat dialisis di seluruh negara. Melalui program jiwa murni, ATM memberikan perkhidmatan kesihatan percuma kepada komuniti luar bandar terutamanya kepada veteran-veteran ATM. Daripada bulan Januari hingga bulan November 2017, sebanyak 25 program jiwa murni telah dijalankan di seluruh Malaysia dan telah memberi manfaat serta kemudahan perubatan kepada 3,600 komuniti luar bandar dan veteran-veteran ATM.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan akan meneruskan kesemua inisiatif yang telah saya nyatakan di atas dan bagi menggandakan keberkesanan agenda kesihatan ini, Kementerian Pertahanan akan melaksanakan pelan transformasi kita melalui hala tuju yang jelas. Kementerian Pertahanan juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah bersetuju meluluskan sejumlah RM40 juta untuk menaik taraf lima hospital yang sedia ada, membina empat poliklinik yang baru dan kita akan wujudkan hospital khas untuk veteran angkatan tentera kita semasa pembentangan Bajet 2018 baru-baru ini.

■1030

Inisiatif kesihatan seperti pendidikan tidak termasuk apa yang dilakukan oleh JHEV ATM. Pelbagai bentuk bantuan kebajikan kepada veteran ATM sama ada veteran berpencen atau tidak berpencen turut dilaksanakan oleh jabatan. Termasuklah bantuan peralatan pesakit, bantuan perubatan di mana untuk tahun 2016 hingga Oktober 2017 kerajaan telah membelanjakan sebanyak

RM171.55 juta untuk membiayai bantuan perubatan veteran yang telah memberi manfaat kepada 51,274 orang veteran.

Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV) turut bekerjasama dengan 390 pusat dialisis swasta di seluruh negara bagi memberikan perkhidmatan dialisis kepada veteran ATM dengan kos rawatan yang dibiayai oleh JHEV secara percuma. Dari Januari hingga Oktober 2017 sebanyak RM28.34 juta telah dibelanjakan, yang memberikan manfaat kepada 5,444 veteran ATM. Inisiatif kesihatan ini juga tidak termasuk inisiatif kesihatan di bawah Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

Inisiatif kesihatan yang dilaksanakan oleh LTAT dan syarikat kumpulannya, contohnya, pencarum-pencarum LTAT secara automatik dilindungi di bawah Skim Faedah Kematian dan Hilang Upaya tanpa perlu membayar sebarang caruman tambahan. Pada tahun 2016 dan 2017, sebanyak RM12.4 juta telah pun dibiayai untuk membantu ratusan bekas tentera dan waris yang telah terima faedah ini. Sumbangan mesin-mesin dialisis kepada Pusat Perubatan Hemodialisis Yayasan Veteran ATM. Sumbangan kelengkapan peralatan perubatan *hydraulic hoists* untuk kegunaan anak-anak OKU warga ATM. Sumbangan bas-bas mesra OKU yang disumbangkan kepada pusat pemulihan dalam komuniti ATM dan LTAT melalui Perwira Niaga Malaysia turut membuat sumbangan kepada program Klinik Bergerak Pergigian ATM dengan pembiayaan bantuan *One-Off* atau tahunan, *insya-Allah* dalam usaha ini.

Akhir sekali, diharap agar segala usaha dan inisiatif yang akan dilaksanakan oleh kementerian ini khususnya bagi membantu anak-anak anggota dan veteran ATM dari aspek pendidikan, kesihatan tidak termasuk pendekatan kita untuk memastikan mereka tidak terbeban sangat dengan kos sara hidup, agenda kita untuk melihat kepada perumahan anggota-anggota kita, kos mampu milik dan mampu sewa oleh veteran-veteran kita.

Semua ini bersandarkan kepada kesedaran kita bahawa sesungguhnya aset-aset ketenteraan yang canggih dan berteknologi tinggi tidak mencukupi untuk kita memastikan keselamatan negara kita. Ia juga mesti disandarkan dengan semangat. Ia mesti disandarkan dengan keyakinan. Ia mesti disandarkan dengan kesedaran anggota dan veteran kita bahawa keluarga mereka, kebajikan mereka tetap akan dibela oleh Kerajaan Barisan Nasional. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri sudah jawab bukan sahaja soalan tetapi dasar kerajaan pun. Ada soalan tambahan?

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: Sikit, sikit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberi jawapan yang begitu lengkap dan satu jawapan menunjukkan betapa tanggungjawabnya Kerajaan Barisan Nasional kepada Angkatan Tentera. Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian bagi menentukan anggota Angkatan Tentera Malaysia yang bersara dan veteran Angkatan Tentera Malaysia benar-benar bersedia bagi mengharungi kehidupan baru dan meneruskan kerjaya kedua mereka selepas bersara? Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya sudah sebut Tuan Yang di-Pertua, dia ini gian tidak dapat berucap sempena... *[Ketawa]* Akan tetapi soalan tambahan begitu tepat sekali.

Ini kerana apabila saya sebut agenda kesihatan, pendidikan dan apabila kita fokus kepada pendidikan ia juga merangkumi pendekatan dan saranan dan keutamaan yang diberikan untuk latihan. Dalam hal ini, kita tahu bahawa Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) telah pun dipertanggungjawabkan untuk merancang, mengurus dan melaksanakan program-program latihan.

Akan tetapi saya faham maksud Yang Berhormat tadi, kita perlu menganjukkan pendekatan kita, *business cannot be as usual*, dengan izin, kita tidak boleh lakukan sesuatu seperti biasa. Saya telah minta PERHEBAT dan semua yang terlibat untuk memikirkan kaedah yang terbaik untuk menyediakan anggota-anggota kita di pasaran nanti. Itu satu perkara yang perlu dikaji, diteliti apa keperluan pasaran kita dan badan-badan yang telah pun diamanahkan tadi untuk merancang, mengurus dan melaksanakan program latihan mesti ditokok tambah dan disokong oleh pihak-pihak ketiga termasuk pihak industri sendiri.

Oleh sebab itu saya telah minta bermula dengan syarikat-syarikat yang dapat manfaat melalui kontrak-kontrak dalam industri pertahanan. Bukan sahaja memberitahu kepada kita apa keperluan mereka tetapi melibatkan diri secara langsung untuk melatih anggota-anggota kita yang bakal bersara ini supaya mereka dapat diserapkan sepenuhnya dalam pasaran dan juga mungkin cabaran-cabaran baru yang kita lakukan. Akan tetapi setakat hari ini, tidak bermakna bahawa PERHEBAT tidak melakukannya, Program Pra Latihan Peralihan, Program Latihan Peralihan, Program Pasca Latihan Peralihan, Program Pembangunan Sosioekonomi Veteran ATM Tidak Berpencen, Skim Pinjaman Mikro Usahawan Veteran ATM, jaringan strategik agensi awam dan swasta melalui pendekatan NBOS, Program *Recognition Prior Experiential Learning* yang baru sahaja saya sendiri melancarkannya, dan Program *Veteran Economic Transformative Plan*.

Semua ini memang sedang kita laksanakan. Saya rasa masih lagi tidak mencukupi dan kita mahu pihak-pihak dan mungkin kementerian-kementerian Menteri lain yang juga dipertanggungjawabkan untuk melihat kepada pendekatan sebegini rupa untuk membantu kita menyediakan satu kerjaya anggota kita daripada awal sampailah mereka bersara supaya ini juga merupakan usaha kita hendak memastikan kebajikan anggota dan veteran kita semua ini terbela dan diberikan keutamaan. Ini tanggungjawab, ini janji saya kepada Dewan Negara pada pagi ini.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas. Duduk Yang Berhormat.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya pada pagi ini. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin kerana semasa penggulungan Perhimpunan Agung tempoh hari semalam, penggulungan yang amat baik saya kira, yang kita boleh manfaatkan pada seluruh Ahli-ahli UMNO dan rakyat Malaysia saya kira.

Cuma soalan saya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta komen. Pertamanya, saya ada dua soalan Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta komen daripada Yang Berhormat Dato' Seri

Hishammuddin, pada perbincangan bajet minggu lepas, saya kira ada Ahli Yang Berhormat Senator kita telah mengutarakan daripada segi pembekalan kasut kepada anggota tentera MALBATT di Lebanon, kasutnya sangat tidak berkualiti. Apa yang menjadi rungutan kepada anggota MALBATT katanya daripada Senator Puan Siti Aishah dan yang keduanya, saya minta komen Dato' Seri.

Keduanya, apakah peluang yang diberi oleh kementerian kepada pegawai dan anggota tentera ATM bagi membolehkan mereka melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi dan sebagainya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, jasmu dikenang.

■1040

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat ini dia tidak bermusim. Dapat berucap, tak berucap pun tidak boleh sekat, dia minta soalan tambahan.

Terima kasih Yang Berhormat. Pertamanya berhubung kait dengan bajet dan kemudahan dan peralatan yang kita sediakan untuk anggota kita di Lubnan, di MALBATT.

Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat yang telah membawa isu pembekalan kasut. Ini saya akan ambil tindakan. Akan tetapi apa yang kita lakukan untuk mereka jauh lebih besar dan jauh lebih penting. Ini kerana daripada lawatan saya dua tahun lepas, saya lihat bukan sahaja isu kasut tetapi peralatan kereta-kereta perisai yang mereka gunakan untuk memantau di kawasan-kawasan yang cukup sensitif dan berbahaya memerlukan sokongan untuk kita naik taraf ataupun dibeli baru.

Apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri saya Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum membuat lawatan yang sama, telah meninjau keadaan dan alhamdulillah kita telah cuba sedaya upaya dan mampu mencari dan berunding dengan pihak Bangsa-bangsa Bersatu bahawa kereta-kereta perisai ini bukan sahaja akan dinaiktarafkan tetapi akan diganti dengan kereta-kereta perisai yang baru dalam masa terdekat. Akan tetapi bab kasut ini Yang Berhormat, saya akan tengokkan lah.

Berhubung kait dengan soalan kedua, dari segi pendekatan kita dengan institusi-institusi pengajian tinggi dan institusi-institusi yang dekat dengan MINDEF, sama ada RMC atau UPNM atau perkara-perkara yang ada kaitan secara dekat dengan kita melalui Maktab Turus Angkatan Tentera, Maktab Pertahanan Angkatan Tentera, Institut Pegawai Kanan Tentera Darat yang semuanya memainkan peranan untuk memudahkan perlanjutan akademik anggota-anggota kita untuk karier masa depan. Sememangnya saya sudah minta mereka bekerjasama rapat dengan institusi-institusi pengajian tinggi negara. Oleh sebab itulah UPNM bekerjasama rapat dengan MTAT atau Maktab Turus Angkatan Tentera. Ini kita tumpukan kepada pegawai-pegawai ATM yang berpangkat Mejar dan setaraf. Pada masa yang sama, dalam pegawai-pegawai ATM berpangkat Kolonel dan Leftenan Kolonel yang setaraf, kita melibatkan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pada masa yang sama juga untuk Ijazah Sarjana Pengurusan dan Doktor Pengurusan, kita bekerjasama rapat dengan Universiti Malaya. Ini bermakna bahawa MINDEF begitu inklusif. ATM pun dengan institusi-institusi ketenteraannya sama ada MTAT, MPAT atau INSPEKA kita, telah pun mula mendekati universiti-universiti ini. Perkara ini kalau sekolah tadi, saya akan bekerjasama rapat dengan Yang Berhormat Dato' Seri Mahdzir Khalid. Ini pula saya akan bekerjasama rapat dengan Dato' Seri Haji Idris Jusoh di mana kedua-duanya telah pun memaklumkan kepada saya bahawa

kedua-dua kementerian mereka akan memberikan sokongan yang padu kepada usaha yang kita lakukan ini untuk anggota dan veteran kita, *insya-Allah*.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: *Alhamdulillah*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin ini, memang saya sayang dia. Dalam ini ada enam orang Ketua Bahagian. *Insya-Allah* enam-enam ini *solid*- dengan Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein. Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein ini teruji, dia ini berintegriti tinggi, boleh menyelesaikan masalah dalam negara dan dunia, luar negara.

Cuma saya pernah bekerja di MINDEF tahun 1990 hingga tahun 1993. Masa itu HEBAT- Jabatan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera. Saya tengok dari segi *welfare*, kebajikan untuk bekas tentera ini memang ditambah baik, semasa bawah Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein lagi hebatlah. Saya tengok apabila sudah ada kematian, anak-anak pandai, bekas tentera- ini masuk kampung.

Cuma saya tengok, bekas-bekas tentera ini apabila berhenti ini kebanyakan menentang kerajaan. Bercakap dekat kedai kopi itu memang kuatlah hentam kerajaan. Saya duduk tengok, dia ini bukan hendak menentang sangat kerajaan tetapi ada beberapa perkara yang dia rasa patut dibela. Jadi saya hendak cadangkanlah atau apakah MINDEF ini bercadang untuk menubuhkan satu jabatan *enforcement*? Bagi kursus, bagi latihan, kemudian lepas, balik kampung saya tengok kebanyakannya tidak jadi.

Hantar kursus, hantar macam-macam kursus, kemudian apabila sudah balik kampung, kerja dia jaga, sekuriti sahaja. Jadi saya hendak minta kerajaan ataupun MINDEF bercadang untuk mewujudkan satu jabatan *enforcement* untuk *follow up* selepas kita beri kursus, dia balik kampung betul kah dia kerja seperti mana dia kursus itu. Atau pun dia kerja apa.

Jadi saya minta supaya *welfare* bekas-bekas tentera ini terjaga dan terbela. *Insya-Allah* kalau kita dapat jaga ini, dapat *touching* mereka ini, *insya-Allah* dalam pilihan raya akan datang ini *insya-Allah* bekas-bekas tentera ini akan menyokong Kerajaan Barisan Nasional. Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat. Saya faham juga Tuan Yang di-Pertua, yang ini pun tidak boleh sekat. Akan tetapi sekurang-kurangnya saya tidak *lonely*.

Tuan Yang di-Pertua, saya kadang-kadang rasa terkilan juga kerana ucapan saya tadi menunjukkan bahawa kita sudah buat banyak untuk anggota kita, lebih-lebih lagi kepada veteran kita. Akan tetapi kadangkalanya apabila kita tidak dapat melihat apa yang dilakukan oleh kementerian sebelum ini dan ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab mengeksploitasi dan menggunakan mereka untuk mengipas-ngipas perkara ini dan juga ada pihak yang bertanggungjawab untuk menjawabnya tidak mempertahankan apa yang kita lakukan ini.

Jadi almaklumlah dekat dengan pilihan raya ini, perkara-perkara akan disebarikan semata-mata untuk kepentingan pihak-pihak tertentu. Saya hendak nasihatkan kepada semua yang telah selama ini membela veteran-veteran kita, jangan kita ikut rentak, menari mengikut nada mereka ini. Mereka ini memang saya tahu tidak akan puas hati. Apa juga yang kita berikan akan mereka alih. Setiap kali kita beri sesuatu, mereka akan minta sesuatu yang lain. Paling penting sekarang kita

kena mendekati veteran-veteran kita ini. Saya sudah amanahkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri saya, sudah tiga empat tahun dahulu.

Insyah-Allah penggemblengan di antara MINDEF dan saya pun dapat jaminan daripada Panglima Angkatan Tentera sendiri dan Panglima-panglima perkhidmatan dengan juga kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini untuk membantu saya, menceritakan apa yang saya jawab di dalam Dewan pagi ini, apa yang kita lakukan. *Insyah-Allah* dalam masa yang terdekat ini kita di MINDEF akan menyediakan manifesto kita sendiri, aku janji dan ikrar kita kalau sekiranya diberikan mandat yang besar dalam pilihan raya yang akan datang, kita akan buat lebih banyak lagi daripada itu.

Melalui manifesto itu saya harap pandangan-pandangan Yang Berhormat selepas mendengar rintihan daripada apa yang diminta oleh ahli-ahli kita di peringkat akar umbi, sekurang-kurangnya manifesto kita ini mereka ada harapan. Pertamanya kita melalui *track record* kita, kita tidak pernah pinggirkan mereka.

Kedua, mereka ada harapan bahawa kita masih lagi komited untuk terus membela mereka.

Ketiganya kita mempunyai perancangan jauh ke hadapan, kalau diberikan mandat yang besar, tidak ada sebab kita tak dapat terus membela mereka Yang Berhormat.

Oleh sebab itulah agenda untuk veteran kita, kita kena selaraskan, kita kena hala-tujukan dan kita juga mesti bawa sampai ke bawah untuk dirasai oleh mereka. Akhir sekali, kita minta bahawa mereka yang memahami apa yang kita sudah lakukan sebelum ini menguar-uarkannya, mempertahankannya. Ini kerana dekat dengan pilihan raya lagi banyak isu akan dibangkitkan.

■1050

Ada yang separuh benar, ada yang tidak benar langsung tetapi percayalah mereka bangkitkan perkara ini sebahagian besarnya ada pertimbangan-pertimbangan tertentu dan pertimbangan-pertimbangan itu hanya bermusim. Mereka yang tetap bersama-sama dengan veteran kita merupakan kita di dalam Kerajaan Barisan Nasional, kita di Kementerian Pertahanan dulu, kini dan selamanya. *Insyah-Allah* kalau diberikan mandat oleh semua pihak untuk meneruskan agenda untuk membangunkan negara yang kita cintai ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat, ini yang nombor tiga tidak dapat berucap.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya turut juga mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Seri di atas amanah yang dipertanggungjawabkan oleh semua Ahli-ahli UMNO. Tahniah juga saya hendak ucapkan kerana pendidikan di dalam angkatan tentera itu dapat dilihat kesannya dengan begitu baik. Saya pernah melawat Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, dan saya menyatakan syabas, kurikulumnya hebat, anak-anak muridnya membaca khutbah dan sebagainya.

Cuma yang membimbangkan Yang Berhormat, kita mendapat laporan, saya selaku Timbalan Yang Dipertua PEMADAM mendapat laporan yang membimbangkan kerana dadah sudah mula memasuki kem-kem angkatan tentera. Saya pernah berceramah di Terendak dan pegawai di sana juga bimbang sekali dengan keadaan ini. Walaupun kita mempunyai sistem pelajaran yang diberikan kepada mereka tadi, Yang Berhormat menyebut tahfiz telah diwujudkan, RMC, Universiti

Pertahanan dan sebagainya tetapi gejala-gejala ini masih juga *penetrate*, dengan izin, ke dalam kem-kem tentera.

Ini membimbangkan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah suatu hari akan ada *cure & care* dalam Kementerian Pertahanan? Saya faham mereka menyatakan bahawa sekiranya tentera-tentera ini didapati mengambil dadah, akan dibuang terus. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, dadah ini penyakit. Dia keluar, apa akan jadi kepada beliau? Siapa yang akan mengambil hal ehwal mereka ini? Jadi soalan saya, apakah Kementerian Pertahanan sedang mengkaji untuk menyekat gejala-gejala dadah di dalam kem angkatan tentera ini? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Walaupun soalan luar dari soalan pokok, terpulang kepada Yang Berhormat.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Hendak jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Macam ini, macam gulung belanjawan saja
[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, saya faham sangat apa yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi tadi kerana saya pernah memimpin Kementerian Dalam Negeri, PEMADAM dulu di bawah saya. Sekarang ini isu dadah ini bukan sahaja dilihat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Ahmad Zahid tetapi ada satu jawatankuasa tertinggi Kabinet melihat bagaimana gejala ini setakat mana yang kita mampulah Yang Berhormat, ditangani.

Mereka yang terlibat dengan dadah memang dibawa ke Majlis Angkatan Tentera, badan yang tertinggi dan kita cukup tegas dalam hal ini. Pada masa yang sama, pendekatan yang saya tengok paling berkesan buat kali ini ialah pendekatan-pendekatan yang di luar kotak. Saya bagi contoh di mana kerjasama melalui N-BOS, Kementerian Dalam Negeri, pihak penjara dan juga menggunakan kem-kem tentera kita untuk membawa mereka yang berada dalam parol dengan rehabilitasi, bukan dalam penjara tetapi dia dalam kem kita dan memberikan peluang untuk mereka bekerja. *Recidivist* yang kita tahu, mereka yang pulang balik kepada dadah ini tidak sampai 0.01 peratus. Keyakinan mereka bila wujud di dalam suasana bukan ala penjara memberikan mereka harapan bahawa dia tidak perlu terjerumus balik dalam gejala ini.

Ketiganya, kita tengok bahawa stigma mereka sebagai penagih ini dan juga pendekatan kita untuk keluarga mereka mendekati mereka semasa mereka berada dalam program NBOS ini juga membantu mereka untuk menjadi contoh sebenarnya bahawa kalau mereka terjebak dalam gejala dadah ini, masih lagi ada harapan untuk mereka.

Saya setuju kalau sekiranya anggota-anggota kita terlibat dalam perkara ini cukup berbahaya kerana mereka dilatih untuk membunuh, mereka dilatih dalam perkara yang hendak menyelamatkan tanah air kita ini. Jadi sebab itu kita mesti lihatnya secara serius tetapi cara bagaimana pendekatan untuk menangani dan membantu mereka, saya rasa kita dah mula untuk kita melihat perkara ini *out of the box*, luar kotak. Contoh yang saya berikan N-BOS itu merupakan satu daripada banyak lagi inisiatif yang kita hendak lakukan, *insya-Allah*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya kena setuju dengan Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa kerana setahu saya, selama 20 tahun Menteri Pertahanan

ini tidak pernah menengahkan kepentingan diri beliau tetapi kepentingan umum... [Tepuk]
Dengan izin, *like father like son*.

Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah Sulaiman, silakan.

Datuk Jamilah Sulaiman: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengajukan soalan saya, saya mengambil kesempatan untuk mengalu-alukan kedatangan Pertubuhan Kebajikan dan Kebudayaan Masyarakat India Daerah Seremban, Negeri Sembilan ke Dewan Negara... [Tepuk] Di harap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini. Selamat datang. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya ajukan soalan nombor 3. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan, Yang Berhormat Menteri.

3. Datuk Jamilah Sulaiman minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, mengapa Velodrom Rakyat Ipoh diarah roboh oleh Kesatuan Berbasikal Antarabangsa setelah berbelanja untuk baik pulih sebanyak RM11 juta.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk M. Saravanan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Velodrom Rakyat di Ipoh sebenarnya tidak diarahkan roboh oleh Kesatuan Berbasikal Antarabangsa atau UCI. Velodrom tersebut hanya perlu melalui proses *homologation* iaitu untuk mengesahkan semua spesifikasi yang dibina di Velodrom Rakyat menepati piawaian UCI. Proses ini adalah penting bagi membolehkan sebarang kejohanan antarabangsa diadakan dan rekod yang dilakukan oleh pelumba dapat diiktiraf.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman juga, velodrom Ipoh boleh digunakan untuk pertandingan dan telah mendapat pengiktirafan daripada persatuan Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM) untuk penganjuran kejohanan berbasikal peringkat nasional. Pengiktirafan daripada UCI untuk penganjuran kejohanan peringkat antarabangsa masih dalam proses untuk dapatkan kelulusan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan soalan tambahan, Yang Berhormat.

Datuk Jamilah Sulaiman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi penjelasan. Cuma saya ada satu soalan tambahan ialah apakah langkah yang diambil bagi memastikan tahap penggunaan velodrom sentiasa dalam keadaan baik? Ini adalah kerana trek di velodrom tersebut diperbuat daripada kayu dan tidak berbumbung yang membolehkannya cepat rosak dan memerlukan perbelanjaan yang tinggi untuk baik semula. Terima kasih.

Datuk M. Saravanan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Ahli Yang Berhormat. Seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Kementerian Belia dan Sukan dan agensi-agensinya di bawahnya dalam usaha untuk melahirkan atlet bertaraf antarabangsa. Maka ini menjadi tanggungjawab Kementerian Belia dan Sukan dan agensi-agensinya di bawahnya untuk memastikan kemudahan-kemudahan sukan yang sedia ada bertaraf antarabangsa supaya kita dapat melahirkan atlet yang berkualiti.

Sekiranya kita melihat sejarah velodrom Ipoh ini, tapak ini telah dibina pada tahun 1986 hingga 1989 dengan kos awal RM3.25 juta. Saya ingin menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini

ialah pembinaan dewan ini sumbangan penting atau amat penting adalah daripada Sultan Azlan Shah sendiri iaitu sebanyak RM20,000, Kerajaan Negeri Perak RM125,000 dan Majlis Perbandaran Ipoh sebanyak RM250,000. Ini adalah sumbangan daripada individu-individu yang tertentu.

■1100

Seterusnya, velodrom ini pun telah digunakan untuk beberapa acara sukan kebangsaan dan antarabangsa iaitu pada 1989 - Sukan SEA Kuala Lumpur, 1997 - *World Cycling Championship*, dengan izin. Tahun 2000 dan 2001 - *Track World Cup* dan *Asia Cup 2006*. Setelah itu, *renovation* ataupun naik taraf telah pun dijalankan untuk memastikan keadaan velodrom ini selaras dengan usaha dan aspirasi kita. Maka, *renovation* ataupun naik taraf telah pun diadakan pada tahun 2006 dan 2017. Sekian, terima kasih.

4. Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta Menteri Kewangan menyatakan, jumlah kutipan GST mengikut negeri semenjak ia diperkenalkan sehingga sekarang.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah, wassalatuwassalamuala Rasullillah.*

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Cukai Barang dan Perkhidmatan ataupun GST telah mula diperkenalkan dan dilaksanakan sejak 1 April 2015 yang merupakan langkah baru kerajaan untuk menyusun semula struktur percukaian negara supaya lebih telus, efisien dan mesra peniaga. GST telah menggantikan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) yang telah lama dilaksanakan sejak daripada 1972. GST telah dilaksanakan di lebih 160 buah negara dan kadar 6 peratus yang ada di negara kita ini adalah yang paling rendah di negara ASEAN.

Sehingga 30 November 2017, bilangan peniaga yang berdaftar GST adalah sebanyak 459,999. Pentadbiran kutipan hasil cukai kerajaan bagi semua negeri di Malaysia melibatkan dua jabatan ataupun agensi iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri dan juga Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang mengutip cukai langsung dan cukai tidak langsung. Secara amnya, cukai langsung terdiri daripada cukai pendapatan syarikat ataupun individu, cukai pegangan, cukai pendapatan petroleum, duti setem dan cukai keuntungan harta tanah. Cukai tidak langsung pula terdiri daripada duti import, duti eksais, duti eksport, cukai barangan GST dan juga levi keuntungan luar biasa.

Adalah dimaklumkan juga bahawa kutipan cukai langsung atau tidak langsung di sesuatu negeri, termasuk kutipan GST, tidak menggambarkan sumbangan cukai yang dihasilkan dalam aktiviti ekonomi berkenaan. Ini disebabkan oleh kutipan cukai tersebut adalah berbeza dari tempat di mana aktiviti ekonomi dijalankan. Contohnya, kalau sebuah syarikat yang misalnya di Kedah tapi melaksanakan aktiviti ekonomi di Port Klang, maka ia tidak menggambarkan bahawa sumbangan cukai itu adalah daripada Port Klang sedangkan *remittance* dibuat oleh syarikatnya di Kedah.

Namun begitu, selaras dengan amalan pentadbiran ekonomi, aktiviti pengutipan cukai yang dibuat mengikut lokasi pembayaran, pengimportan serta pembekalan barangan dan perkhidmatan. Kutipan mengikut lokasi masih direkodkan di peringkat negeri. Jumlah kutipan GST di negeri-negeri bermula April 2015 dan juga tahun 2016 sehingga 31 Oktober 2017 adalah seperti berikut. Banyak

ini Yang Berhormat, kalau saya nak jawab tapi saya *pickup* satu, dua lah. Macam contoh, Selangor untuk 2015 sebanyak RM8.9 bilion. 2016 sebanyak RM13.2 bilion.

Untuk tahun ini, sehingga Oktober ini adalah RM10.7 bilion. Lagi satu, kalau dekat Kelantan oleh sebab Yang Berhormat dari Kelantan. Tahun 2015, sebanyak RM71 juta. Tahun 2016, sebanyak RM158 juta dan sehingga Oktober 2017 sebanyak RM132 juta. Terima kasih. Yang *detail*, saya akan bagi kemudian.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih di atas jawapan yang diberikan. Soalan tambahan saya adalah berkait dengan denda lewat bayar GST iaitu jika dilihat daripada kadar pengiraan denda lewat bayar GST, ianya adalah berdasarkan tempoh hari iaitu daripada 1 hingga 30 hari dikenakan denda 5 peratus. Sebanyak 1 hingga 60 hari denda sebanyak 15 peratus dan 1 hingga 90 hari adalah 25 peratus. Daripada kadar denda yang dikenakan ini, saya ingin tahu berapakah jumlah tunggakan denda GST ini mengikut negeri?

Adakah kerajaan dalam menentukan kadar bayaran denda ini, di samping dalam kiraan hari, adakah kerajaan tidak mengambil kira aspek syarikat kecil ataupun sederhana yang membayar GST ini? Terutamanya apabila mereka iaitu syarikat kecil dan sederhana ini yang mempunyai modal ataupun modal pusingan syarikat yang agak terhad, di mana tempoh-tempoh seperti 30 hari, 60 hari dan 90 hari ini memberikan impak yang besar kepada pusingan modal mereka. Sekian, terima kasih.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat ini macam tak berlaku adil kepada saya kerana minta data secara halus, peringkat negeri dan sebagainya. Data itu Yang Berhormat akan kita bagi kemudian. Ia yang penting secara umumnya dalam GST ini, antara cabaran yang paling besar yang kita hadapi dalam melaksanakan sistem percukaian ini adalah daripada segi *compliance*.

Maksudnya, setiap yang *register* tadi, yang kita sebut 459,999 yang mendaftar itu. Mereka ini perlu *comply*. Maksudnya, bila dah *comply* itu, ia perlu membayar. Sudah tentulah di bawah akta ini ia ada kadar-kadar yang perlu dibayar sekiranya mereka lambat membayar. Akan tetapi dalam masa yang sama, kita juga ada program. Contoh-contohnya, macam kita kata program *informed compliance*, di mana kadang-kadang apa yang diikrarkan itu, diikrarkan oleh orang yang hendak perlu bayar cukai ini kadang-kadang tidak menepati maklumat yang diperlukan.

Akan tetapi pihak Jabatan Kastam masih memberi ruang kepada mereka untuk membuat pengikraran yang lebih tepat. Jadi, ini adalah salah satu cara untuk kita bantulah. Akan tetapi dalam konteks kalau Yang Berhormat tanya tadi sama ada kita ada ambil kira syarikat besar, syarikat kecil dan sebagainya, dalam konteks ini kita kira sesiapa juga, tak kira kecil atau besar, seharusnya mengikut asas *compliance* tersebut supaya tidak dikenakan denda lewat dan sebagainya.

Apa yang menjadi masalah ini kerana kadang-kadang kita tak berapa ikut jadual asal itu, maka itulah yang menyebabkan kelewatan. Kelewatan itu seperti Yang Berhormat sendiri sebut, ada kadar-kadar tertentu. Jadi, berkenaan denda yang diberikan kepada mereka yang telah membuat *remittance* dan sebagainya, itu adalah berdasarkan kepada *compliance* tersebut. Sekian, terima kasih. Yang *detail* yang Yang Berhormat hendak itu, *insya-Allah* kita akan bagi.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jumlah tertunggak denda mengikut negeri dan pertimbangan akan diberi secara bertulislah? Silakan Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah jaminan kerajaan yang kadar GST akan kekal atau jika ekonomi bertambah baik, akan diturunkan kadar nisbahnya? Dalam erti kata lain, kadar tidak akan dinaikkan seperti tohmahan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab baru-baru ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah peratus GST akan dinaikkan?

Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan: Akan diturunkan.

Tuan Yang di-Pertua: Seperti tohmahan?

Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan: Tohmahan kata naik, kita kata adakah kalau ekonomi baik, diturunkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Abdul Shukor. Shakur kah Shukor ini? Shukor.

Tuan Yang di-Pertua: Shukor.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Untuk makluman Dewan yang dihormati, kita sebutkan tadi kita antara negara yang paling rendah dalam mengenakan kadar GST. Kalau saya hendak sebut di Malaysia ini, kadar kita 6 peratus nak dibandingkan dengan negara ASEAN seperti Indonesia - 10 peratus; Thailand - 7 peratus; Singapura - 7 peratus; Filipina - 12 peratus; Laos - 10 peratus; Vietnam - 10 peratus; dan Kampuchea - 10 peratus.

Kalau Eropah- Finland sebanyak 24 peratus; Sweden - 25 peratus; Portugal - 23 peratus; Belanda - 21 peratus; dan Itali - 21 peratus.

Ini saya *just pick up a few countries*. Asia- Bangladesh sebanyak 15 peratus; China - 17 peratus; India - 12.5 peratus; Jepun - 10 peratus; Korea - 10 peratus; dan Uzbek - 20 peratus.

■1110

Okey, yang itu satu pasal kadar, mengesahkan kadar kita terendah.

Yang kedua, kita pula, kerajaan yang bertanggungjawab ini, dia kasihan dengan rakyat ini, kita juga ada- walaupun kita kenakan enam peratus tapi kita tidak bagi semua *lump sum*, semua barang kena. Kita ada yang *zeroised*.

Jadi, untuk makluman Dewan, bilangan barang dan perkhidmatan yang masuk dalam CPI *basket* atau *consumer price index* yang menentukan naik turun kadar, *consumer price index* ini yang dikenakan GST kosong peratus, *zeroised* adalah sebanyak 258 item dan yang dikecualikan, *exempted*, sebanyak 56 item. Kalau kita *pi* negara lain, dia tak *dak*. Dia jenis gula, tepung, kopi ini tiada, semua kena. Jadi kita ini, walaupun kita kenakan GST, walaupun kita tahu GST membantu ekonomi negara, tapi kepada rakyat marhaen di bawah ini, kita masih ada timbang rasa, kita tidak kenakan GST ataupun *exempted or zeroised*.

Jadi, soalan kepada Yang Berhormat tanya tadi, adakah kita seperti mana setengah orang mengatakan- *even* laporan, katanya *World Bank* buat, kita ini *the right fair*. Nilai yang sepatutnya dikenakan untuk hendak bagi ekonomi kita lebih hebat ini sepatutnya tujuh peratus sekurang-kurangnya, tapi kita kata enam peratus.

Jadi buat masa ini, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita tegaskan, kerajaan tidak berangan-angan, tidak merancang untuk menaikkan kadar walaupun selepas pilihan raya. Setengah di luar itu dia kata, *la ni menang, lepas pilihan raya menang besaq ini, dia akan tekan lapan*. Tidak. Kita *still* simpan takat enam. *Insyallah*, dengan enam ini pun, kita mampu menguruskan ekonomi dengan hebat. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, cadangan untuk mewujudkan semula pegawai kontrak di bawah Program Cari di setiap daerah dalam usaha mengenal pasti golongan penerima bantuan.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melancarkan Projek Cari pada 17 Julai 2008. Projek Cari dilaksanakan oleh JKJ bermula Oktober 2008 hingga Disember 2009 dengan kira-kira 986 pekerja khidmat singkat yang bertugas di lapangan. Tujuan projek ini adalah untuk mengesan kes-kes berkeperluan yang terpinggir untuk intervensi jabatan atau agensi lain.

Walau bagaimanapun, kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan semula jawatan pegawai kontrak tersebut, sebaliknya menggunakan mekanisme sumber manusia sedia ada iaitu Pegawai Pembangunan Masyarakat dan Pembantu Pembangunan Masyarakat di samping sokongan oleh sukarelawan JKJ.

Pada masa ini, terdapat seramai 1,466 orang Pembantu Pembangunan Masyarakat bersama 141 Pegawai Pembangunan Masyarakat yang sedang berkhidmat di peringkat ibu pejabat negeri dan daerah yang menjalankan kerja-kerja siasatan di lapangan. Di samping itu, sehingga November 2017, sejumlah 1,253 sukarelawan JKJ telah terlibat dalam Program Cari dan Bantu bagi mengesan dan mendekati golongan sasaran.

Selain daripada sukarelawan JKJ, kerjasama rapat juga diteruskan bersama pemimpin setempat seperti penghulu, penggawa, ketua kampung, ketua kaum, pengerusi dan JKJ untuk membantu rujukan bagi kes-kes yang berkeperluan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Dato'.

Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan. Memang tidak dinafikan bahawa peranan yang dimainkan oleh pegawai Projek Cari semasa mereka menjadi pegawai kontrak di JKJ mengikut kategori. Ada juga pegawai-pegawai daripada pelbagai kaum.

Akan tetapi masalahnya ialah masalah sekarang kita menghadapi- daripada akar umbi, kita tidak dapat. Ada juga kes-kes yang tidak dapat dikesan oleh pegawai-pegawai daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jadi soalan saya, apakah tindakan diambil oleh Jabatan Kebajikan

Masyarakat untuk menangani masalah kepada- yang dikatakan sebagai masyarakat yang masih lagi mempunyai masalah dalam kebajikan? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya memang sudah menjadi satu tanggungjawab kepada kerajaan khususnya di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui agensi kami, Jabatan Kebajikan Masyarakat, untuk terus mencari mereka yang memerlukan bantuan di akar umbi, di kampung, di desa dan di mana-mana sahaja mereka berada. Itu sebab kita sekarang ini banyak melantik sukarelawan Jabatan Kebajikan Masyarakat di seluruh negara.

Kita juga bersama-sama dengan pemimpin-pemimpin di peringkat akar umbi seperti yang telah saya sebutkan tadi, ketua kampung, penghulu, penggawa, JKKK dan sebagainya. Maka, mereka inilah yang kita menggembeng tenaga mereka bersama-sama dengan pegawai-pegawai kita terlibat dalam Program Cari dan Bantu, di mana ini kita buat secara berterusan. Dia tidak terhenti. Dia secara berterusan.

Kita minta juga di sini sekiranya, Yang Berhormat Senator, ada lagi rakyat kita yang di luar sana yang memang layak untuk mendapat bantuan dan masih belum mendapat bantuan, laporkan. Yang Berhormat sendiri pun boleh datang ke pejabat kami, Pejabat Kebajikan Daerah untuk melaporkan perkara ini supaya kita boleh mengambil tindakan yang sewajarnya dengan memastikan tidak ada rakyat kita yang memerlukan bantuan itu tertinggal dan terbiar tanpa bantuan. *Insyaa-Allah*. Terima kasih.

6. Datuk Rabiyah binti Ali minta Menteri Kerja Raya menyatakan, berapakah peruntukan yang diberikan dalam selenggaraan Laluan Persekutuan 068 Kuala Lumpur ke Bentong dan perincian tempoh konsesi Lebuhraya KL-Karak, jumlah kenderaan dan kutipan tol pada tahun 2016 dan 2017 mengikut kelas kenderaan serta implikasi kewangan jika kerajaan mengambil alih laluan lebuhraya ini kerana ia merupakan jalan utama menghubungkan KL ke Pantai Timur.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Persekutuan daripada Kuala Lumpur hingga ke Bentong atau FT68 adalah laluan ke Pantai Timur yang selari dengan Lebuhraya KL-Karak. Laluan FT68 ini sentiasa diselenggarakan oleh pihak JKR melalui syarikat konsesi bagi memastikan laluan tersebut berada di dalam keadaan yang baik dan diselenggarakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh pihak kerajaan di dalam kontrak penyelenggaraan Jalan Persekutuan.

Bagi tahun 2015 hingga kini, Kementerian Kerja Raya telah membelanjakan peruntukan keseluruhan sebanyak RM6.1 juta yang melibatkan kos penyelenggaraan rutin, kerja berkala *pavement* dan berkala bukan *pavement*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, tempoh konsesi bagi Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak akan tamat pada tahun 2032. Jumlah kenderaan yang melalui Lebuhraya Kuala Lumpur-

Karak bagi tahun 2016 adalah sebanyak 39,461,530 dan perincian mengikut kelas adalah seperti berikut.

Kelas	Bilangan Kenderaan (buah)
1	34,564,788
2	1,333,344
3	1,756,344
4	943,577
5	863,477

Bagi tahun 2017 pula, jumlah kenderaan adalah sebanyak 29,914,643 dan perincian mengikut kelas adalah seperti berikut.

Kelas	Bilangan Kenderaan (buah)
1	26,339,005
2	980,210
3	1,250,458
4	666,484
5	678,486

■1120

Manakala hasil kutipan tol pada tahun 2016 adalah RM215.3 juta dan tahun 2017 pula adalah RM163.1 juta. Jumlah trafik dan hasil kutipan tol bagi tahun 2017 adalah sehingga bulan September 2017 dan jumlah ini belum diaudit. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebarang keputusan untuk pengambilalihan ataupun pemansuhan sesuatu plaza tol memerlukan kajian mendalam dalam pelbagai aspek kerana ianya mengakibatkan implikasi kewangan yang tinggi kepada kerajaan.

Walau bagaimanapun, kerajaan dari semasa ke semasa akan meneliti *options* lebih praktikal untuk meringankan beban yang ditanggung oleh semua pengguna lebuhraya. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Rabiyyah binti Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adalah Lebuhraya KL-Karak akan mengalami kesesakan pada cuti umum dan cuti hujung minggu kerana laluan ini adalah laluan utama Kuala Lumpur ke Pantai Timur. Soalan saya, laluan Kuala Lumpur-Bentong lama amatlah daif dan berisiko tanah runtuh kerana kurangnya kerja-kerja selenggaraan di laluan persekutuan FT068 ini. Apakah usaha dan komitmen kerajaan untuk naik taraf dan memastikan laluan ini lebih selamat. Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat untuk penyelenggaraan jalan FT068 ya, yang disebut oleh Yang Berhormat tadi telah pun saya maklumkan dalam jawapan asal iaitu RM6.1 juta, Tuan Yang di-Pertua.

Manakala bagi isu tanah runtuh ataupun cerun runtuh, Kementerian Kerja Raya telah mengenal pasti Yang Berhormat ya, terdapat beberapa runtuh cerun kritikal di sepanjang laluan ini di mana kerja-kerja pembaikan telah dan sedang dilaksanakan Yang Berhormat mengikut senarai

keutamaan yang ditentukan oleh pihak JKR. Contohnya terdapat satu kejadian Tuan Yang di-Pertua, iaitu pada 17 November 2017, di mana kementerian telah mengambil tindakan segera melalui syarikat konsesi *Road Care* iaitu syarikat konsesi yang bertanggungjawab untuk laluan tersebut yang telah melaksanakan pengurusan trafik penutupan plastik *sheeting* ataupun salah satu kaedah ya untuk mengendalikan kawasan yang runtuh dan juga pengalihan aliran air permukaan ataupun *sand bag*.

Bagi tahun 2018 Tuan Yang di-Pertua, skop penyelenggaraan dan pembaikan cerun di seluruh Semenanjung Malaysia termasuklah di laluan ini akan dilaksanakan oleh sebuah syarikat iaitu syarikat Pintas Utama Sdn. Berhad, dengan pengawasan daripada cawangan kejuruteraan cerun JKR dan lokasi cerun yang kritikal telah pun dikenal pasti dan kerja-kerja pembaikan akan dilaksanakan mulai awal tahun 2018 Yang Berhormat. Bajet mengurus cerun bagi tahun 2018 telah di wujud butiran khususnya peruntukan sebanyak RM120 juta untuk cerun di Semenanjung, Sabah, Sarawak dan juga Labuan telah diwujudkan yang meliputi- ini untuk Jalan Persekutuan Tuan Yang di-Pertua, yang meliputi kerja-kerja berikut termasuklah kerja-kerja *corrective*, kerja-kerja *data collection*, kajian lapangan dan juga kerja-kerja kecemasan. Itu saja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

7. Datuk Hj. Bashir bin Hj. Alias minta Perdana Menteri menyatakan, antara gejala rasuah dan ancaman dadah, dari perspektif dan kajian pihak kementerian, yang manakah menjadi ancaman utama negara hari ini.

Datuk Wira Razali bin Ibrahim: *Walaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, sama ada dadah atau rasuah, kedua-duanya adalah musuh negara yang perlu ditangani dengan cekap dan berkesan supaya kesejahteraan masyarakat hari ini dan di masa akan datang sentiasa terpelihara.

Justeru, penguatkuasaan Akta Dadah Berbahaya 1952 oleh Agensi Antidadah Kebangsaan dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia adalah komitmen serius kerajaan terhadap kedua-dua ancaman tersebut. Dalam masa yang sama, pelbagai inisiatif, mekanisme dan kerangka kerja diwujudkan baik di peringkat kerajaan mahupun yang melibatkan pelbagai sektor serta orang awam dalam usaha memerangi anasir dadah dan rasuah secara komprehensif.

Bagaimanapun, kita perlu sedar bahawa di sebalik undang-undang ketat berkaitan penyalahgunaan dadah berlaku peningkatan kes-kes tangkapan, rampasan dan penyalahgunaan dadah sehingga menimbulkan kebimbangan mengenai ancaman dadah terhadap keselamatan, keutuhan dan kemakmuran negara. Dalam masa yang sama gejala rasuah boleh menjadi faktor utama yang menyebabkan kelemahan, ketidakcekapan dan ketidakberkesanan penguatkuasaan sesuatu undang-undang jika tidak ditangani.

Justeru, melalui Dasar Dadah Negara yang diluluskan pada 10 Mac 2017, kerajaan memberi penekanan serius terhadap pengukuhan kerangka penguatkuasaan yang meliputi aspek aduan, risikan, operasi, penangkapan, siasatan, pendakwaan dan sabitan hukuman bagi kesalahan-kesalahan berkaitan penyalahgunaan dadah. Dengan meletakkan aspek penguatkuasaan sebagai

satu daripada lima teras di bawah Dasar Dadah Negara, adalah disasarkan supaya keupayaan membanteras aktiviti penyeludupan, pengedaran dan penagihan dadah dapat dikurangkan. Untuk mencapai sasaran ini mekanisme pencegahan rasuah yang menyeluruh hendaklah dilaksanakan supaya gejala rasuah tidak menjadi faktor yang menggagalkan sasaran teras penguatkuasaan.

Sebagaimana kerajaan serius dalam menangani isu ancaman dadah, begitu jugalah kerajaan serius menangani gejala rasuah yang membelenggu isu ancaman dadah. Isu rasuah yang membelenggu teras penguatkuasaan perlu diatasi dengan cekap dan tepat supaya isu ancaman dadah dapat benar-benar ditangani secara efektif. Terima kasih.

Datuk Hj. Bashir bin Hj. Alias: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang diberikan. Soalan tambahan saya adalah, adakah cadangan kerajaan untuk membina akta ataupun hukuman bagi kes rasuah agar lebih keras lagi yang memungkinkan penyelesaian atau dapat menghentikan sikap yang tidak amanah yang semakin berleluasa. Apakah langkah-langkah kementerian untuk membendung dan membasmi kes-kes berkaitan dengan dadah sejak zaman dahulu lagi yang nampak tiada jalan penyelesaian yang jumlahnya semakin meningkat semakin hari, sekian.

Datuk Wira Razali bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat. Buat masa ini undang-undang berkaitan dengan rasuah kita rasakan memadai. Belum ada perancangan untuk kita menambah. Mungkin sedang kita usahakan adalah untuk melibatkan sektor swasta, yang mana pekerja kepada syarikat tertentu yang terlibat dengan kesalahan rasuah juga mungkin boleh dikaitkan dengan syarikat tersebut. Itu mungkin sedang dalam pertimbangan dan perbincangan kita untuk dilaksanakan.

Namun begitu, bagi dadah akan dibawa ke Dewan ini satu pindaan yang telah pun diluluskan di Dewan Rakyat mengenai hukuman mati mandatori antara yang paling besar yang ada dalam pindaan tersebut yang akan dibentangkan di Dewan ini kemudiannya nanti, yang mana memberi pilihan kepada pihak mahkamah untuk memilih sama ada hukuman mati mandatori, hukuman penjara seumur hidup ataupun sebatan 15 yang menjadi perbualan. Cuma yang boleh saya nyatakan adalah menjadi satu bebanan yang tinggi kepada pihak mahkamah untuk hanya gantung atau bebas.

Dengan pilihan ini kita harap ia dapat memberi sedikit peluang kepada mahkamah sekurang-kurangnya siapa yang terlibat itu tidak boleh bebas balik untuk melakukan aktiviti dengan adanya hukuman penjara ataupun sebatan sebagai pilihan. Sekurang-kurangnya aktiviti tersebut dapat kita kekang. Begitu juga hari ini soal dadah tidak lagi semudah ataupun cabarannya lebih besar. Di mana banyak dadah sintetik yang tidak perlu menggunakan ganja heroin ataupun morfin tetapi menggunakan barang-barang yang boleh diperoleh dengan mudah dalam industri-industri.

■1130

Jadi pembinaan dadah-dadah sintetik ini sudah tentu memberi cabaran kepada kita dengan lebih besar berbanding dengan satu masa dahulu. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau banyak tuju kepada dadah ini, di bawah Kementerian Dalam Negeri. Ini dari segi undang-undang.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Okey, saya hendak bertanya tentang sejauh manakah Program Pengasih yang dapat memulihkan sebahagian besar penagih-penagih tegar ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Razali bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua memang cekap. Bangun sahaja Yang Berhormat, dia tahu sebab yang patut cerita tentang pemulihan dan sebagainya ialah sahabat saya di sebelah ini. Namun begitu, urusan dadah ini sebenarnya...

Tuan Yang di-Pertua: Dalam perbahasan. Dalam perbahasan.

Datuk Wira Razali bin Ibrahim: Dalam perbahasan nanti mungkin akan dijawab dengan panjang lebar. Namun begitu boleh saya nyatakan bahawa soal dadah, soal rasuah tidak hanya terletak kepada kerajaan, tidak hanya terletak kepada pasukan tertentu tetapi kita semua. Pemimpin di semua peringkat termasuk di peringkat yang terkecil di kampung dan kawasan-kawasan Yang Berhormat untuk memainkan peranan kerana ini bukan soal yang mudah untuk kita tangani tanpa kerjasama daripada semua.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang bangkit menyatakan tentang usaha-usaha pemulihan yang mungkin akan dijawab dengan panjang lebar di bawah Kementerian Dalam Negeri nanti. Terima kasih Yang Berhormat.

8. Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, secara terperinci, hidangan makanan dan perkhidmatan perubatan yang disediakan kepada setiap banduan dalam lokap polis.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, kos penyediaan makanan dan minuman untuk tahanan dalam lokap polis ketika ini adalah sekitar RM9 sehingga RM14.80 sehari bagi setiap orang yang ditahan bergantung kepada kedudukan lokap berkenaan. Penyediaan makan dan minum adalah sebanyak tiga kali sehari mengikut menu yang telah ditetapkan meliputi minum pagi, makan tengah hari dan makan malam.

Bagi menjamin hak-hak kesihatan tahanan terpelihara, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengeluarkan surat bertarikh 17 April 2017, rujukan KKM600.27-12-1, Jilid 4(33), agar kes-kes kecemasan dibawa ke Jabatan Kecemasan dan Trauma hospital berpakar yang berdekatan untuk rawatan segera.

Di samping itu, dalam semakan *standard operating procedure* (SOP), dengan izin, yang dibuat oleh PDRM, bagi pengurusan tahanan dalam lokap polis, mengikut arahan pentadbiran bilangan 11/2014 juga memasukkan elemen baru iaitu orang tahanan hendaklah mengisi borang pengesahan penyakit dan ditandatangani oleh orang tahanan itu sendiri sebelum dimasukkan ke dalam lokap. Ini bertujuan untuk memaklumkan kepada pihak polis dan juga orang yang kena tahan itu memaklumkan bahawa beliau mengambil tanggungjawab kepada penyakit yang beliau hadapi.

Selain daripada itu, Ketua Polis Daerah dan Ketua Polis Balai juga telah diarahkan supaya berhubung dengan Pengarah Hospital Daerah untuk mengadakan lawatan kesihatan secara berkala

ke lokap polis dan hendaklah menghantar segera tahanan yang mengadu sakit untuk mendapatkan rawatan di hospital yang berkenaan.

Bagi menunjukkan keseriusan Kementerian dalam menangani kes kematian dalam lokap daripada terus berlaku dan memastikan lokap polis mematuhi segala peraturan dan menentukan hak asasi manusia dan aspek kesihatan tahanan tidak diabaikan, naziran oleh pegawai khas dari Kementerian terhadap lokap polis telah dijadikan sebagai satu *key performance indicator* (KPI), dengan izin, Menteri Dalam Negeri mulai tahun 2017. Sehingga kini, sebanyak 54 lokap polis di seluruh negara telah dilawati. Saya sendiri telah ditugaskan oleh Menteri Dalam Negeri untuk melawat lokap-lokap tersebut dan saya telah melawat lokap seperti Lokap Dang Wangi di Kuala Lumpur, di Melaka dan juga di Johor Bahru. Bandar-bandar utama di mana kejadian jenayah tinggi dan jumlah orang kena tahan pun tinggi.

Untuk makluman Yang Berhormat, ada juga mekanisme semak dan imbang atau *check and balance*, dengan izin, terhadap lokap polis iaitu Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) telah diberikan kebenaran untuk melawat dan memastikan hak asasi tahanan terpelihara tanpa sekatan. Maknanya mereka tidak payah beritahu bila mereka hendak melawat. Mereka hanya datang ke balai polis tersebut dan mereka akan diberikan kebenaran untuk masuk dan memeriksa segala aspek mengenai penjagaan orang kena tahan termasuk makan dan minumannya termasuk kebersihan, termasuk kesihatan dan juga termasuklah keadaan dalam lokap itu sendiri.

Selepas itu belum habis lagi. Ada pula Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) yang mengikut kuasa-kuasa yang diperuntukkan membuat pendengaran awam mengenai kes kematian dalam tahanan atau menyiasat salah laku oleh pihak berkuasa.

Saya hendak maklumkan di sini bahawa, dalam tempoh masa dari tahun 2007 hingga 2017, sepuluh tahun, baru ada sejumlah 156 kes kematian dalam lokap. Sepuluh tahun, baru ada 156 orang yang mati. Ini bukannya satu jumlah kematian yang tinggi tetapi Kementerian Dalam Negeri tetap serius untuk memastikan bahawa kematian dalam lokap ini dapat dikurangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan soalan tambahan.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tanya dua soalan yang sebenarnya.

Pertama, adakah Kementerian bercadang untuk menubuhkan pasukan *medic* kecemasan di setiap balai ini yang mana menempatkan ramai tahanan lokap agar bila berlaku contohnya Tuan Yang di-Pertua, serangan sakit jantung secara tiba-tiba. Maknanya kita ada pasukan medik yang khas ditetapkan di situ. Maknanya tidak perlu tunggu sampai hospital, baru rawatan itu dapat diterima.

Kedua Yang Berhormat Timbalan Menteri, berkaitan dengan SOP pembinaan ataupun pemilihan balai-balai polis yang ditetapkan oleh Kementerian Dalam Negeri kerana saya berkongsi contohnya di Kampung Manjoi dalam Parlimen Tambun. Balai polis ini merupakan lot banglo lama, Tuan Yang di-Pertua yang diambil sebagai balai polis. Belakang balai polis itu ialah *car wash*. Tempat basuh kereta dan saya dimaklumkan banyak juga kegiatan dadah, seludup dadah ini berlaku sebab belakang itu *car wash*. Dia boleh hulus tangan baling macam itu sahaja.

Jadi apa SOP di peringkat kementerian menetapkan sesuatu balai polis itu harus dibina di kawasan bagaimana dan harus kena pada parameter yang menjarakkan dia daripada awam agar ia terlindung daripada kegiatan-kegiatan penyeludupan dan sebagainya. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya sebutkan tadi, SOP polis untuk orang kena tahanan menyatakan penyakit mereka hidapi adalah merupakan *standard operating procedure* yang digunakan untuk pihak polis mengetahui keadaan sakit orang kena tahanan. Jadi kita akan berikan perhatian yang khas kepada mereka yang mempunyai penyakit seperti penyakit jantung, HIV dan juga kencing manis dan sebagainya yang boleh membahayakan hidup mereka.

Kedua, kita sebenarnya di kementerian, hal-hal kesihatan ini di bawah Kementerian Kesihatan dan bukan di bawah KDN. Akan tetapi kita telah mengadakan perbincangan awal di antara Kementerian Kesihatan dan juga KDN serta PDRM untuk mengadakan projek perintis di mana kita boleh memilih lokap yang mempunyai risiko yang tinggi dan kita meletakkan pegawai perubatan Kementerian Kesihatan di lokap-lokap tersebut. Maklumlah KDN memang tidak ada kepakaran untuk menguruskan kes-kes kesihatan tambah-tambah lagi kes yang berat. Kementerian Kesihatan pun mempunyai masalah kekurangan doktor pakar dan sebagainya tetapi kita cuba untuk mengadakan program perintis ini supaya di kawasan-kawasan risiko tinggi, kita dapat memberikan perkhidmatan tersebut.

Kedua, soalan mengenai kedudukan balai polis, SOP dan sebagainya, untuk makluman Yang Berhormat, memang kami menghadapi masalah kerana peruntukan pembinaan lokap ini memang terhad dan perlu difasakan dan mungkin di Manjoi ada perancangannya untuk hendak meletakkan balai polis di tempat yang lebih sesuai yang tidak mudah dibolosi oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab. Akan tetapi kita sentiasa akan mengambil kira dalam pembinaan balai-balai polis akan datang supaya semua SOP yang terbaik digunakan dalam pembinaan balai polis tersebut. Jadi di Manjoi, saya minta maaf. Mungkin belum lagi sampai gilirannya. Terima kasih.

■1140

9. Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, apakah status terkini perjanjian *Trans-Pacific Partnership Agreement* (TPPA) berikutan penarikan diri Amerika Syarikat apabila Presiden Amerika, Donald Trump menandatangani *Presidential Memorandum* pada 23 Januari 2017, dan apakah mekanisme baru kerajaan bagi perkongsian perdagangan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua: Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, Dewan yang mulia ini tidak diberitahu bahawa Menteri akan datang menjawab soalan. Jikalau kita tahu, kita akan naikkan soalan Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam negaraku Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya saya rasa amat terhormat atas ihsan Tuan Yang di-Pertua untuk membolehkan saya bercakap buat kali pertama dalam sesi inilah. Terima

kasih banyak-banyak Tuan Yang di-Pertua. Walaupun masa sudah pun lebih 11.30 pagi, saya akan ingat sampai bila-bila. Terima kasih banyak.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bagi pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Ahli Parlimen Machang iaitu Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub dan juga Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad, mengalu-alukan Pengetua daripada PPD Machang, Kelantan... [*Dewan tepuk*] Mereka datang untuk melihat wakil-wakil mereka menjalankan tugas di Kuala Lumpur. Saya juga mengalu-alukan bagi pihak Dewan, bukan sahaja daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Yang Berhormat Datin Rahimah tetapi bagi semua Ahli Dewan, kita mengalu-alukan kehadiran Pengetua semua. Mudah-mudahan lawatan ini memberi banyak manfaat kepada bukan sahaja Pengetua, tetapi anak-anak kita...

Tuan Yang di-Pertua: Sebentar Yang Berhormat Menteri.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada 28 Januari tahun lepas, tahun 2016, Dewan Negara telah meluluskan saya untuk tandatangan TPPA ataupun Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik, 28 Januari tahun lepas.

Jadi, berasaskan persetujuan tersebut, saya pergi ke New Zealand untuk tandatangannya pada 4 Februari 2016. Jadi, sudah ditandatangani kira-kira hampir dua tahun lalu. Akan tetapi pada awal tahun ini, 23 Januari, Donald Trump, Presiden Amerika membuat keputusan dia tidak mahu sudah. Dia kata TPP ini tidak bagus untuk Amerika, merugikan dia dan menguntungkan negara lain. Mungkin termasuk Malaysialah, Jepun dan lain-lain. Jadi itu sebab Donald Trump tidak mahu menyertai TPPA kerana dia kata, ini rugi bagi Amerika, yang untung negara lain, 11 yang lain.

Jadi apabila Donald Trump tidak mahu menyertai TPP, negara lain, 11 lagi ini membuat keputusan untuk bincang. Bincang punya bincang, akhir sekali pada bulan November lalu, 6 hingga 8 November, khusus 8 November, Menteri-Menteri 11 buah negara tolak Amerika lah- negara tersebut ialah Jepun, Malaysia, Vietnam, Brunei, Singapura, Australia, New Zealand, Kanada, Peru dan Mexico, 11 negara tolak Amerika. Kami bermesyuarat di Da Nang, 8 November, bersetuju untuk mengadakan TPP 11 sahaja, bukan 12. Tidak ada Amerika.

Kenapa kita membuat keputusan untuk teruskan TPP, kerana kita rasa ia baik untuk perdagangan. Jadi, TPP ini ada empat kandungan utama. Pertama ialah kita panggil akses pasaran. Boleh masuk pasaran negara lain pada kadar tarif yang terendah. Kalau umpamanya kalau barang *electrical*, *electronic* masuk Kanada, Peru dan juga Mexico sekarang ini cukai antara lima hingga 15 peratus, jadi kosong, tidak ada cukai sudah. Itu antara sebab kenapa kita hendak masuk TPP. Pertama, akses pasaran.

Kedua, untuk kita kerjasama. Kerjasama antara negara-negara baik. Sebarang bentuk kerjasama untuk kebaikan kita harus galakkan, maka TPP 11 juga ialah untuk kerjasama. Ketiga,

kita hendak tentukan piawaian, standard. Kalau kita umpamanya buruh kita, standard pekerja kita dalam keadaan yang teruk tempat tinggalnya umpamanya, ini perkara yang tidak harus kita benarkan. Keempat, *governance* ataupun tadbir urus. Ini empat sebab kenapa kita menyertai perjanjian TPP 11 ini dan juga perjanjian lain.

Pertama, untuk akses pasaran. Memasuki pasaran lebih senang. Kedua, untuk kita bekerjasama dalam bidang ekonomi. Ketiga, untuk tetapkan piawaian. Keempat ialah untuk kita memperbaiki tadbir urus. Jadi, itu kedudukan terkini. Jadi apa beza yang lama dan yang baru, yang lama pertamanya, bezanya dahulu 12 sekarang 11 tolak Amerika.

Kedua bezanya, yang baru ini benda-benda yang Amerika mahu kita tolak, kita gantung kita panggil ya. Macam hukum gantunglah, *suspension*, 20 perkara kita tolak, kita gantung. Tidak terpakailah maknanya. Jadi kalau perjanjian ini berjalan, 20 perkara ini tidak akan terpakai. Perkara ini adalah berkaitan banyak dengan Amerika. Oleh sebab Amerika tidak ada, kita tolaklah benda ini ya. Jadi, itu antara perkara-perkara yang telah berlaku. Jadi, sekarang ini sudah bersetuju- 8 November yang lalu.

Jadi masa hadapan begini Yang Berhormat, pertamanya ialah kita kena ada beberapa perkara lagi belum selesai, dipanggil surat-surat sampingan (*side letters*). Malaysia pun ada beberapa perkara yang kita hendak selesai, tidak selesai lagi. Maka walaupun bersetuju perkara teras di Da Nang, ada perkara-perkara yang perlu dibincangkan lagi. Jadi apabila habis bincang itu, sudah bersetuju, maka kalau enam negara setuju- kita ada 11, kalau enam setuju, dua bulan lepas itu akan kuatkuasalah TPP 11 ini.

Lepas itu prosesnya kena dipanggil ratifikasi pula. Jadi walaupun sekarang kita setuju di Da Nang, ada beberapa proses lagi, tiga proses. Pertama ialah untuk kita runding apa dipanggil surat-surat sampingan. Malaysia pun ada dua surat sampingan dengan negara lain.

Kedua, setelah dirundingkan surat sampingan dan setuju belaka, maka enam negara kena setuju, barulah boleh buat benda TPP 11 ini. Dalam pada itu kalau sudah setuju enam negara pun, kena ratifikasi pula. Semua 11 negara perlu pergi ke Parlimen. Jadi maknanya, prosesnya mungkin hujung tahun hadapanlah. Hujung tahun ini, minta maaf, walaupun berlaku.

Itulah sebagai *update* kepada Ahli Yang Berhormat. Terima kasih Ahli Yang Berhormat atas minat semua Ahli Yang Berhormat untuk mengetahui sedikit sebanyak tentang apa yang dipanggil TPP 11. Dahulu 12, sekarang 11, tolak Amerika. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang datang sendiri. Saya tahu memang Yang Berhormat Menteri ini kalau bab TPPA ini dia sendirilah yang akan datang memberikan penjelasannya. Dahulu TPPA ini ada 12 negara dan sekarang ini maknanya ada 11 negara seperti mana yang disebut, yang diterangkan oleh Yang Berhormat. Ini maknanya kita akan ada lagi, akan bawa sekali lagi di Parlimen untuk TPPA 11 ini ataupun macam mana Yang Berhormat?

Perjanjian TPPA yang ditandatangani pada 4 Februari 2016 dengan 12 negara ini dengan melibatkan 800 juta penduduk dengan kombinasi GDP USD27.5 juta adalah perjanjian perdagangan yang bersejarah bagi kurun ke-21 ini.

Soalan saya, apakah kesannya penarikan diri Amerika Syarikat ini dari aspek perjanjian antarabangsa? Sejauh manakah- bilakah CPTPP ataupun *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership*, dengan izin, mengambil kira atau mengaplikasikan kandungan perjanjian TPPA sebelum ini dengan memastikan standard tinggi dan komprehensif TPPA ini? Bilakah ia akan dilaksanakan? Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Rahman. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Pertamanya, kita ambil masa lama untuk runding TPP ini, lebih lima tahun. Saya sendiri terlibat secara langsung dengan dibantu oleh pegawai-pegawai. Jadi betul, perkara begini perkara yang penting untuk negara dan kita juga buat kajian *cost-benefit*.

Sebenarnya perjanjian ini dalam kaedah pentadbiran negara kita, perjanjian antarabangsa tidak perlu dibawa kepada Parlimen untuk dipersetujui. Maknanya, Kabinet. Kita bawa ke Kabinet, Kabinet setuju, boleh kita tandatangan. Akan tetapi oleh sebab perkara ini penting, saya cadangkan kepada kerajaan, kerajaan setuju supaya bawa kepada Parlimen. Itu sebabnya kita datang ke Parlimen, Dewan Negara 29 Januari tahun lepas. Jadi sebenarnya yang 11 ini pun tidak perlu, tidak perlu datang ke Parlimen sebenarnya. Akan tetapi oleh sebab benda ini penting, kita akan bincanglah kaedah bagaimana kita hendak laksanakan ini apabila ia dipersetujui kelak, sama ada datang Parlimen balik hendak maklum.

Jadi, soalan Yang Berhormat Dato' ialah kesannya. Kesannya 11 ini, Amerika ini besarlah. Amerika ini negara dari segi ekonomi, dia menyumbang 20 peratus kepada dunia. Maknanya kalau setiap RM1, Amerika ini kira-kira 20 sen, sumbangan besar, terbesar. Dia kuasa ekonomi terbesar dalam dunia. Maknanya kalau Amerika sudah cabut lari, maka kesannya tidak sebesar dahululah. Salah satu sebab kenapa kita menyertai TPP ialah kerana tarikan pasaran besar di Amerika Syarikat.

■1150

Jadi kesannya kecil berbanding dulu kerana Amerika tidak ada. Kalau dulu penduduknya dulu 800 juta sekarang tinggal 470 juta. Kalau dari segi sumbangan kepada keluaran GDP dunia dulu kita 40 peratus sekarang 13 peratus atau 14 peratus sahaja, maknanya kecil lagi.

Akan tetapi kita lihat bukan setakat pengecilan manfaatnya, kita juga lihat potensi. Adapun negara yang sudah menyatakan hasrat untuk menyertai TPP 11 ini. Jadi itu sebabnya Malaysia berpendapat oleh sebab kita sudah bersusah payah selama lima tahun sudah, sudah runding, sudah elok dan comel belaka dah, jadi kalau kita keluar kita rasa banyak rugi. Lagipun kalau banyak lagi negara masuk dan kita tidak menyertainya ini kerugian bagi negara, bagi pelaburan dan juga bagi perdagangan.

Jadi itulah lebih kurang kesannya. Kalau kita tidak masuk kesannya memang kita rasa rugikan kita. Mengenai bila hendak kuat kuasa, sudah saya sebutkan tadi mungkin hujung tahun ini kerana prosesnya tidak selesai lagi. Sekarang ini tengah runding ialah apa yang dipanggil 'surat-surat sampingan'. Malaysia ada dua atau tiga surat sampingan yang perlu dirundingkan lagi. Apabila selesai dan setuju belaka barulah kita hendak bersetuju selepas itu barulah hendak pergi ke

Parlimen pula di beberapa buah negara. Jadi terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, ada lagi? Baik, terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Perkara Perjanjian TPPA lama diperkatakan dan pagi ini Yang Berhormat Dato' Sri telah menjelaskan lebih jelas, terang dan teratur saya rasa dan kita faham perkembangan selanjutnya. Pihak Ahli Dewan Negara mengucapkan terima kasih banyak kerana Yang Berhormat Menteri datang menjawabnya. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya beralih kepada sesi soal jawab telah kita selesaikan dan sudah dijawab dan sekarang kita pergi ke bahagian lain pula.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2018

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan yang ditangguhkan atas masalah bahawa, "Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". **[7 Disember 2017]**

Timbalan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin. Dipersilakan.

11.53 pg.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan setinggi tahniah dan penghargaan kepada kerajaan terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri serta Jemaah Kabinet di atas pembentangan Bajet 2018. Ia mempunyai pelbagai insentif dan perencanaan yang teliti bagi kemakmuran negara.

Dalam pembentangan RUU Perbekalan ini, banyak insentif dan inisiatif yang diambil dalam memastikan pembangunan dan kesejahteraan wanita dan keluarga muda yang bekerja dan terus membantu memacu ekonomi negara. Ini kerana kita tahu populasi kaum wanita di negara ini adalah sebanyak 48 peratus. Pasti ada partisipasi kaum wanita di dalam agenda pembangunan negara amatlah diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua dalam Bajet 2018 saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana mewajibkan majikan swasta memberikan cuti bersalin selama 90 hari. Ini yang mana walaupun kita belum setara dengan negara maju seperti *United Kingdom* yang memberikan

tempoh cuti bersalin sebanyak 39 minggu dan Denmark 52 minggu namun langkah ini telah meletakkan Malaysia setara dengan negara-negara serantau seperti Thailand dan Indonesia yakni 90 hari dan Singapura sebanyak 112 hari iaitu 16 minggu.

Selain itu pemberian insentif balik awal satu jam kepada penjawat wanita yang hamil melebihi lima bulan dan penjawat awam lelaki yang isterinya hamil melebihi tujuh bulan juga menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap pembentukan keluarga bahagia. Terdapat beberapa persoalan yang ingin saya kemukakan dan perlu diambil perhatian oleh Kementerian Sumber Manusia dan Jabatan Perkhidmatan Awam tentang beberapa perkara berikut.

Pertama, saya mohon penjelasan daripada pihak kementerian, bagaimanakah insentif balik awal sejam ini dilaksanakan di sektor pendidikan untuk guru, pihak berkuasa seperti PDRM, Kastam, jururawat dan doktor, JPJ, Jabatan Imigresen, pihak berkuasa di CIQ kerana mereka-mereka ini dikekang dengan jadual waktu kerja standard yang sukar dipinda dan jadual *shift* yang sukar untuk disesuaikan dengan fleksibiliti pulang awal sejam.

Tuan Yang di-Pertua, ini kerana kita tahu bahawa jawatan-jawatan seperti doktor dan guru-guru ini mereka tidak bekerja dari pukul lapan sampai pukul lima. Mereka mempunyai jadual tertentu, so kita hendak tahu macam manakah pelaksanaan insentif balik awal sejam ini terutamanya pada perjawatan-perjawatan seperti yang saya sebutkan tadi.

Kedua, apakah ada pilihan atau kaedah penyelesaian yang terbaik sama ada penjawat awam yang terbabit mendapat gantian cuti? Maksudnya agar insentif kerajaan yang diberikan dalam Bajet 2018 ini memanfaatkan golongan sektor ini. Maksudnya kalau katalah tidak dapat balik awal disebabkan oleh cuti ataupun disebabkan *shift* ataupun disebabkan oleh jadual waktu kerja standard ini, adakah mereka-mereka ini, ibu-ibu ini akan diberikan cuti gantian bersama tempoh, sama tempoh yang sepatutnya selayaknya dapat satu jam itulah, yang digantikan.

Seterusnya saya juga memohon penjelasan, bagaimanakah Kementerian Sumber Manusia membuat satu ketetapan terbaik dari segi pindaan Akta Kerja 1955 dan menangani masalah rintangan oleh majikan ekoran cuti bersalin bergaji penuh 90 hari? Apakah kerajaan dapat mengkaji faktor-faktor penyesuaian dari segi tempoh perkhidmatan yang membolehkan cuti 90 hari ini dilaksanakan? Ini demi memastikan tidak ada impak negatif dan persepsi negatif ke atas penyertaan wanita dalam pasaran kerja di Malaysia selepas dasar 90 hari cuti bersalin dilaksanakan.

Ini disebabkan kita ada dengar Tuan Yang di-Pertua suara-suara di mana majikan-majikan swasta tidak berapa bersetuju ataupun tidak mahu memberikan tempoh cuti bersalin bergaji selama 90 hari ini. So, kita mohon penjelasan sama ada adakah pihak Kementerian Sumber Manusia akan melihat ketetapan terbaik dari segi aspek Akta Kerja ini? Saya juga ingin memohon penjelasan daripada pihak JPA sama ada, adakah dengan penambahan cuti bersalin penjawat awam 60 hari, maksudnya tambahan 60 hari yang telah diumumkan yang menjadikan 360 hari, apakah kemudahan ini boleh diguna pakai sehingga anak keenam atau ketujuh seorang penjawat awam?

Oleh sebab kita tahu tempoh cuti bersalin 300 hari yang sebelum ini hanya dihadkan kepada maksimum lima orang anak. So, apabila kerajaan dalam bajet yang baharu ini diumumkan tambahan 60 hari lagi, adakah 60 hari ini terpakai untuk anak yang kelima sahaja ataupun dibenarkan untuk anak keenam dan ketujuh dan seterusnya?

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan cemerlang ekonomi negara pada suku ketiga 2017 dengan penokokan sehingga 6.2 peratus KDNK dari unjuran asal sekitar antara 5.2 peratus hingga 5.8 peratus menunjukkan pemulihan serantau ekonomi telah mula memberikan rangsangan yang positif ekonomi Malaysia. Bagi memastikan pertumbuhan sektor ekonomi lebih dinamik dan terus memberi sumbangan ketara terhadap ekonomi dan nilai mata wang ringgit, saya ingin mendapatkan maklum balas kerajaan mengenai isu permasalahan eksport produk buatan Malaysia dan bantuan atau insentif bagi pengeluar tempatan terutama sektor automotif yang mesti mendapat bantuan dan sokongan kerajaan.

Oleh itu saya mohon penjelasan tentang beberapa perkara. Pertama, apakah polisi kerajaan sekarang yang menyentuh tentang produk buatan Malaysia ini? Ini disebabkan kita tahu bahawa negara kita ini ekonomi kita lebih kepada *consumerism*. *We consume* tetapi kita tidak melahirkan ataupun mengeluarkan produk tempatan yang diguna ramai. Tidak seperti macam kalau kita tengok Korea dan Jepun, mereka mengeluarkan produk dan akhirnya mereka menggunakan.

So, saya hendak tanya sama ada pihak kerajaan, apakah polisi barangan buatan Malaysia ini yang akan ataupun yang telah ada sekarang ini dan sejauh manakah pelaksanaannya? Keduanya berkenaan dengan automotif, saya ingin bertanya tentang insentif atau layanan istimewa tarif duti import bagi komponen *completely knocked down* (CKD), dengan izin, bagi *spare part* bagi menyokong perusahaan automobil tempatan dan eksport ke negara serantau terutama pembuatan kenderaan komersial seperti lori dan bas penumpang agar lebih banyak peluang pekerjaan di sektor pembuatan automotif negara.

■1200

Seterusnya, apakah insentif pengurangan duti eksais dan duti eksport untuk barangan eksport mendapat keistimewaan untuk bersaing di pasaran global dan serantau? Apakah peluang sama rata di dalam sistem perolehan kerajaan bagi kenderaan komersial dagangan dan bas agar pertumbuhan agresif sektor pengangkutan dan logistik negara akan membuka peluang lebih besar kepada peluang pekerjaan baru kepada belia dan merencanakan ekonomi setempat?

Oleh sebab saya mendapat maklum balas daripada pengusaha-pengusaha tempatan kenderaan komersial dagangan dan bas ini, kebanyakannya bas-bas ataupun kenderaan-kenderaan ini dibawa secara CBU. Walaupun dikatakan CKD tetapi dibawa CBU, terutama daripada negara-negara tertentu sehingga menjejaskan pengusaha-pengusaha atau pun pengeluar bas-bas ataupun lori tempatan ini.

So, saya mohon penjelasanlah sama ada apakah insentif? Apakah juga kalau katalah mereka *produce* dekat negara kita, apakah insentif yang diberikan oleh kerajaan untuk mereka membolehkan mereka mengeksport barangan-barangan yang mereka ataupun bas ataupun lori yang mereka buat?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh tentang kepentingan pendidikan yang mana ia berteraskan aplikasi digital dan meluaskan akses kandungan pembelajaran di laman sesawang amat penting dalam kehidupan ekonomi digital. Seiring dengan usaha kerajaan yang menjadikan teras ekonomi digital dan kerjasama erat dengan pemain utama ekonomi digital global

memerlukan Kementerian Pendidikan memastikan Agenda Pendidikan Abad Ke-21 diberikan perhatian wajar.

Justeru itu, saya ingin mohon penjelasan daripada pihak kerajaan. Pertama, apakah perbelanjaan peruntukan kerajaan untuk mewujudkan 2,000 kelas pintar ini iaitu *smart classroom* pada tahun hadapan akan benar-benar memanfaatkan pelajar sekolah di bandar dan luar bandar?

Keduanya, bagaimanakah agihan yang adil pembinaan *smart classroom* dan akses *engagement* pelajar dengan persekitaran pembelajaran digital, yakni Pendidikan Abad Ke-21 akan mengurangkan jurang digital dan tahap kebolehan dan kecergasan kepintaran pelajar desa supaya seiring arasnya dengan pelajar bandar yang mempunyai kelebihan akses kepada persekitaran digital di rumah?

Oleh sebab kita tahu kebanyakan input-input ataupun bahasa pendidikan yang digunakan ataupun maklumat yang digunakan di dalam *internet* kebanyakan dalam bahasa Inggeris. Adakah-so, saya hendak tanya sama ada pihak kerajaan, bagaimanakah agihan ini adil, dapat dinikmati daripada luar bandar dan juga di dalam bandar? Bagaimanakah pula berkenaan dengan akses pusat komputer sekolah kepada capaian *internet* berkelajuan tinggi? Sehingga November 2017, berapa sekolah kah yang masih belum mendapat perkhidmatan akses *internet* yang berkelajuan tinggi dan kekurangan alatan kelengkapan bagi menyediakan kemudahan pembelajaran berasaskan teknologi digital dan ICT?

Oleh sebab contohnya, semalam di bahagian saya, di kawasan saya di Ledang masih terdapat banyak kekurangan kelas-kelas *smart classroom* ini. Walaupun telah diumumkan daripada tahun lalu tetapi masih banyak lagi sekolah, malahan masih ada lagi akses yang tak dapat dicapai oleh sekolah-sekolah tertentu di kawasan luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berkenaan dengan isu memartabatkan Bahasa Kebangsaan.

Kita tahu menurut fasal 1, Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan, Bahasa Kebangsaan adalah Bahasa Melayu. Malahan, kita juga mempunyai akta yang diperuntukkan untuk Bahasa Kebangsaan iaitu Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, yakni Akta 32. Ini menunjukkan bahawa pengukuhan pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan amat penting dalam sistem pendidikan dan kehidupan di negara kita. Penggunaan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar juga penting dalam usaha kita menyatukan kepelbagaian bangsa di negara kita.

Namun, sekarang ini kita lihat peranan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar, malahan sebagai bahasa rasmi juga di lihat semakin pudar walaupun ianya telah termaktub di dalam akta. Saya ada mempunyai seorang kawan, Tuan Yang di-Pertua, daripada Australia, warga Australia. Beliau mempelajari Bahasa Melayu, dia minat Bahasa Melayu dan dia belajar Bahasa Melayu dan sekarang ini beliau bekerja di Malaysia.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, beliau mengatakan bahawa apabila beliau sampai dekat Malaysia ini, kebolehan beliau bertutur di dalam Bahasa Melayu semakin merosot. Oleh sebab dia kata dekat Malaysia ini kebanyakan mereka tidak banyak bercakap dalam Bahasa Kebangsaan kita, maknanya dalam Bahasa Melayu. Adakah ini menunjukkan satu keadaan yang agak tidak sihat sebenarnya negara kita, terutamanya dalam usaha kita memartabatkan dan memperkasakan Bahasa Kebangsaan?

Untuk itu, penekanan penggunaan bahasa Melayu ini semakin merosot, maka penyelarasan aktiviti-aktiviti memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan perlu disepadukan dalam semua jentera kerajaan dan masyarakat seiring dengan aspirasi kerajaan dalam TN50. Oleh yang demikian, saya ingin mohon penjelasan dan bertanya, apakah perlu kiranya kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Peguam Negara serta Dewan Bahasa dan Pustaka, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Bank Negara Malaysia meningkatkan penggunaan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa rujukan utama di dalam semua siri dokumen perundangan, kontrak dan surat cara rasmi yang diguna pakai dalam urus niaga dan urusan harian rasmi pengguna dan kerajaan apabila berurusan di negara kita ini.

Maknanya, di antara warganegara Malaysia dengan Malaysia, sepatutnya perlu menggunakan Bahasa Kebangsaan. Akan tetapi kita tahu bahawa kebanyakan dalam sebagai contoh kontrak jual beli, kontrak pinjaman perumahan, pinjaman jual beli rumah, masih rata-rata mengguna pakai bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi dokumen ini. Maknanya, dalam urusan-urusan rasmi pun masih tidak menggunakan Bahasa Kebangsaan.

Seterusnya, saya juga ingin...

Dato' Shahanim bt. Mohamad Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah. Yang Berhormat, saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat tentang GLC-GLC ini. Macam *agreement* kereta di bank, kita tengok semuanya menggunakan bahasa Inggeris. Jadi, apa pendapat Yang Berhormat? GLC-GLC pun kita minta menggunakan Bahasa Malaysia kita, Bahasa Melayu kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Shahanim. Saya bersetujulah dengan pandangan Yang Berhormat tentang bagaimana GLC juga perlu memainkan peranan dalam memartabatkan Bahasa Kebangsaan kita.

Saya tidak bercakap dari segi aspek konteks Bahasa Melayu tetapi saya bercakap tentang Bahasa Kebangsaan. Oleh sebab kita ini telah merdeka berpuluh tahun tetapi Bahasa Kebangsaan kita masih ramai yang tak boleh menguasai. Malahan kalau saya tak silap Tuan Yang di-Pertua, seharusnya di dalam Perlembagaan kita ada menyebut bahawa Bahasa Kebangsaan ini harus dikuasai dalam tempoh 10 tahun selepas daripada merdeka.

Akan tetapi saya kira sekarang ini kita telah berpuluh-puluh tahun telah merdeka tetapi masih ramai yang tidak boleh menguasai Bahasa Kebangsaan kita. Maka, saya bersetujulah tadi Yang Berhormat Dato' Shahanim supaya agar GLC juga memainkan peranan, menulis ataupun menggunakan kontrak-kontrak berurusan dengan warganegara Malaysia yang lain dalam Bahasa Kebangsaan kita.

Seterusnya, saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian. Oleh sebab saya tahu bahawa dalam- saya tidak tahu soalan ini hendak ditujukan di bawah kementerian mana. Oleh sebab kalau ikutkan, DBP di bawah Kementerian Pendidikan tetapi Bahasa Kebangsaan ini sepatutnya merata-rata, keseluruhanlah.

Akan tetapi saya hendak bertanya, berapakah peruntukan program untuk memartabatkan Bahasa Kebangsaan ataupun Bahasa Melayu yang diadakan pada tahun 2018? Bagaimanakah kita dapat memaksimumkan penyertaan budaya dan Bahasa Kebangsaan dilaksanakan di segenap

lapisan masyarakat. Saya juga ingin mohon bertanya tentang perancangan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Tinggi dalam merencana program Bahasa Melayu di sekolah dan di IPT agar penguasaan Bahasa Kebangsaan di kalangan rakyat lebih cemerlang dan martabat Bahasa Kebangsaan lebih tinggi.

■1210

Di sini saya juga ingin mencadangkan supaya dinaiktarafkan Dewan Bahasa dan Pustaka ini kepada Suruhanjaya Bahasa Kebangsaan dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri agar pemerksaan dan penguatkuasaan bahasa kebangsaan lebih efektif dan menyeluruh di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, penstrukturan tarif elektrik seiring dengan pelaksanaan GST telah menyebabkan ramai isi rumah berpendapatan rendah merungut ekoran kenaikan bil elektrik yang mendadak. Oleh sebab prestasi kewangan dan keuntungan TNB yang memberangsangkan, setiap tahun bilion ringgit diumumkan sebagai keuntungan, saya ingin mendapatkan penjelasan dari Kementerian KeTTHA dan Suruhanjaya Tenaga tentang penguatkuasaan ke atas *operator distribution of electric* sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 serta pindaannya pada tahun 2015 dalam meliberalisasikan peraturan bekalan elektrik domestik.

Soalan saya kepada pihak kementerian, apakah kaedah yang digunakan oleh pihak Suruhanjaya Tenaga, dan juga mungkin TNB secara khususnya, untuk memaklumkan kepada pihak pengguna tentang harga tarif baru berdasarkan kadar pelepasan kos ketidakseimbangan yakni *imbalance cost pass through* atau ICPT, yang pelarasan harga tarif elektrik dibuat setiap enam bulan?

Sebab, kita tahu kalau katalah kita harga petrol ini, pelarasan harga ini dibuat setiap minggu. Setiap minggu diumumkan berapa harga minyak naik kah, berapa harga minyak turun kah. Akan tetapi melalui ICPT ini, seharusnya tarif elektrik ini juga adalah fleksibel. Maknanya, setiap enam bulan dikaji dan dilihat berdasarkan pada harga bahan api ataupun sumber tenaga yang digunakan.

Maka, saya hendak bertanyalah, bagaimanakah pihak TNB hendak memaklumkan kepada-bagaimana cara pemakluman tarif baru setiap kali disemak semula kajian harga ini? Bagaimanakah pihak terbabit memaklumkan kepada pengguna sama ada melalui bil kah tetapi saya rasa dalam bil ini saya tidak nampak lagi melalui media kah atau sebagainya? So, saya hendak tanyalah, bagaimana?

Dan adakah terdapat barang keperluan untuk menyemak harga tarif setiap suku tahun berbanding setiap enam bulan? Walaupun kita tahu sumber elektrik sekarang ini banyak yang menggunakan gas berbanding daripada arang batu dan sebagainya, tetapi mungkin kalau katalah minyak setiap minggu harganya ada turun naik, maknanya mungkin kalau dia pakai minyak minggu ini mungkin harga kurang bagi kelebihan kepada pengguna, adakah keperluan untuk mengkaji setiap suku tahun, maknanya daripada enam bulan mungkin dikaji setiap empat bulan? Mohon penjelasanlah.

Seterusnya, saya mohon penjelasan daripada pihak Suruhanjaya Tenaga, melalui kaedah ICPT ini, bagaimanakah kementerian melalui kaedah ICPT ini dapat memastikan harga bahan api

bagi kegunaan bahan elektrik berada di bawah kawalan bagi memastikan kadar tarif elektrik tidak membebankan pengguna?

Seterusnya, saya ingin menyentuh tentang perumahan baru ini sebab kita tengok sekarang ini, saya pernah pergi ke satu tempat kawasan perumahan baru ini yang mana nampak kabel-kabel penyambungan bekalan elektrik yang warna hitam itu yang dari rumah ke rumah mahupun lampu jalan. Maknanya dalam negara menuju negara maju ini, masih lagi ada perumahan-perumahan baru di Kuala Lumpur di Lembah Klang yang menggunakan kabel-kabel elektrik yang warna hitam ini. Mereka tidak buat lagi *underground*. Sepatutnya dia kena buat bekalan elektrik melalui kabel bawah tanah iaitu *underground cabling* tetapi masih lagi ada.

So, saya mahu mohon penjelasan daripada pihak kerajaan, adakah pihak kerajaan bercadang untuk mewajibkan ataupun mengkaji sama ada adanya keperluan untuk penyambungan-penyambungan elektrik kabel-kabel ini dibuat keseluruhannya di bawah tanah kerana ianya juga adalah melibatkan keselamatan?

Seterusnya, berkenaan dengan- banyak nak tanya fasal elektrik ini sebab banyak sangat orang kompelin fasal elektrik mahal. Seterusnya, saya hendak bertanya tentang kerajaan melalui Suruhanjaya Tenaga bagi memastikan bahawa kitar bulan 28 hingga 30 hari bagi sesuatu penggunaan elektrik domestik dipenuhi oleh pembaca meter TNB agar perkiraan jumlah penggunaan bulanan tidak jatuh ke tarif yang lebih mahal apabila jumlah penggunaan melebihi 300 kilowatt sebulan.

Sebab, kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, bil-bil yang kita dapat ini kadang-kadang dia *proratekannya*. Maknanya, puratakan penggunaannya sehinggakan kadang-kadang sepatutnya sebulan dalam tempoh 28 hingga 30 hari ini sepatutnya sejumlah katalah 500 tetapi disebabkan oleh sebab dia *proratekan* ataupun bacaan yang dibuat melebihi daripada tempoh tiga hari, membuatkan kadar bil elektrik pengguna ini meningkatkan. Sebab itu saya hendak tanyalah, bagaimanakah memastikan pembaca-pembaca meter ini memang tepat pada masanya membaca meter dan tidak *proratekan* kadar-kadar elektrik apabila dikeluarkan bil?

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang peruntukan bajet sebanyak RM4.9 bilion dalam memajukan plan induk TVET. Sebab, pada masa kini program TVET dilaksanakan secara berasingan di bawah agensi berlainan merentasi tujuh kementerian. Persoalan yang ingin saya kemukakan ialah bagaimanakah *survival* politeknik dan kolej komuniti dan juga kolej-kolej TVET yang lain? Ini kerana integrasi semua institusi TVET ini hanya melibatkan program-program kejuruteraan, teknikal dan vokasional. So, bagaimanakah pula nasib sijil dan diploma bidang ikhtisas seperti pelancongan, seni reka, sosial, sains ikhtisas, ekonomi dan perakaunan yang diajar di politeknik dan kolej komuniti?

Kita tidak mahu nasib graduan yang memilih bidang yang bukan teras TVET tetapi belajar di sekolah-sekolah ataupun kolej-kolej TVET tidak mendapat manfaat dalam usaha kerajaan memperkasakan TVET Malaysia. Ini kerana, Tuan Yang di-Pertua, ini melibatkan peruntukkan. Sebab, apabila katalah peruntukan-peruntukan kepada kolej-kolej TVET ini hanya diberikan kepada jurusan-jurusan teknikal tetapi ikhtisas tidak diberikan, maka ia memberi kesan kepada pelajar-pelajar yang mengambil jurusan ikhtisas.

Seterusnya, saya hendak menyentuh tentang kumpulan pensyarah di IPTA di mana kita tahu bahawa kerajaan masih belum lagi mengkaji penstrukturan gaji baru dan kemudahan perkhidmatan pensyarah universiti awam dan UiTM bersesuaian dengan pelbagai semakan dan keistimewaan yang telah kerajaan berikan kepada perkhidmatan guru sekolah. Saya ingin mendapatkan kepastian tentang beberapa perkara berikut.

Pertama, skim gaji dan pembangunan kerjaya yang boleh ditawarkan kepada kerajaan dalam meningkatkan kualiti IPTA dan yang keduanya, apakah inisiatif dan kemudahan tambahan terhadap pensyarah dalam bidang-bidang kritikal seperti perubatan, kejuruteraan dan teknologi agar pembangunan inovasi dan teknologi kreatif dapat disumbangkan secara efektif oleh komuniti pensyarah IPTA?

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, kita tahu contohnya macam doktor. Doktor dia adalah doktor *as a medical*, maknanya ia adalah doktor praktis dan ada kalanya juga atau sebahagian doktor juga adalah pensyarah di universiti. Pertama, dari segi gred gaji, doktor ini dia masuk kerja lambat, yang bawah JPA, sebab hendak menghabiskan kursus doktor ini lama berbanding dengan pensyarah biasa yang sudah habis *grad* yang ambil doktor dan ambil PhD. Maknanya tempoh perkhidmatan dia adalah lebih lama berbanding dengan doktor. Maka, saya hendak tanyalah tadi tentang skim gaji, adakah diselaraskan ataupun adakah dibuat kajian semula dan sebagainya supaya kualiti-kualiti bidang-bidang kritikal ini dapat disumbangkan oleh pakar-pakar yang turut bekerja, *practicing their specialty*, dengan izin, dan juga membuat pensyarah ataupun mengajar di peringkat universiti?

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, isu keselamatan maritim, pencerobohan nelayan asing dan pertikaian kawasan sempadan penguatkuasaan maritim yang menjadi isu diplomatik negara. Oleh itu, saya ingin mendapatkan penjelasan dari Bahagian Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Luar kerana saya telah mendapat maklum balas bahawa nelayan kita risau kerana sering kali terdapat pertikaian wilayah laut di tengah laut, mereka tidak ada pilihan. Apabila ditawan dan tangkap oleh pihak berkuasa negara jiran, mereka terpaksa patuh, bot ditunda di kawasan laut mereka sedangkan mengikut GPS pada asalnya, mereka masih lagi berada di perairan kita ataupun di perairan yang tidak jelas itulah kerana pada awalnya mereka berada di kita punya perairan.

Sehubungan itu, saya ingin mohon statistik, berapakah nelayan yang telah ditangkap oleh pihak berkuasa luar? Dan bagaimanakah Malaysia mengadakan rundingan dan kerjasama serantau antara Thailand, *Cambodia*, Filipina, Brunei, Vietnam, Indonesia dan Singapura bagi memastikan sempadan dan batas kawalan selia maritim lebih cekap dan optimum?

■1220

Bagaimanakah kaedah penyelesaian agar pencerobohan nelayan asing serantau seperti nelayan Vietnam ke Zon Ekonomi Eksklusif negara kita dapat ditangani dengan berkesan dan selaras dengan peraturan maritim antarabangsa kerana apabila bercerita fasal nelayan ini, kadang-kadang dia melibatkan juga *supply* ikan, itu yang kadang-kadang harga ikan naik dengan alasan ikan tidak banyak sebab banyak nelayan negara lain sudah tangkap ikan di perairan kita.

Seterusnya saya juga ingin bertanya, ini bukan fasal nelayan tetapi hendak bertanya tentang, apakah persediaan negara anggota ke atas kestabilan Lautan Pasifik dan Laut China Selatan ekoran daripada provokasi Korea Utara dan ketegangan hubungan diplomatik kuasa besar China, Amerika Syarikat dan Jepun? Kesan daripada provokasi Korea Utara dalam ujian senjata berpeluru berpandu balistik di Teluk Jepun dan Lautan Pasifik sebab dia punya provokasi ini juga walaupun jauh tetapi memberi kesan kepada perairan kita, Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya bagi yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang kelestarian sumber air negara sebab air ini adalah satu sumber yang paling penting dalam kehidupan kita, dan juga dalam negara kita ini. Saya juga ingin menyentuh penguatkuasaan yang amat tegas ke atas industri yang menjalankan operasi berdekatan dengan *water catchment* perlu diberikan perhatian serius oleh Jabatan Alam Sekitar, majlis air negeri dan pihak kerajaan tempatan. Kejadian pencemaran ammonia di lokasi muka sawk loji air menjejaskan bekalan air bersih kepada penduduk dan meningkatkan kos operasi loji-loji air. Ini saya rasa saya pernah bertanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri KPKT berkenaan dengan pencemaran air tetapi yang kita hendak bertanya tentang aktiviti-aktiviti yang dekat dengan *water catchment* ini sebab kita hendak tahu.

So, kita hendak tanya kepada Jabatan Alam Sekitar, apakah Jabatan Alam Sekitar tidak mempunyai perancangan agar perwakilan kuasa dapat diberikan kepada pegawai SPAN atau pihak berkuasa air negeri bagi memastikan tindakan lebih agresif dan drastik dalam memastikan pihak industri atau orang awam tidak mencemarkan persekitaran di sekeliling sumber air mentah loji air. Bagaimanakah kerjasama Jabatan Alam Sekitar untuk memastikan majlis air negeri untuk berfungsi dengan lebih efektif dan tegas bagi memastikan keselamatan sumber air negara dari dicemari.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada MCMC kerana menangani jenayah siber dan fitnah di media sosial. Akan tetapi kini isu fitnah, jenayah siber dan hasutan begitu kuat berlaku dalam media sosial seperti *WhatsApp* dan *Facebook*. Terdapat juga ramai orang juga menggunakan *WhatsApp group* rasmi, maknanya *official WhatsApp group* yang digunakan dalam jabatan-jabatan, ataupun dalam organisasi yang mana adanya buat *post* rakaman *screen* milik pemimpin atau orang awam yang *diviralkan* dalam media sosial. Yakni maknanya, dia *print screen* Tuan Yang di-Pertua.

Maknanya katakanlah *there's a print screen of conversation* dengan izin, maknanya dia *print screen*-kan perbualan ataupun *conversation* dalam *WhatsApp* ataupun dalam *Facebook* dan dimasukkan dalam kumpulan ataupun *groups WhatsApp* rasmi ini. Oleh sebab, kadang-kadang *postings print screen* ini boleh mengundang hasutan, boleh mengundang implikasi- boleh mengundang macam-macam. Maknanya boleh mengundang hasutan, boleh mengundang ketidakpuasan hati dan sebagainya.

Maka, saya juga difahamkan bahawa ada kesalahan dari segi undang-undang. Saya hendak bertanyalah, bagaimana kerajaan memberi kesedaran kepada orang awam dan pengguna bahawa perbuatan mengambil rakaman *screen status* seseorang individu di media sosial adalah melanggar privasi dan tata amalan yang dikenakan atau dikuatkuasakan oleh pengendali aplikasi media sosial. Bagaimanakah cara kerajaan untuk menangani fitnah dan kecurangan akibat *viral* rakaman *screen postings* pemimpin negara ini? Maknanya dia *print screen conversation* dan laman

web dan sebagainya. Akhir kata, saya memohon menyokong rang undang-undang ini. Semoga dengan terlaksananya semua program dan peruntukan, ini akan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin. Dari ucapannya tadi, kita lihat bahawa banyak isu yang timbulnya yang bait-bait faktanya ada bahawa Yang Berhormat telah buat satu *research* yang baik. Jadi, terima kasih. Saya beralih pula kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun. Dipersilakan.

Puan Hajah Azizah binti Haji Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya dah sudah.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya. Maaf. Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas. Dipersilakan. Saya minta maaf. Salah *page*. Sila.

12.26 tgh.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Untunglah dapat peluang dua kali. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih ayahanda Tuan Yang di-Pertua dan seluruh rakan-rakan Ahli Dewan Negara yang saya kasihi sekalian.

Alhamdulillah, syukur saya kepada Allah SWT kerana dengan limpah izin serta inayahNya maka pada pagi ini, saya dapat bersama-sama untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2018. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada ayahanda Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang keemasan ini kepada saya. Sesungguhnya saya menyanjung tinggi penghormatan yang diberi kepada saya ini.

Seterusnya saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada yang amat dikasihi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah berjaya membentangkan Bajet 2018 di atas kecekapan beliau merangka, merumus serta membentang bajet yang komprehensif dan prihatin. Saya mendapati Bajet 2018 merupakan bajet yang cukup berhemah dan dapat memenuhi semua kehendak dan keperluan rakyat. Bajet ini membuktikan bahawa kerajaan sentiasa prihatin dengan permasalahan rakyat dan cuba sebaik mungkin untuk meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat. Dengan peruntukan sebanyak RM280.25 bilion, ianya merupakan satu bajet yang terbesar dalam sejarah negara walaupun dihipit dengan pelbagai dakwaan bahawa kerajaan telah mufliis dan Malaysia bakal menjadi *fail state* ataupun negara gagal.

Walaupun berhadapan dengan pelbagai badai yang amat mencabar untuk menjatuhkan kerajaan, saya amat kagum dan menyanjung pengorbanan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib, yang telah bertungkus-lumus memimpin dan mentadbir negara. Dalam keadaan sedemikian, beliau tetap teguh berdiri dengan penuh keyakinan dan untuk membawa negara ke satu alaf yang lebih maju dan makmur.

Ini terbukti walaupun pelbagai hasutan dan prasangka buruk yang diletakkan ke atas beliau, negara kita masih terus membangun dan mendapat pengiktirafan antarabangsa yang tinggi di mata dunia. Pencapaian negara yang terkini menunjukkan Malaysia berada dalam landasan yang baik untuk menjadi sebuah negara yang maju. Dalam masa terdekat, perkara ini dapat dilihat dalam

beberapa pengiktirafan dan pencapaian Malaysia dalam ranking antarabangsa bagi tahun 2017. Sebagai contoh, Malaysia berada pada kedudukan 25 dunia dari sudut negara paling berdaya saing.

■1230

Selain itu Malaysia berada pada kedudukan ke-18 bagi negara ekonomi yang mesra menjalankan perniagaan dan ke-14 bagi negara terbaik memulakan perniagaan. Pengiktirafan juga membuktikan bahawa Kerajaan Malaysia merupakan antara kerajaan paling efisien di dunia dengan meletakkan Kerajaan Malaysia pada kedudukan yang ke-11. Dalam pada itu penarafan kredit dan unjuran ekonomi Malaysia yang terbaru juga amat memberangsangkan apabila Agensi Penarafan Antarabangsa ataupun Moody's memberi penarafan kredit A3, manakala Agensi Penarafan Antarabangsa Standard memberi penarafan kredit A2. Agensi penarafan ini menunjukkan unjuran stabil bagi Malaysia.

Melalui Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Keperluan Asas 2016 menyaksikan pendapatan per kapita rakyat Malaysia meningkat daripada RM27,819 kepada tahun 2010 kepada RM40,713 pada tahun 2016. Dijangka mencapai RM42,777 menjelang tahun 2018. Manakala pendapatan median bulanan isi rumah pula telah meningkat kepada RM4,585 pada tahun 2014 kepada RM5,288 kepada 2016.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan saya untuk Bajet 2018 ini, saya hanya ada dua isu yang hendak saya bentangkan. Pertamanya ia melibatkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, soal pencerobohan nelayan asing di perairan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita menongkah arus mencapai kejayaan, negara masih lagi berhadapan dengan pelbagai cabaran yang boleh mengganggu-gugat pembangunan dan kesejahteraan rakyat. Masih banyak lagi masalah-masalah meruncing perlu diberikan perhatian dan diatasi oleh kerajaan. Antara yang hendak saya bangkitkan di sini ialah isu pencerobohan nelayan asing ke dalam perairan negara kita. Nampaknya isu pencerobohan nelayan asing ini telah semakin serius. Mengikut laporan Jabatan Perikanan Malaysia, negara kerugian sebanyak RM6 bilion setiap tahun hasil daripada pendapatan perikanan, akibat aktiviti penangkapan ikan secara haram oleh nelayan asing, ini berikutan dari kegiatan nelayan asing daripada Vietnam, Thailand yang kerap menceroboh perairan Malaysia dan mencuri hasil ikan yang berjumlah 980,000 metrik tan.

Jika aktiviti ini tidak disekat dan tidak dibendung secepat mungkin, saya khuatir masalah yang sedia ada akan menjadi semakin parah, kehidupan dan pendapatan nelayan kita pastinya akan terjejas kerana hasil ikan yang ada telah dirompak oleh nelayan asing. Maka nelayan kita semakin takut hendak ke laut kerana bimbang dengan nelayan asing yang berlagak samseng dengan melepaskan tembakan dan melanggar bot dan kapal bagi menakut-nakutkan nelayan tempatan setelah bertembung dengan bot di tengah laut. Perkara ini didedahkan oleh Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) yang mendakwa nelayan asing terbabit berani bertindak sedemikian sejak tiga tahun kebelakangan ini.

Apa yang lebih membimbangkan kita ialah penglibatan sindiket antarabangsa yang telah mengatur pergerakan dan pencerobohan nelayan asing di perairan negara. Lebih malang lagi Tuan Yang di-Pertua, apabila ada sebilangan anggota penguat kuasa kita sendiri yang bersekongkol

dengan nelayan asing ini apabila dikesan menerima rasuah daripada sindiket antarabangsa bagi melepaskan nelayan asing yang ditangkap dari didakwa.

Perkara ini dapat dibuktikan apabila Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) melalui Ops Armada telah berjaya menahan 22 individu termasuk enam anggota penguat kuasa dan seorang wanita Vietnam bergelar Datuk. Selain itu mengikut kenyataan Ketua Pengarah Jabatan Perikanan, Dato' Haji Munir bin Haji Mohd Nawi ada juga nelayan tempatan sayang menawarkan permit secara haram kepada nelayan asing dengan kadar sewaan RM5,000 sebulan. Saya mendapati gejala ini memberi kesan yang buruk kepada negara kerana yang pertama, menjejaskan hasil pendapatan nelayan tempatan.

Kedua, menjejaskan hasil perikanan negara. Mengikut Ketua Pengarah Jabatan Perikanan, daripada lebih 800,000 tan sumber laut yang dituai di perairan negara hanya kira-kira separuh ataupun 400,000 tan yang didaratkan di pangkalan tempatan termasuk di kampung saya, Kampung Tok Bali.

Ketiga, kekurangan hasil ikan menyebabkan harga ikan di pasaran tempatan melambung naik begitu tinggi. Ini memberi kesan terhadap kos sara hidup rakyat lantas menyebabkan kerajaan terpaksa bertungkus-lumus membantu rakyat.

Keempat, aktiviti menangkap ikan secara rakus oleh nelayan yang menggunakan bot pukot tunda di kawasan perairan pantai telah merosakkan ekosistem laut negara.

Kelima, tindakan nelayan tempatan yang menyewa permit mereka menyebabkan usaha kerajaan untuk meningkatkan perusahaan perikanan sebagai strategi memenuhi matlamat Dasar *Food Security* negara pastinya akan terjejas.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya mengambil tindakan seperti berikut, mengkaji semula Akta Perikanan 1985 terutama seksyen 19 berkaitan kelulusan permit kepada nelayan yang dilihat punca sumber maritim negara di rompak nelayan asing. Kalau kita lihat hari ini, ikan kita di pasaran agak melambung tinggi. Saya tidak menafikan Tuan Yang di-Pertua, pendaratan ikan di tempat-tempat yang telah ditetapkan oleh kementerian di perairan negara termasuk Tok Bali, Kuala Besut, Chendering, Kuantan dan banyak lagi pendaratan-endaratan ikan.

Mutakhir ini pendaratan ikan yang kita dapati dalam negara amat berkurangan. Kita juga dapat kenal pasti rakan-rakan kita di luar sana juga banyak yang bercakap sesetengah nelayan apabila dia keluar ke laut, hasil tangkapan yang mereka dapat kadang-kadang mereka jual tengah laut Tuan Yang di-Pertua. Mereka yang membeli di laut sana termasuk orang Thailand, Vietnam mereka menawarkan lebih tinggi.

■1240

Sedangkan yang kita di pusat pendaratan ini, kita membekalkan nelayan-nelayan kita dengan pelbagai subsidi. Termasuklah diesel dan sebagainya. Malah, sebelum ini saya juga diberitahu bukan setakat ikan yang dijualnya di laut, malah diesel juga dijualnya di laut. Subsidi yang dia dapat dia jual di laut. Inilah perkara-perkara yang sudah tentu menjejaskan perikanan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya, mengkaji semula hukuman terhadap kesalahan yang di bawah Akta Perikanan 1985, dengan mengenakan denda yang lebih berat daripada RM1 juta

kepada RM2 juta terhadap nakhoda dan pemilik kapal nelayan asing dan denda RM200,000 terhadap kru kapal. Selain itu, hukuman penjara bagi tempoh yang lebih lama dari dua tahun yang ditetapkan sekarang hendaklah dikenakan.

Ketiga, kapal nelayan asing yang disita dan didapati bersalah di bawah akta hendaklah dimusnahkan dengan cara yang terbaik oleh pihak penguat kuasa. Mungkin juga kita boleh mencontohi tindakan Kerajaan Indonesia yang meletupkan kapal-kapal nelayan asing yang menceroboh perairan mereka. Seterusnya, pemilik permit yang menyewa permit kapal ataupun bot mereka secara 'ali baba' kepada nelayan asing atau kepada yang tidak berhak hendaklah dikenakan hukuman denda yang setimpal seperti pesalah rasuah. Manakala permit mereka hendaklah ditarik balik dan dibatalkan. Pendekatan penguatkuasaan secara N-BOS hendaklah dipraktikkan bukan sahaja untuk menggembelng segala sumber secara bersepadu, malah dapat menyekat jenayah rasuah di kalangan anggota penguatkuasaan.

Seterusnya, menubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk menghimpunkan semua Agensi Penguatkuasaan Maritim bagi menyelesaikan isu rasuah dan ketirisan hasil laut negara di samping mengatur strategi untuk mempergiatkan operasi penguatkuasaan secara bersepadu. Seterusnya, memperkasakan dan menambah peralatan dan teknologi pengesanan pencerobohan hasil pencerobohan kapal nelayan asing di perairan negara. Mewajibkan pemasangan sistem pemantauan automatik (AIS) kepada semua bot nelayan Kelas 'B'. Hal ini bertujuan untuk memudahkan pihak berkuasa memantau pergerakan mereka supaya tidak tersasar termasuk ke kawasan perairan negara asing selain dapat memudahkan agensi penguatkuasaan membezakan kapal nelayan tempatan dengan kapal nelayan asing.

Seterusnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, hendaklah menawarkan ganjaran kepada nelayan tempatan atau orang awam yang menyalurkan maklumat mengenai kegiatan pencerobohan nelayan asing ke dalam laut negara dan pelanggaran undang-undang oleh pengusaha dan nelayan tempatan. Mohon maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya minum sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila. Tambah tenaga.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Satu perkara lagi yang hendak saya bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini adalah tentang rungutan ataupun rasa tidak puas hati di kalangan pengusaha-pengusaha nelayan terutamanya nelayan C2, nelayan laut dalam di kawasan-kawasan Tumpat, di kawasan-kawasan Tok Bali. Apabila saya pulang ke kampung, mereka datang berjumpa dengan saya soal untuk memiliki bot. Mereka telah mendapat lesen daripada kementerian, mereka mendapat permit untuk mengusahakan bot laut dalam tetapi malang sekali, syarat yang dikenakan oleh Jabatan Perikanan khususnya mestilah kalau contohnya sudah mendapat lima permit, kementerian ataupun Jabatan Perikanan mensyaratkan kepada pengusaha-pengusaha bumiputera ini tiga dibolehkan untuk membeli bot daripada luar negara khususnya Thailand. Dua lagi, mesti dibuat pembinaan baru.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, hendak buat bot baru ini bukan satu hari dua hari. Hendak buat bot baru, lengkap dengan senjatanya di dalam kapal itu memerlukan bertahun lamanya. Satu kos pembinaan bot nelayan laut dalam, memakan belanja hampir RM5 juta. Disyaratkan dua bot mesti buat bot baru, kalau dapat lima bot. Mana mungkin pengusaha-

pengusaha bumiputera yang serba kekurangan di kampung sana mampu mengadakan dan tiga lagi bot dibolehkan untuk kita membeli bot dari luar negara khususnya daripada Thailand. Syaratnya, bot itu tidak melebihi umurnya 20 tahun.

Saya hendak beritahu rakan-rakan Ahli Dewan, bot nelayan boleh digunakan sehingga 60 tahun ataupun 70 tahun. Boleh bertahan, boleh keluar laut, boleh keluar tangkap ikan walaupun umur sudah 60 tahun. Macam Tuan Yang di-Pertua, 70 tahun boleh lagi, kuat lagi, semangat lagi kuat.

Timbalan Yang di-Pertua: Mana *you* tahu?

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Tahulah. Saya tahulah, kan saya ini anak didik Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu. Kuat atau tidak kuat. Boleh tambah seorang lagi ini, Tuan Yang di-Pertua ini. Kalau beranilah. Saya hendak beritahu rakan-rakan, kalau boleh saya mohon kementerian kaji balik peraturan ini. Kaji balik. Benarkanlah kepada pengusaha-pengusaha bumiputera ini, boleh pergi ke Thailand beli bot yang usianya di atas 30 tahun. Beza Tuan Yang di-Pertua, kalau 20 tahun, bot sebuah itu berjuta harganya dan susah hendak dapat. Susah hendak dapat, pergi ke Thailand cari bot umur yang di bawah 20 tahun susah mahu dapat.

Akan tetapi, kalau lepas daripada 20 tahun, 21 tahun kah, 30 tahun kah boleh dapat dengan harga yang RM600,000 atau pun RM700,000 sebuah bot. Bermakna, kalau ini diberikan kelonggaran, maknanya pengusaha-pengusaha kita, pengusaha-pengusaha laut dalam di sekitar Tok Bali, di sekitar Tumpat, di sekitar Chendering dan sebagainya mungkin boleh terus menjalankan usahawan mereka. Jaminan yang diberikan kepada kita pendaratan ikan besok kita mesti mensyaratkan mereka supaya kesemua pendaratan ikan mestilah di daratkan di sekitar tempat yang telah diwajibkan iaitu Tok Bali ataupun pangkalan-pangkalan pendaratan yang telah dikenal pasti. Jadi itu yang saya mohon.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua yang hendak saya bawa pada pagi ini...

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Masih ada lagi. Yang Berhormat Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin tadi dapat hampir satu jam. Empat puluh minit saya tengok jam, bila dia hendak berhenti. Itu orang Johor, orang Tangkak. Kita sama-sama Kuala Lumpur.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Setiawangsa dan Batu tidak jauh. Kita berjiran dan bersaudara. Malah Tuan Yang di-Pertua adalah idola saya. Sudah tentu masa yang perlu mungkin Tuan Yang di-Pertua boleh, tiada masalah?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, sila.

■1250

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Isu yang kedua saya hendak bawa ialah isu perumahan. Timbalan Menteri Perumahan yang berada di sini yang sentiasa peka dengan apa yang diutarakan oleh Ahli Dewan.

Selain daripada berhadapan dengan masalah pencerobohan nelayan asing, saya ingin membangkitkan isu perumahan yang masih membelenggu sebilangan besar rakyat terutama bagi yang berpendapatan rendah dan sederhana. Isu ini boleh dikatakan apabila ada perbahasan bajet

ataupun perbincangan titah Yang di-Pertuan Agong, saya kira saya tidak pernah lekang daripada isu ini sebab isu ini memerlukan sentuhan dan saya tidak mahu kita bercakap dalam Dewan hari ini kita bercakap semata-mata. Tidak ada tindakan daripada pihak-pihak yang berwajib. Ini penting untuk rakyat yang di bawah sana yang melibatkan B40, yang melibatkan M40 yang sudah tentu memerlukan sentuhan daripada kementerian dan kerajaan.

Dalam Bajet 2018, kerajaan telah memperuntukkan RM2.2 bilion bagi merencanakan usaha pemilikan rumah untuk rakyat. Saya merasa sukacita kerana kerajaan telah memperuntukkan bajet yang besar bagi menjelmakan lebih banyak rumah mampu milik di kalangan rakyat. Sungguhpun demikian, bilangan rumah mampu milik yang telah dibina terutama Projek Perumahan Rakyat (PPR) masih belum mencukupi untuk menampung permintaan yang tinggi terutamanya di kawasan Bandaraya Kuala Lumpur ataupun Pulau Pinang.

Walaupun kerajaan banyak membina rumah di bawah program PR1MA tetapi bagi kebanyakan rakyat di bawah kategori B40 tidak mampu untuk memiliki rumah tersebut kerana pendapatan kecil dan tidak layak mendapat pinjaman daripada bank. Justeru, rumah yang sesuai dan mendapat permintaan yang tinggi adalah rumah PPR kerana harganya yang rendah di antara RM30 hingga RM35 seunit di Semenanjung Malaysia dan RM40,500 di Sabah dan Sarawak. Jika tidak mampu membeli rumah PPR rakyat yang berpendapatan kecil boleh menyewa rumah tersebut dengan kadar RM124 sebulan.

Saya melihat konsep beli atau sewa rumah PPR antara yang paling popular di kalangan rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana. Setakat pertengahan tahun 2016 seramai 63,000 pemohon yang masih menunggu untuk mendapat kelulusan mendiami rumah PPR. Oleh itu, saya mencadangkan supaya kerajaan mengutamakan pembinaan lebih banyak rumah PPR daripada rumah projek jenis lain.

Selain itu, saya juga mencadangkan kepada kerajaan supaya menilai semula saiz atau keluasan rumah perumahan awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang cuma mempunyai satu bilik tidur, ruang tamu dan ruang makan yang sangat kecil. Saya masih melihat...

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Yang Berhormat saya, Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Silakan. Silakan.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Yang Berhormat, saya amat tertarik apabila Yang Berhormat bercerita tentang rumah mampu milik ini. Saya mohon pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan pembekuan hartanah yang bernilai RM1 juta yang baru-baru ini diputuskan oleh kerajaan kerana untuk menggalakkan pemaju-pemaju untuk membina lebih banyak rumah yang mampu dimiliki oleh orang ramai. Saya mohon pandangan daripada Yang Berhormat.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih, kepada Yang Berhormat Senator Dato' Fahariyah. Sebenarnya, apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat sebentar tadi ada dalam teks ucapan saya cuma di pengakhir ada saya sentuh soal rumah yang tidak dibeli, banyak projek-projek kos sederhana dan mewah terbiar. Ada, ada dalam- sabar sekejap.

Tuan Yang di-Pertua, sudah dekat mana tadi sudah? Selain itu, saya juga mencadangkan kepada kerajaan supaya menilai semula saiz dan keluasan rumah PPR, perumahan awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, pada minggu yang lepas dalam Program Jejak Kasih Parlimen Batu. Saya berkunjung ke rumah-rumah PA Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, dan PPR Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di sekitar kawasan saya. Maklumlah sudah hendak pilihan raya kena sentuh. Saya pergi di Rumah Pangsa Sri Pangkor, saya pergi di Rumah Pangsa Sri Kelantan dan saya pergi di Rumah Pangsa Sri Perak. Ya Allah, kehidupannya begitu daif Tuan Yang di-Pertua, sedih saya tengok. Tempat tidurnya di situ, masaknyanya di situ. Dalam keadaan rumah yang keluasanya lebih kurang 600 kaki persegi. Semua barang-barang usang dan barang-barang keperluan semuanya di situ...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa saya minta ditangguhkan- teruskan.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Belum lagi, ada lagi empat minit Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak apa, minta persiapan. Persiapan untuk akhir ucapan.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Tidak boleh sambung selepas itu?

Timbalan Yang di-Pertua: Cukuplah sebab ramai lagi menunggu.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi. Yang Berhormat Senator Dato' Fahariyah tanya tidak jawab lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Banyak poin Yang Berhormat buat?

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Tidak apalah saya akur dengan kehendak, Tuan Yang di-Pertua. Kasihan saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Apa yang saya hendak beritahu hari ini bahawa keadaan rumah yang ditawarkan kepada rakyat. Mungkin kesilapan-kesilapan lampau duduk dalam rumah keluasan 600 kaki persegi sudah tentu ia akan menjadi masalah sosial kepada rakyat. Cuba kita bayangkan Tuan Yang di-Pertua, kalau rumah 600 kaki persegi ada keluarga lebih kurang enam, tujuh anak. Kalau ada seorang boleh tahan. Kalau enam orang anak, bagaimana anak-anak itu hendak membesar dalam keadaan sedemikian?

Saya difahamkan juga setengah anak-anak yang berada di rumah tersebut apabila keadaannya ramai keluarga berkumpul ada setengah-setengahnya keluar. Tengah malam keluar cari tempat-tempat yang lebih selesa, tahulah budak-budak remaja. Ini yang membimbangkan kita Tuan Yang di-Pertua. Dan saya juga hendak mengambil kesempatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Kementerian Wilayah dan Persekutuan banyak membina rumah mampu milik yang dikatakan hari ini iaitu rumah PR1MA dan RUMAWIP yang diilhamkan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, terima kasih banyak-banyak. Macam cendawan tumbuh terutamanya dalam kawasan saya di Parlimen Batu.

Akan tetapi, malangnya perkara ini saya sudah bangkit pada perbincangan yang dulu. RUMAWIP setengah tempat hendak beli gaji RM2,000 sudah tidak mampu dan tidak layak. Ada seorang kawan saya tanya, pemaju perumahan. Anak saya gaji RM2,000, pemaju perumahan kata RM2,000 tidak layak. RUMAWIP yang ada hari ini ditawarkan sebanyak RM300,000. Orang muda-muda mana hendak ada duit. Sudahlah bayar pendahuluan kena RM15,000 dulu, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh digulung. Cukup *time*.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Tidak sampai. Tidak Sampai. Orang Kelantan kata, '*tok jeliro*', '*tok de nok jeliro*'. Akan tetapi, apa pun terima kasih dan saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan walaupun banyak lagi perkara-perkara yang harus saya sebut dan saya sentuh. Lepas ini saya akan berada di *lounge* bersama Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya akan berbincang dari hati ke hati. Saya akan persembahkan nota saya untuk jawapan dan tindakan daripada Yang Berhormat Menteri KPKT.

Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya walaupun masa tidak mengizinkan. Sepatutnya tadi saya dulu nombor satu, saya pergi tukar pula dengan Yang Berhormat Senator, jadi masa sudah terhad. Terima kasih, banyak-banyak Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat dapat hampir-hampir 30 minit. Saya ingin mengatakan bahawa pagi ini saya senang hati melihat cara perbincangan bagus. Yang Berhormat Senator Dato' Fahariyah tadi dan masuk pula oleh kita punya wakil Parlimen dari Batu. Kita Ahli Dewan Negara. Dia punya cerita itu bukan main bagus sekali. Dia bukakan cerita sebenar-benarnya tentang telatah nelayan kita itu.

Jadi saya minta tadi supaya Yang Berhormat Menteri akan menjawab segala ucapan-ucapan yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas. Jadi, tahniah Datuk.

Jadi saya rasa usaha yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas itu amat baik. Dia buka cerita. Jadi saya takut tadi. Bak kata orang tua tadi manakah lebih bahaya? Ulat di luar buah kah, ulat dalam buah? Ini yang kita takut ini. Sudah ada unsur-unsur ulat dalam buah dalam kumpulan kita tadi. Saya mintalah benda ini dapat dijagalah.

Pada pagi tadi saya lihat Yang Berhormat Senator Dato' Fahariyah, bagus. Cerita fasal sayangnya kepada anak-anak, seorang ibu dan pernah juga Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas cerita pada saya Ahli UMNO, dia saya rasa wanita, jaga anak begitu sekali. Dia pujilah kaum wanitanya. Bak kata orang tua sakit pun kena dia jaga. Bak kata ada pantun orang Melayu Yang Berhormat mengatakan.

*Bukit ubi memanglah bukit,
Banyak rumah sudah dibina,
Nyamuk seekor kalau menggigit,
Ibu tidak akan tidur lena... [Tepuk]*

Itulah sayang ibu. Jadi dengan itu juga Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Jam pukul 1 lebih saya tangguh Mesyuarat sehingga jam 2.30 petang. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[Mesyuarat dtempohkan pada jam 1.02 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

■1430

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

2.32 ptg.

Tuan Yang di-Pertua: Sambung perbahasan. Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun. Silakan.

Tuan Khairul Azwan Harun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya hendak merakamkan jutaan penghargaan kerana diberi peluang untuk menyampaikan sedikit perbahasan pada hari ini kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua yang merupakan mentor politik saya dan pakar rujuk politik saya.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Khairul Azwan Harun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga hendak merakamkan ucapan jutaan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen *and* Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing di atas pelantikan sebagai Ahli Dewan Negara yang baru serta ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Senator ayahanda Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah dilantik semula sebagai Ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk berbahas sedikit mengenai Belanjawan 2018. Bajet yang bukan hanya memberi tumpuan pada pembangunan negara, malah ia mengambil kira usaha menyejahterakan ekonomi rakyat, termasuk meningkatkan pendapatan boleh guna kelompok pertengahan iaitu M40.

Kita dengar daripada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas tadi serta sahabat saya Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin. Tahun ini kita bersyukur kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membentangkan belanjawan bagi 2018 yang saya kira cukup kemas, cukup menyeluruh, bahkan kita boleh lihat pembahagian dalam konteks peruntukan tersebut, semua sektor dalam ekonomi serta lapisan demografi masyarakat dapat merasai, dengan izin, *the slice of the cake*, Tuan Yang di-Pertua.

Peruntukan lebih RM280 bilion telah dipersembahkan untuk rakyat dan negara, di mana belanja mengurus sahaja melebihi RM234 bilion dan belanja pembangunan melebihi RM46 bilion. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Yang Berhormat Menteri Kewangan I kerana Belanjawan 2018 mengambil kira pendekatan serta strategi *National-Blue Ocean Strategy* (N-BOS) kita. Sebagai strategi merancang dan juga strategi bagi menggubal dasar-dasar baru serta program-program baru bagi melihat kesejahteraan rakyat itu dapat terus terbela, dapat terus kita perkasakan dan ekonomi negara dapat bertumbuh dengan baik serta mampan.

Bahkan Tuan Yang di-Pertua, dalam buku *Blue Ocean Shift* iaitu karangan Profesor Kim sendiri iaitu yang telah mencipta Strategi Lautan Biru ini. Dalam buku terbaru beliau, Profesor Kim sendiri menyebut bahawa pendekatan dan program yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia, terutama apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein iaitu Yang Berhormat Menteri di pagi tadi iaitu antaranya menjadikan kem-kem tentera yang mempunyai kawasan-kawasan serta, dengan izin, *barracks* yang tidak digunakan ditukar menjadi pusat-pusat tahanan ataupun penjara untuk menempatkan *low profile criminals* ataupun *inmates*. Di mana kalau penjara-penjara yang ada pada hari ini sudah menjadi sempit kerana banyak *high profile criminals* tetapi yang mana *low profile* kita pindahkan. Jadi, tidak perlu kerajaan hendak membina penjara baru tetapi kita jadikan kem-kem tentera itu sebagai pusat tahanan yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga merupakan generasi pertama kalau hendak dikirakan dengan cabaran *climate change* atau perubahan iklim dunia yang hari ini dan generasi ini yang masih hidup di bumi tercinta Malaysia ini. Generasi yang berpeluang untuk memperbetulkan dan mengurangkan kesan-kesan tersebut hasil daripada perubahan iklim dunia. Benua Antartika menyimpan lebih 90 peratus sumber air bersih dunia. Akan tetapi bongkah-bongkah ais yang terdapat di sana sedang mencair pada kadar yang pantas dan sebenarnya ia mencair 60 tahun lebih awal daripada yang dijangkakan. Paras air dan suhu yang meningkat juga menyebabkan terjadinya malapetaka bencana alam yang dahsyat daripada apa yang pernah terjadi sebelum ini. Hal ini, sudah tentu akan memberi kesan kepada kawasan-kawasan serantau, sama ada dalam rantau kita ataupun dalam negara kita.

Sebagai contoh, banjir yang melanda Pulau Pinang baru-baru ini pun mungkin akan menjadi lebih kerap. Jutaan Ringgit, bahkan berbilion Ringgit terpaksa kita belanjakan. Termasuk juga ratusan ribu rakyat juga akan terjejas kehidupan mereka. Maka Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kepada kementerian yang berkaitan sama ada Menteri di Jabatan Perdana Menteri ataupun kementerian-kementerian yang berkaitan agar dapat wujudkan sekiranya belum ada lagi sistem bagi melihat pengurusan bantuan bencana banjir ini dengan mengguna pakai pendekatan *National-Blue Ocean Strategy* ini dapat kita bina. Kalau tidak ada lagi, Tuan Yang di-Pertua supaya pengurusan bantuan-bantuan itu dapat dijalankan ataupun dapat diuruskan dengan baik dan sistematik tanpa kita perlu membazir sama ada dari segi wang ringgit ataupun peralatan ataupun makanan.

■1440

Bahkan saya juga ingin mencadangkan kalau, sekali lagi, belum wujud perkara ini iaitu sistem amaran bencana yang lebih berkesan. Ini kerana baru-baru ini apa yang berlaku di Pulau Pinang, ada juga rungutan yang kita terima kononnya amaran awal tidak keluar ataupun tidak disampaikan dengan cara yang sistematik menyebabkan rakyat di sana tidak boleh membuat perancangan ataupun tidak boleh membuat *any plan*, dengan izin, sekiranya berlaku hujan lebat secara tiba-tiba, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi kalau sistem yang ada pada hari ini tidak *connected* dengan jabatan-jabatan yang ada, sebagai contoh Jabatan Meteorologi dan juga jabatan-jabatan bantuan yang lain, maka saya pohon kementerian kalau boleh kita pastikan sistem amaran ini boleh kita naiktarafkan supaya rakyat juga

dengan kerjasama dengan Jabatan Penerangan dapat dimaklumkan jauh lebih awal sekiranya risiko berlaku bencana yang telah berlaku di Pulau Pinang itu akan berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, selain daripada ancaman daripada *climate change* ataupun perubahan iklim, hari ini anak muda negara juga berhadapan dengan ancaman daripada segi *job security* ataupun keselamatan kerjaya yang mana hari ini kita tidak boleh nafikan bahawa selain daripada kemasukan *talents* ataupun profesional-profesional dari luar negara serta pencari-pencari kerja dari luar negara, rakyat kita orang muda juga berhadapan dengan cabaran iaitu hari ini mengikut perkiraan, 35 peratus pekerjaan sedia ada bakal digantikan dengan komputer ataupun robot.

Bahkan, ada juga- kalau saya hendak tarik perhatian. Kalau dahulu, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak pernah menjangkakan bahawa profesion-profesion seperti akauntan, *doctors* bahawa suatu hari nanti mereka juga boleh diambil alih oleh automasi ataupun *robots*. Kita dapat lihat hari ini ada juga kerja-kerja yang dibuat, sebagai contoh saya dahulunya berkhidmat sebagai seorang akauntan, seorang *auditor*, kalau dahulu kerja-kerja mengaudit ini dibuat secara manual, tetapi hari ini banyak ia digantikan oleh sistem-sistem serta aplikasi-aplikasi komputer yang dilihat lebih berkesan, mampu untuk membantu juruaudit-juruaudit untuk mengaudit akaun-akaun yang ada.

Jadi, satu hari nanti majikan akan mungkin menggantikan tenaga kerja manusia dengan sistem dan mesin automatik ataupun automasi. Lihat sahaja di tol-tol plaza yang ada di negara kita, Tuan Yang di-Pertua. Tidak banyak sudah manusia yang bekerja di sana. Semuanya diambil alih oleh sistem elektronik dan automasi.

Ancaman ini sebenarnya saya lihat perlu dipandang serius oleh kerajaan dan saya ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta Menteri Kewangan kerana telah menyediakan dana lebih RM4.9 bilion kepada Kementerian Sumber Manusia untuk memastikan pengajian TVET kita, *technical and vocational education training*, dengan izin, dapat diselaraskan semula. Kalau sebelum ini, kementerian-kementerian banyak- kementerian KBS nya ada sendiri, kementerian KKLW pun ada membuat program TVET sendiri, Kementerian Sumber Manusia pun ada buat sendiri. Jadi hari ini saya ucap terima kasih dan tahniah kepada Perdana Menteri kerana meletakkan semua program TVET ini di bawah satu kementerian iaitu Kementerian Sumber Manusia.

Untuk itu, saya mencadangkan kepada pihak kementerian yang berkaitan, dapatlah segera untuk mengenal pasti sektor-sektor yang terdedah dengan cabaran dan saingan dalam industri revolusi keempat ataupun *the forth industrial revolution* yang kini sedang mengambil tempat dan sedang berlaku di mana kerjaya seperti yang saya sebutkan tadi, banyak mula diambil alih oleh sistem-sistem automasi, *robots* dan juga *artificial intelligence*. Saya risau kalau kita tidak siapkan satu keupayaan anak muda pada hari ini untuk tempoh 20 tahun, 30 tahun mendatang, mungkin kerjaya yang hari ini wujud untuk manusia, mungkin lagi 10 tahun, 20 tahun, 30 tahun sudah tidak wujud dan tidak sesuai dibuatkan oleh manusia lagi dan di manakah anak-anak muda kita pada hari ini yang mungkin masih lagi berada di bangku sekolah mendapat pekerjaan dan seterusnya untuk meneruskan kehidupan mereka?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak mengambil perhatian daripada sidang Dewan yang mulia ini, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Wira Razali bin Ibrahim juga telah menjawab dan telah dibangkitkan juga ancaman gejala dadah yang semakin hari semakin membimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun bagi pihak generasi muda dalam negara kita, kita beri ucapan tahniah kepada pihak PEMADAM yang mana salah seorang daripada Ahli Dewan Negara kita, Dato' Haji Mohd Suhaimi, merupakan Timbalan Yang di-Pertua kepada PEMADAM Kebangsaan yang bekerja kuat untuk memastikan rakyat sentiasa terdedah dan juga mendapat maklumat serta informasi mengenai gejala dadah yang mutakhir ini semakin berleluasa, Tuan Yang di-Pertua.

Cuma, saya hendak minta pandangan daripada pihak kementerian sama ada Kementerian Dalam Negeri ataupun Menteri di Jabatan Perdana Menteri, baru-baru ini saya juga bangkitkan, Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana keupayaan dan juga keberkesanan Agensi Antidadah Kebangsaan ini. Saya dapat maklumat, saya dapat cerita, Agensi Antidadah Kebangsaan ataupun AADK ini sebenarnya tidak mempunyai keupayaan seperti yang sepatutnya. Sebagai contoh, saya difahamkan lokap sendiri pun tidak ada, Tuan Yang di-Pertua, terpaksa menumpang sama ada lokap yang dimiliki oleh polis ataupun pusat-pusat tahanan imigresen.

Jadi kalau saya, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencadangkan kalau dilihat di negara-negara lain sebagai contoh kalau di Amerika Syarikat, kita ada *Drug Enforcement Agency*, di Australia pun ada agensi yang tersendiri, mungkin di Malaysia ini sudah tiba waktu masa dan ketika, AADK itu boleh kita perkasakan, boleh kita naiktarafkan. Ini pegawai-pegawai *enforcement* AADK pun tidak diizinkan untuk membawa senjata.

Saya tidak pastilah kalau ada pasukan elit AADK yang wujud tetapi kalau di tempat saya, Tuan Yang di-Pertua, di Perak Tengah, memang masalah gejala dadah ini cukup berleluasa. Kadang-kadang yang hendak pergi, hendak mencari pengedar-pengedar dadah ini, maklumlah pihak polis pun dia ada tugas yang lain, terpaksa mencari penjenayah-penjenayah yang lain, jadi fokus untuk menangani masalah gejala dadah ini terpaksa diserahkan sepenuhnya bulat-bulat kepada pihak AADK.

Akan tetapi apabila pihak AADK itu tidak diperkasakan- sebagai contoh, kalau pihak penguat kuasanya hendak menyerbu mana-mana sarang pengedar dadah dan penagih dadah, yang bawanya hanyalah cota dan dibantu oleh sahabat-sahabat daripada pasukan RELA. Itulah yang hendak kita tangkap ataupun jentera yang hendak kita gunakan untuk menangkap sama ada pengedar ataupun penagih dadah. Apabila mereka ini menyerbu tempat-tempat tersebut, mereka berhadapan dengan apa? Ada pula tempat-tempat itu yang mana pengedar dan juga penagih itu sudah ada senjata sendiri. Ada sesetengah tempatnya sudah memiliki pistol sendiri. Parang itu jangan cakaplah, Tuan Yang di-Pertua. Sudah ada dah, memang bersepah.

Jadi macam mana jentera penguat kuasa kita ini apabila berhadapan dengan masalah sebegini, kita serahkan tanggungjawab ini kepada mereka tetapi kita tidak berikan keupayaan untuk mereka? Saya yakin dan saya percaya, usaha untuk menangani masalah gejala dadah ini kalau kita tidak buat dengan bersungguh, maka saya risau masalah ini akan terus menjadi masalah yang

sangat meruncing. Jadi, saya berharap kementerian dapat memberi sumber dan keupayaan yang sepatutnya kepada Agensi Antidadah Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, terlalu banyak perkara yang perlu diambil kira sebagai sebuah kerajaan yang cekap dan stabil untuk menggalas tanggungjawab mengemudi bahtera Malaysia, menempuhi ombak dan badai di masa hadapan. Perkara ini semua rakyat kena bersatu. Rakyat kini berada di sebuah persimpangan dilema iaitu untuk kekal ataupun untuk ubah. Satu pangkah yang bakal menentu nasib mereka hari ini dan nasib masa depan anak cucu mereka nanti. Sebenarnya ramai yang masih berada di atas pagar, memerhati dan mencongak-congok dan hanya akan membuat pilihan di saat-saat akhir nanti.

Di sebelah pihak pembangkang, partinya sudah berbeza. Pemimpinnya juga bertambah. Mereka mempersembahkan nostalgia gandingan antara pemimpin-pemimpin dahulu termasuk bekas Perdana Menteri dan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Mahathir dan Dato' Seri Anwar, sebuah gabungan lama pemerintah negara, namun mereka cuba untuk menjenamakan semula sebagai gabungan masa depan. Dewasa ini rakyat Malaysia terutama anak-anak muda, Tuan Yang di-Pertua, sering dimomok-momokkan dengan nostalgia-nostalgia dongeng ini. Bahayanya ialah apabila kita dijamu dengan nostalgia yang diubah, ditokok tambah, memori yang sengaja diolah semula agar menyimpang daripada kebenaran.

■1450

Apa yang peliknya Tuan Yang di-Pertua, anak-anak muda yang belum lahir pada masa itu ataupun mungkin baru lahir waktu itu juga cakap benda yang sama. Lihat sahaja di sosial media Tuan Yang di-Pertua, apabila kita cuba tepis fitnah dan tohmahan pembangkang, ada sahaja anak muda yang mempertahankan pemimpin-pemimpin di Pakatan Harapan dengan berkata, *"Kini, Pakatan ada Tun Mahathir. Zaman beliau berkuasa, semuanya hebat-hebat belaka."* Konon zaman beliau kerajaan itu adil, rakyat berkuasa, tiada diktator, semuanya telus. Kononnya segala yang baik hari ini sebab beliau yang bina, segala yang buruk ialah kita semata-mata.

Maka pada zaman Tun Dr. Mahathir pula, dilihat kelihatan projek-projek seperti Koridor Ekonomi di pantai timur, di Sabah dan Sarawak, di utara tidak ada Tuan Yang di-Pertua, *Vision Valley* di Negeri Sembilan tidak wujud waktu itu. Zaman ini, sekarang ini di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, kita bina macam-macam.

Di Sabah dan Sarawak kita bina Lebuhraya Pan-Borneo yang menyambungkan Semantan di hujung Sarawak hingga ke Tawau di Sabah. Tidak ada tol pun Tuan Yang di-Pertua, tanya Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara daripada Sabah dan Sarawak ini. Semuanya bergembira kerana hari ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri cukup prihatin dengan keperluan rakyat di seluruh negara.

Saya sebut di peringkat awal tadi, kesemua lapisan demografi masyarakat ini dapat merasai daripada kek Belanjawan 2018 ini. Boleh tanya juga Ahli-ahli Dewan Negara daripada Sabah dan Sarawak ini banyak mana, berapa kali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri sudah melawat Sabah dan Sarawak? Saya ingat tidak terkira.

Tanya CM Sabah, tanya CM Sarawak, mereka pun kata tidak terkira punya banyak kalinya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri ini turun melawat negeri

Sabah ini. Akan tetapi ada juga Tuan Yang di-Pertua, kedengaran suara-suara yang kata Perdana Menteri kita *consistently irresponsible*. Ada yang mengatakan Perdana Menteri kita ini tidak bertanggungjawab. Apabila ditanya macam mana kita hendak terjemah perkataan "*consistently irresponsible*" itu, sudah kita pun tidak tahu. Akan tetapi sebenarnya kita fahamlah kerana perangai hendak melabel pemimpin-pemimpin ini hanya berada di kalangan pemimpin-pemimpin pembangkang yang suka sangat melabel orang lain dengan macam-macam nama.

Dahulu Tuan Yang di-Pertua, kita lihat waktu pemimpin kita dahulu banyak berlaku *bail out*, perjanjian berat sebelah dengan syarikat-syarikat yang mempunyai kaitan dengan dia. "Dia" itu Tun Dr. Mahathir Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berasa teragak hendak sebut. Kita ingatlah macam-macam *bail out* apabila krisis-krisis kewangan Asia melanda, syarikat-syarikat ini semuanya ditebus, diselamatkan oleh kerajaan. Puluhan bilion Ringgit guna duit rakyat, duit kerajaan macam-macam Tuan Yang di-Pertua. Konsortium Perkapalan Berhad kita tahu milik siapa. Apabila dilanda masalah Petronas melalui MISC waktu itu selamatkan dengan jumlah yang besar- RM1.7 bilion waktu itu, duit siapa?

Kita tahu skandal Perwaja Steel rugi lebih RM10 bilion. Ini tidak masuk kira lagi projek-projek lain- *Biotech Valley*. Konon hendak tarik pelabur dan pelaburan tetapi hilang sasaran pelaburan, hilang RM1 bilion. Cerita hendak buat *e-village*, konon hendak bina studio Hollywood terbesar di Asia, diperuntukkan RM2 bilion waktu itu, habuk pun tidak ada. Tuan Yang di-Pertua, kita tidak tahu apa jadi. Ini ada projek satu lagi, Invent Q Jaya- konon hendak bina pusat kajian dan paten. Kajian dan paten pun entah ke mana. Hutang jumlah RM242 juta yang rakyat terpaksa tanggung sampai hari ini.

Ini dahulu pun kita tahu suatu ketika dahulu ada juga pemimpin dahulu terpaksa guna duit rakyat kerana hendak *bail out* apabila kerajaan melabur dalam pasaran timah antarabangsa. Terpaksa guna duit KWSP lebih RM1.5 bilion kerana kerugian dalam pasaran timah antarabangsa. Banyak Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut satu per satu ini pun secara *detail* panjang lebar tetapi hendak sebut jugalah fasal di dalam Dewan yang mulia ini. Saham MAS, saham TIME.com termasuk jugalah yang paling terkini sekali, skandal urus niaga tukaran wang asing Bank Negara ini, saya pun tidak faham ini. Sudah dibentangkan kepada Dewan Rakyat baru-baru ini, saya pun hendak tahu jugalah apa tindakan selanjutnya daripada pihak berkuasa.

Saya hendak mencadangkan pihak berkuasa ini terutama PDRM ini kerana Laporan RCI terhadap urus niaga mata wang asing Bank Negara ini telah pun dibuat dengan siasatannya secara telus. Jangan ada mana-mana individu ataupun pihak yang cuba mempertikaikan kewujudan RCI ini kerana Ahli-ahli RCI ini terdiri daripada mereka yang mempunyai kredibilitinya, mempunyai meritnya. Mereka ini adalah orang-orang yang bebas daripada mana-mana pengaruh politik. Jadi apa jua keputusan dan juga *findings* mereka, dengan izin Tuan Yang di-Pertua itu, saya anggap satu *findings* yang cukup *credible*. Jadi apabila telah dibentangkan kepada Parlimen, kita hendak tahulah apa tindakan selanjutnya. Mungkin pihak KDN ataupun pihak polis perlu menyampaikan informasi seterusnya terhadap ini.

Saya minta dengan apa yang berlaku ini, saya mendesak dan juga saya menyeru pihak berkuasa terutama PDRM ini untuk menyiasat ahli-ahli keluarga pemimpin-pemimpin ataupun

bekas-bekas pemimpin yang telah dinamakan dalam Laporan RCI tersebut, yang telah membina kekayaan berbilion-bilion Ringgit waktu itu. Kita hendak tahu jugalah dari mana datangnya kekayaan mereka itu. Ini kerana hari ini mereka macam-macam kata pada kita, biar polis siasat. Itu pun berdasarkan kepada Laporan RCI yang telah dibentangkan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, berbeza dengan kerajaan hari ini, kita tidak hanya berfikir bila bangunan hendak siap dan kerja selesai sahaja. Kita fikir jauh ke depan, bagaimana setiap Ringgit pelaburan dapat memberikan kesan optimum dan menyeluruh. Tatkala kita ingin membina ECRL, ya betullah ada pelaburan dari negara China dan tenaga pakar dari negara China tetapi kita juga menyediakan peluang dan juga ruang untuk program latihan industri untuk anak-anak tempatan. Di bawah ECRL juga, komitmen datang daripada pihak kerajaan iaitu satu program latihan industri dibangunkan untuk lebih 3,000 orang graduan tempatan agar kemahiran baru terutama dalam bidang rel ini dapat mereka peroleh.

Bahkan apabila MRT dibina, MRT1 Tuan Yang di-Pertua kita bangunkan Akademi Latihan Terowong yang pertama di rantau ini untuk melatih anak muda tempatan dalam bidang tersebut. Semua ini dapat kita guna pakai apabila kita hendak membina, hendak memperbesarkan jaringan MRT kita serta ECRL sudah pasti memerlukan terowong-terowong yang baru. Difahamkan lebih 45 peratus Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja di bawah pakej-pakej MRT telah diberikan kepada syarikat-syarikat tempatan dan pakar-pakar tempatan.

Ada pula Tuan Yang di-Pertua yang mungkin akan kata, kenapa dulu senyap? Dulu senyap, jawapannya mudah. Dulu tiada kebebasan bersuara, baik di luar mahupun di dalam. Surat khabar yang kritikal semua di tutup. Pengkritik-pengkritik politik dicekup dan dihumban ke dalam penjara seperti Ops Lalang waktu itu. Apabila hendak tutup mulut lawan, berlakulah tragedi seperti Tragedi Memali konon atas alasan keselamatan negara. Mahkamah waktu itu dikawal sepenuhnya sehingga Ketua Hakim Negara dipecat tanpa sebab yang kukuh. Perkara asas dalam sistem kehakiman pun diabaikan. ISA digunakan, dijadikan senjata untuk menahan individu-individu yang dirasakan ancaman politik tanpa perlu di bicara.

Jangan kita lupa Timbalan Perdana Menteri waktu itu Dato' Seri Anwar dia sendiri pun kena tumbuk sehingga mata lebam. Timbalan Perdana Menteri hari ini Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi waktu itu ditahan di bawah ISA. AUKU waktu itu dijadikan pendinding untuk menghalang mahasiswa daripada bersuara. Dalam parti kerajaan dan negara wujud *a culture of fear*, kuku besi. Sekarang Tun Mahathir bercakap macam dia orang yang suci dan kita pula yang zalim dan diktator.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh juga mengenai pembangkang terutama DAP. Pakatan Harapan yang dipimpin oleh DAP ini kononnya sangat demokratik. Bahkan DAP ini namanya Parti Tindakan Demokratik- *Democratic Action Party*. Akan tetapi sebenarnya di mana demokrasinya? Pemimpin de facto-nya Yang Berhormat Lim Kit Siang ini sudah berpuluh tahun menjadi pemimpin de facto DAP ini. Tengok Yang Berhormat Lim Guan Eng sampai hari ini masih lagi menjadi setiausaha agung. Demokratik mana sangat saya hendak tanya ini, baru-baru ini apabila berlaku pemilihan semula parti DAP saya hendak cerita Tuan Yang di-Pertua, ada 1,158 ahli perwakilan DAP yang tidak hadir untuk mengundi.

■1500

Di mana mereka? Daripada 2,500 orang lebih perwakilan, ada 1,158 orang yang tidak mengundi. Ini takutlah, kalau datang 1,158 orang ini, Yang Berhormat Kepong iaitu Dr. Tan Seng Giaw pula menang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini Menteri siapa?

Tuan Khairul Azwan Harun: Okey, minta maaf. Saya sudah lari sedikit Tuan Yang di-Pertua. Tidak mengapa. Saya balik ke landasan saya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada belanjawan, tiada siapa yang suka, saya kira mungkin ada yang tidak suka bayar cukai. Akan tetapi suka atau tidak, kita tetap kena bayar cukai. Oleh sebab kerana cukai itulah yang membiayai pembangunan dan membantu yang memerlukan.

Pembangkang sebut GST ini tidak adil. Akan tetapi saya hendak tanya, kalau kerajaan mansuhkan GST, kutipan GST tahun sudah sahaja lebih RM40 bilion. Kalau tidak ada GST Tuan Yang di-Pertua, di mana kita hendak cari pendapatan untuk menampung sebagai contoh perkhidmatan awam kita, sebagai contoh perkhidmatan kesihatan kita. Termasuk juga kalau berlaku bencana alam, hendak bantu mangsa-mangsa banjir yang ada ataupun mana-mana bencana yang ada di seluruh negara. Berbanding dengan SST.

Saya berterima kasih dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana hari ini meneruskan sistem GST ini dan kita yakin bahawa sistem GST yang lebih adil, lebih menyeluruh dan lebih berkesan ini mampu untuk membantu meningkatkan pendapatan negara sekali gus bantu kerajaan untuk terus menjaga rakyat dan juga membangunkan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi. Saya juga hendak menyatakan apabila strategi kerajaan untuk menyelesaikan masalah-masalah bagi jangka masa yang panjang, maka fokus kita kepada pelaburan, fokus kita kepada penghasilan pekerjaan berpendapatan tinggi, fokus kita kepada TVET, usahawan dan universiti berkualiti serta pendidikan yang terkini merupakan satu strategi yang cukup baik.

Inilah corak pembangunan di serata dunia. Kembangkan ekonomi dan melabur dalam modal insan. Apabila ekonomi berkembang, peluang pekerjaan bertambah, pendapatan juga meningkat. Justeru, mudahlah untuk sebahagian daripada anak muda yang pinjam PTPTN itu mampu untuk membayar PTPTN. Akan tetapi jangan pula jadi macam pembangkang ajar anak muda lari daripada membayar hutang PTPTN. Hutang PTPTN tetap kita kena bayar juga.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua sebelum saya tamatkan. Hari ini kita juga berhadapan dengan cabaran-cabaran mengenai berita-berita palsu ataupun *fake news*. Saban hari kita lihat macam-macam cerita yang datang daripada portal-portal pembangkang. Antaranya *Malaysiakini* dan juga pro pembangkang seperti *The Malaysian Insider*. Banyak cerita dan laporan yang dibuat itu sebenarnya tiada asas. Tambah pula apabila mereka menggunakan tajuk yang sangat mengelirukan dan sangat berbahaya. Kadang-kadang cerita itu pendek sahaja, dua tiga rangkap tetapi tajuknya seolah-olah menceritakan sebaliknya.

Jadi ini sangat ketara di kalangan portal-portal pembangkang ini seperti *Malaysiakini* dan *The Malaysian Insider* ini. Maka saya minta pihak berkuasa sama ada Kementerian Komunikasi dan Multimedia ataupun Kementerian Dalam Negeri ataupun termasuk juga Kementerian Perdagangan

Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) yang juga Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di bawahnya untuk menyiasat siapa kah pemilik-pemilik portal-portal ini termasuk *The Malaysian Insider*.

Oleh kerana kita risau kalau ada pengaruh-pengaruh luar yang sebenarnya mendalangi portal-portal ini dan membawa *fake news*. Masalahnya Tuan Yang di-Pertua, dalam negara ini kita tidak layan sangat. Akan tetapi portal-portal ini juga dilayari oleh orang-orang asing yang berada di luar Malaysia. Cerita tadi Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas ada bangkitkan *fake news* yang dibawa oleh pembangkang kononnya Petronas, Tabung Haji bankrap, cerita itu, cerita ini. Ini semua cerita tipu. Akan tetapi apabila mereka bawa, orang di luar sana percaya.

Jadi oleh sebab itu saya minta kementerian-kementerian berkaitan cuba untuk lihat kembali. Kalau punyai asas untuk kita buat sesuatu, ambil tindakan undang-undang maka janganlah rasa takut, jangan rasa risau apa-apa. Tolong ambil tindakan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, mereka juga berjanji hendak menghapuskan tol, macam-macam. Sebelum saya tamatkan ini. Pembangkang hendak rampas semula konsesi. Ini saya hendak cerita. Kerajaan sudah buat kira-kira. Kos hendak ambil alih semua konsesi tol berjumlah lebih RM400 bilion. Jadi saya hendak tanya pembangkang, macam mana kita hendak ambil semua konsesi ini hendak bayar dengan apa? Bajet tahunan pun sekitar RM200 bilion.

Jadi hendak ambil alih konsesi ini, hendak petik daripada pokok mana ini? Sahabat-sahabat daripada pembangkang. Kerajaan yang bertanggungjawab adalah kerajaan yang membetulkan kekurangan lalu, menguruskan keutamaan dan cabaran semasa serta merancang yang terbaik untuk masa hadapan. Inilah tunjang bagi transformasi sebenar Tuan Yang di-Pertua. Nikmat kita hari ini adalah transformasi sebenar yang dilaksanakan, bukan janji-janji manis palsu yang di jaja.

Itulah nikmat dan realiti sejati. Jangan kerana terikut-ikut emosi. Kerajaan hari ini merupakan satu wadah untuk masa hadapan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *we are the party of the future*. Maka, sebagai wadah untuk masa hadapan, kita bekerja untuk memastikan masa hadapan negara dan rakyat itu akan terus terbelah. Kita juga kerajaan yang, dengan izin, *engaging*. Kita bertemu dengan pelbagai lapisan masyarakat. Sudah tentulah dalam konteks ini, generasi muda yang akan mengambil alih kepimpinan negara suatu hari nanti perlu dilibatkan.

Kita berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah mewujudkan ataupun telah mengilhamkan Transformasi Nasional 2050 di mana inilah merupakan platform yang sangat baik dan yang saya sebutkan tadi *the engaging platform* ini sangat diperlukan. Ini kerana hari ini tiada lagi pendekatan *paternal*, dengan izin. Kalau dahulu, kalau kita merangka Wawasan 2020 pada zaman Tun Mahathir dahulu, ia berbentuk *paternal, imposing*. Apa yang datang daripada *top, it is top down approach*. Hari ini apa yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak adalah *bottom-up approach*. Pendekatan dari bawah ke atas, mendengar apakah aspirasi dan kehendak masa hadapan yang diperlukan oleh anak muda.

Alhamdulillah maka kalau dengan itulah perjalanan kita untuk menempuh 20 tahun, 30 tahun mendatang untuk menjadi 20 buah negara yang terbaik, untuk menjadi 20 masyarakat terbaik di dunia menjelang tahun 2050. Maka kita perlu bersyukur dengan apa yang kita ada pada hari ini terutama sikap dan keikhlasan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul

Razak yang sentiasa prihatin dan sentiasa mendahulukan rakyat demi masa hadapan negara Malaysia yang lebih baik, yang lebih terbilang.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya menyokong Belanjawan 2018. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sebenarnya telah tetapkan masa 20 minit untuk seorang. Akan tetapi Yang Berhormat yang muda ini sudah ambil masa dekat 40 minit.

So, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, yang lama, tolong ambil masa 20 minit. Dia itu baru Ahli Yang Berhormat. Dia emosi sedikit. Dia hendak pembangkang pula jawab. Yang Berhormat, bajet ini hanya kerajaan yang boleh jawab.

Okey sekarang, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah ada?... *[Disampuk]* Okey. Kepada yang tidak dapat oleh kerana sebab-sebab tertentu, dia boleh celah apabila Yang Berhormat Menteri menjawab. So, tidak payah buat apa, boleh celah. Saya bagi izin.

Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah Sulaiman. Silakan.

3.08 ptg.

Datuk Jamilah Sulaiman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Alhamdulillah* segala pujian dan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana limpah kurnia dan izin-Nya jua dapat kita bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2018 bagi Mesyuarat kali ini.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan bajet tahun 2018.

Tuan Yang di-Pertua, kos sara hidup. Saya ingin memulakan perbahasan saya dengan menyentuh isu berhubung dengan kenaikan kos sara hidup. Walaupun isu ini acap kali diperbahaskan dalam Parlimen dan di media-media, saya terpanggil untuk membahaskan isu ini kerana saya melihat isu ini merupakan isu yang serius yang perlu ditangani oleh kerajaan dengan secepat mungkin.

■1510

Ini penting kerana kita tidak mahu rakyat menanggung beban dan derita disebabkan kenaikan inflasi yang seolah-olah tidak terkawal. Kalau dahulu jika berlaku inflasi pun kenaikan harga barang-barang tidaklah naik begitu mendadak seperti sekarang ini. Sejak diperkenalkan GST diikuti dengan penarikan subsidi beberapa barangan seperti minyak petrol dan kejatuhan mata wang Ringgit, trend kenaikan harga barang begitu ketara sekali. Selain itu, kenaikan harga minyak petrol susulan kenaikan bahan api di pasaran dunia turut menyumbang kepada kenaikan inflasi. Kita melihat kenaikan harga minyak petrol menyumbang kepada kenaikan kos pengangkutan yang turut memberi kesan terhadap harga makanan dan harga barangan keperluan yang lain.

Mengikut laporan oleh Bank Negara Malaysia, kadar inflasi bagi suku ketiga 2017 ialah pada 3.8 peratus berbanding empat peratus pada suku kedua 2017. Dijangkakan inflasi terus akan meningkat kepada tiga peratus pada tahun ini berbanding 2.1 peratus pada 2016. Jangkaan ini

berdasarkan harga bahan api yang lebih tinggi, penghapusan subsidi ke atas harga barang terpilih, peningkatan kos perniagaan serta penyusutan ringgit yang menyebabkan harga import lebih tinggi. Apa yang membimbangkan, purata penambahan pendapatan majoriti rakyat terutama dari kumpulan B40 dan M40 masih tidak setimpal dengan kenaikan harga barang-barang.

Walaupun kerajaan memperuntukkan kenaikan BR1M dan pengecualian membayar cukai bagi rakyat berpendapatan RM3,000 ke bawah dalam Bajet 2018 tetapi penambahan ini masih tidak mencukupi untuk membantu rakyat menampung kos sara hidup bulanan mereka. Bank Negara Malaysia dalam laporan 2016 menyatakan kadar hutang isi rumah ialah pada paras 88.4 peratus. Sungguhpun terdapat penurunan sedikit daripada tahun 2015, kadar ini masih dianggap tinggi.

Apa yang membimbangkan ialah ramai yang terpaksa membuat pinjaman terutamanya melalui kad kredit bagi menampung keperluan hidup. Ada juga golongan yang terdesak terpaksa membuat pinjaman melalui along sehingga meletakkan diri mereka dalam keadaan terancam dan menjadikan hidup mereka merana semata-mata untuk membayar hutang rumah, kereta dan pendidikan anak. Walaupun tidak dinafikan ada yang berhutang kerana mempraktikkan gaya hidup mewah.

Mengikut laporan kaji selidik yang dilakukan oleh www.iproperty.com.my menyatakan peningkatan ketara dalam kos sara hidup di Malaysia meliputi kenaikan harga minyak, tol, utiliti dan tambang pengangkutan awam. Peningkatan ini juga adalah disebabkan oleh pengenalan GST yang telah menyebabkan harga kebanyakan barang melambung naik.

Walaupun inisiatif kerajaan ini baik, apa yang menyedihkan jaminan yang menyatakan bahawa cukai SST yang sepatutnya setelah dihapuskan dapat mengurangkan harga barangan ternyata meleset, malah harga barangan bertambah tinggi setelah peniaga enggan menurunkan harga barangan apabila mereka menambah GST enam peratus ke atas SST 10 peratus. Sekali gus menaikkan harga barangan yang menyusahkan rakyat. Malah pengenalan GST ini lebih memberi kesan kepada golongan berpendapatan rendah dan pertengahan.

Golongan berpendapatan tinggi tidak begitu terkesan. Kebanyakan mereka juga adalah pengusaha, pembekal dan peniaga yang mampu menaikkan harga barang untuk menampung kos GST selain dijanjikan bayaran balik kepada mereka. Namun golongan berpendapatan rendah serta sederhana yang kebanyakannya tergolong di kalangan pengguna akhir, mereka terpaksa mencatu pendapatan mereka yang sememangnya cukup makan sebelum ini untuk terus hidup. Dengan kadar pendapatan isi rumah kumpulan B40 pada purata RM3,000 sebulan, jumlah ini pastinya tidak mencukupi untuk membayar pinjaman perumahan, kereta, keperluan dapur, utiliti, akses *internet* dan pendidikan anak-anak.

Selain itu kerajaan telah memutuskan untuk membuat penetapan harga minyak pada setiap hari Rabu secara mingguan. Perlu diingat bahawa harga minyak merupakan pencetus bagi penentuan harga barangan lain. Pada kebiasaannya jika harga minyak naik, harga barangan lain akan turut naik tetapi sukar untuk turun semula apabila harga minyak turun.

Apa yang membimbangkan saya ialah keadaan ini boleh di manipulasi oleh peniaga untuk menaikkan harga barang. Jika ini berlaku, rakyat miskin dan susah terutama yang tinggal di kawasan

luar bandar dan pedalaman akan menghadapi kesusahan kerana kos pengangkutan tidak menentu sehingga menyebabkan harga barang meningkat.

Oleh itu, langkah yang sepatutnya perlu diambil kerajaan untuk mengawal dan menurunkan harga barang di samping meningkatkan pendapatan rakyat yang dilihat tidak seimbang dengan kenaikan kos sara hidup. Cadangan saya ialah:

- (i) kerajaan perlu membantu mempelbagaikan dan menambah pendapatan rakyat dan bukan sekadar dengan pemberian bantuan sara hidup seperti BR1M;
- (ii) meningkatkan pendapatan rakyat yang bekerja dengan menaikkan paras gaji minimum sepadan dengan kadar kos sara hidup;
- (iii) menaikkan kadar pemberian BR1M daripada yang diberi sekarang;
- (iv) mewujudkan pasar ikan rakyat 1Malaysia seperti Kedai Rakyat 1Malaysia yang dapat menawarkan harga ikan dan sayur yang murah kepada rakyat;
- (v) mengimarah dan membuka lebih banyak tanah untuk pertanian dan perikanan bagi menambah bekalan makanan supaya dapat menurunkan harga barang;
- (vi) mengawal dan menetapkan had terhadap produk makanan yang dieksport seperti ikan, daging, ayam, minyak masak dan buah-buahan supaya keperluan sentiasa mencukupi untuk rakyat sendiri dan menangkis desakan untuk menaikkan harga makanan oleh peniaga;
- (vii) mengkaji semula mekanisme penetapan harga minyak petrol yang didapati masih belum berkesan untuk mengawal inflasi;
- (viii) memperkenalkan Cukai Keuntungan Modal (CGT) seperti yang dicadangkan oleh *International Monetary Fund* (IMF) dengan mengenakan cukai terhadap aset seperti penjualan saham, bon, emas, barangan berharga dan harta tanah; cara ini dapat menambahkan hasil pendapatan kerajaan dan kerajaan seterusnya boleh mengurangkan kadar GST dan menambah subsidi untuk rakyat, lantas dapat mengurangkan harga barang;
- (ix) memperhebatkan penguatkuasaan terhadap pelaksanaan undang-undang Akta Antipencatutan yang belum menampakkan keberkesannya;
- (x) memperuntukkan lebih banyak tanah untuk membina rumah kos rendah dan sederhana terutama bagi golongan belia;
- (xi) mengkaji semula modal ekonomi supaya lebih kompetitif, efisien dan produktif;
- (xii) mengawasi dan mengawal kos pengangkutan yang merupakan elemen penting dalam penentuan harga barang terutama barang-barang keperluan untuk penduduk yang tinggal di kawasan luar bandar;

■1520

- (xiii) menggalakkan rakyat terutama golongan muda mencebur diri dalam bidang keusahawanan secara *online* yang dapat menjimatkan kos perniagaan di samping dapat memperluaskan perniagaan; dan
- (xiv) menghidupkan kembali Program Bumi Hijau di kalangan rakyat dengan memanfaatkan kawasan tanah terbiar.

Tuan Yang di-Pertua...

Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B): Boleh mencelah Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Ada nak mencelah.

Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B): Saya, dekat belakang.

Tuan Yang di-Pertua: Belakang, belakang Yang Berhormat. Dia nak habis dah ni, Laksamana.

Datuk Jamilah Sulaiman: Sikit, sikit lagi.

Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B): Terima kasih. Selain daripada cadangan-cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, memandangkan fenomena kenaikan kos sara hidup ini memerlukan kajian yang mendalam, pemahaman dan juga tindakan yang menyeluruh dan berkesan, setuju kah Yang Berhormat kalau kerajaan menubuhkan sebuah jawatankuasa bertindak khas untuk menangani kos sara hidup rakyat ini? Hal ini kerana kita faham, apa yang mustahak ialah mengimplementasikan *enforcement*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua iaitu mencegah daripada pencatutan dan mengaut untung yang berlebihan. Terima kasih.

Datuk Jamilah Sulaiman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Tan Sri. Saya amat-amat bersetuju asalkan ia memberi kesan yang baik demi kesejahteraan rakyat keseluruhannya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi digital. Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak telah mengumumkan bahawa tahun 2017 merupakan tahun ekonomi digital. Ini sejajar untuk menjadikan Malaysia sebagai hab terbesar ekonomi digital yang dijangka dapat menjadi pemangkin untuk mengembangkan lagi ekonomi negara.

Dijangkakan ekonomi digital di Malaysia akan terus meningkat dengan memberi sumbangan sebanyak 18.2 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). *Malaysian Digital Economy Corporation* (MDEC) optimis angka sumbangan ekonomi digital Malaysia mampu mencapai sasaran 20 peratus menjelang 2020 memandangkan pihak kerajaan terus memberi sokongan dan serius kepada industri berkenaan. Melalui inisiatif yang dianjurkan, industri ekonomi digital bukan sahaja mampu membangunkan syarikat korporat malah dapat membangunkan perniagaan golongan bawah dengan memperkenalkan program eUsahawan dan eRezeki kepada rakyat di negara ini.

Dengan cara ini, dapat membantu golongan ini menjana pendapatan terutamanya golongan B40 dan M40 yang amat terkesan daripada impak kos sara hidup dan kesulitan mendapat pekerjaan. Matlamat kerajaan untuk meletakkan Malaysia sebagai sebuah hab ekonomi digital di peringkat

global adalah satu usaha murni dan amat dialu-alukan. Namun begitu, banyak cabaran yang perlu diharungi untuk mencapai matlamat tersebut.

Oleh itu, saya ingin bertanya soalan-soalan berikut iaitu sejauh mana dan apa langkah-langkah yang dilakukan kerajaan bagi menaiktarafkan dan memperluaskan infrastruktur komunikasi untuk meningkatkan ketersampaian di seluruh negara sebagai satu cara untuk merapatkan jurang digital? Itu tadi pertama.

Kedua, apakah langkah kerajaan untuk meningkatkan pembangunan modal insan ICT bagi memenuhi keperluan abad ke-21 yang memerlukan tenaga kerja mahir dan berpengetahuan tinggi ICT bagi membantu perkembangan ekonomi digital?

Ketiga, bagi meletakkan Malaysia sebagai hab utama global ekonomi digital, apakah strategi kerajaan bagi membolehkan Malaysia beralih daripada pengeluar produk dan penyedia perkhidmatan ICT sederhana kepada pengeluar produk dan perkhidmatan ICT yang terpilih dan meningkat maju daripada pengimport bersih kepada pengeksport bersih? Bagaimana pula isu berkaitan kekurangan menerima penerimaan produk? Penamaan produk yang lemah dan kekurangan disiplin bersilang.

Keempat, apakah langkah kerajaan bagi mempromosikan e-dagang dan mempertingkatkan penggunaannya untuk bersaing dengan lebih efektif di pasaran global?

Kelima, apakah langkah dan tindakan kerajaan bagi membangunkan industri perisian kreatif dan apakah bentuk perlindungan bagi melindungi hak harta intelek?

Keenam, sejauh mana pembabitan usahawan bumiputera dalam ekonomi digital dan peringkat pencapaian mereka? Apakah yang menjadi cabaran besar mereka apabila menyertai ekonomi digital? Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa perkara yang saya ingin sampaikan walaupun dia bukan dalam bentuk pertanyaan tetapi saya ingin dia agar ia dapat direkodkan.

Lebuhraya Pan-Borneo. Tidak dapat dinafikan Lebuhraya Pan-Borneo dapat merapatkan jurang pembangunan di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Harapan rakyat ialah kerajaan dapat menyelesaikan masalah-masalah kompensasi tanah-tanah yang terlibat dengan secepat yang mungkin kerana telah kedengaran rungutan dan rintihan mereka-mereka yang terlibat terutamanya yang melibatkan rumah.

Kedua- keselamatan. Sebanyak RM250 juta untuk ESSCOMM termasuk RM50 juta untuk menyediakan *coastal surveillance radar* yang seharusnya telah lama dilengkapkan dan semoga ia akan dapat mengesan penceroboh-penceroboh dengan lebih efektif.

Ketiga- RCI PATI kerana RCI ini banyak dia punya bentuk RCI. Tadi Yang Berhormat Senator Khairul Azwan Harun pun ada mengatakan RCI. Walaupun sering kali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan akan mengambil tindakan mengikut undang-undang, namun rakyat atau penduduk asal Sabah masih mengharapkan agar sesuatu tindakan drastik dapat dilakukan untuk membersihkan daftar kad pengenalan dan daftar pemilih yang terlibat.

Keempatnya ialah UTC ataupun RTC. Satu usaha yang terpuji, memudahkan rakyat berurusan dengan cepat dan selesa. Menerima tindak balas yang positif daripada pengguna, harus diteruskan dan ditambah ke kawasan-kawasan Parlimen pesisir bandar dan juga luar bandar.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, yang kelima ialah mengenai MA63 atau *Malaysian Agreement 63*. Satu sejarah yang telah dimeterai dalam Perjanjian Malaysia (MA63). Tiada seorang pemimpin setinggi mana pun pangkat atau jawatan atau darjat yang harus menafikan MA63. Kalau dahulu, Perdana Menteri dahulu, kita tidak boleh bercakap tentang 20 perkara apatah lagi tentang MA63, tetap kena ISA.

Terima kasih banyak-banyak kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang sekarang kerana amat memahami denyut nadi rakyat di negeri Sabah dan sedia untuk berbincang dan sering kali mengatakan mana-mana yang telah hilang dan boleh akan dikembalikan. Ini yang membuat orang-orang Sabah sayang PM Najib. Dengan itu, saya mencadangkan. Eh, saya mohon menyokong sepenuhnya Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Usul. Silakan Yang Berhormat Menteri.

■1530

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

3.30 ptg.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), saya mohon mencadangkan Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2018 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 12 Disember 2017”.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ada yang menyokong?

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat-Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Yang di-Pertua: Silakan sambung perbahasan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah. Tadi pergi hospital.

3.31 ptg.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam negaraku Malaysia. *Alhamdulillah...*
 [Membaca sepotong doa]

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana telah membenarkan saya ke hospital pagi tadi dan juga telah membenarkan saya untuk membahaskan ucapan pada petang ini. Selalunya saya membangkitkan soal dadah di dalam setiap perbahasan saya tapi kali ini saya hendak meninggalkan *addiction* dadah ini tetapi saya hendak mengemukakan masalah *addiction* baru.

Ini *addiction* yang mana anak-anak kita sekarang ini termasuk kita, terdedah kepada *addiction- internet* dan *internet addiction* ini telah pun menular daripada Amerika di mana teknologinya berjalan dan hari ini di negeri China telah ada sekolah seperti mana *Cure & Care* untuk anak-anak dadah tapi sudah ada institusi *Cure & Care* untuk anak-anak yang ketagihan *internet*.

Ini satu ketagihan yang baru. Tuan Yang di-Pertua dan baru-baru ini telah pun keluar di dalam satu majalah di mana di Filipina ada seorang kanak-kanak yang telah pun dijemput untuk masuk di dalam *internet* dan rupa-rupanya orang tua ini berasal daripada Belgium yang memasuki *internet* dan meminta supaya anak ini membuka bajunya, sehelai demi sehelai sehingga bogel dan kemudian dia akan memuaskannya sendiri, kemudian membayar kepada anak-anak ini- 1,000 Peso hingga 1,500 Peso. Ini berlaku di Filipina.

Kanak-kanak ini bijak Yang Berhormat. Dia pun merekakan satu robot perempuan. Robot perempuan yang menyerupai perempuan yang lebih cantik daripada dirinya dan rupa-rupanya penyakit seks melalui *internet* ini memang tinggi dan negara-negara majulah yang menjadi mereka-mereka yang menelefon negara-negara ketiga ini, negara-negara di sebelah Asia ini untuk anak-anak ini berdepan dengan mereka dan mereka menyelesaikan masalah peribadi seks mereka dan dibayar melalui *internet*. Ini membimbangkan.

Kita melihat ada satu angka sehingga 750 ribu *calls* yang bermaksud ini. Apabila budak ini mereka robot yang seperti wanita ini, maka mereka dapat *trace* lelaki yang menelefon dan meminta supaya robot ini membuka satu persatu sehingga mereka mendapat kepuasan seks di negara mereka. Jadi kita berasa bimbang dengan ketagihan baru ini di mana kita melihat apakah *preparation*, dengan izin, negara kita untuk menuju ke arah *internet addiction* yang baru ini. Kalau di negeri China sudah ada anak-anak yang mentalnya diganggu oleh kerana *internet addiction* ini.

Saya hendak baca sikit Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia 800 juta pengguna *WhatsApp*. Pada April 2015, semasa *WhatsApp* dilancarkan pada 2009, ianya meningkat daripada 200 pelayar *WhatsApp* sehingga 800 juta setiap bulan. 2011, satu bilion mesej dihantar sehari. *WhatsApp* fokus kepada penggunaan menerusi telefon bimbit berbanding dengan komputer seperti *Skype* dan *MSN*. Ini berlaku di antara tahun 2012 hingga 2014. *Facebook* membeli *WhatsApp* dengan harga USD19 bilion. Pada 2014-2015, *transaction* ini berlaku. Maknanya apabila *Facebook* dibeli dengan begitu tinggi harganya, maka kita melihat syarikat ini tentu sekali akan mendapat keuntungan yang lumayan apabila sanggup membeli dengan harga yang sebegitu tinggi.

Yang Berhormat-Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat angka-angka daripada Amerika saja. Dikatakan 68.9 peratus, maknanya 70 peratus rakyat Amerika yang dianggap *internet addiction*. 13.7 peratus menyatakan bahawa mereka tidak boleh tinggal telefon ini walaupun seminit. Saya rasa dalam Dewan ini pun lebih kurang sama juga. Hari itu saya pergi ke bilik air, tandas Tuan Yang di-Pertua. Hamba Allah ini dia tidak kunci tandas dia. Saya tolak pintu hendak masuk, tengok dia terangkat telefon dia. Maknanya sambil kita berak pun kita masih lagi tidak tinggal telefon kita. Saya ingat Tuan Yang di-Pertua pun sama juga. Itu dia ada senyum.

Saya mengaku saya kadang-kadang begitu juga kerana kita tidak mahu *to waste time* orang kata. Kita hendak baca *internet*- 8.7 peratus pula dia kata di sini di tempat makan itu mereka tidak bersembang di antara satu sama lain, tapi masing-masing dengan telefon masing-masing. 5.9 peratus menggunakan untuk bercinta dan *addictions* ini juga telah dikatakan dalam kajian yang dibuat bahawa....

Tuan Yang di-Pertua: Yang hendak bercinta itu, 5 peratus?

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: ...8 peratus.

Tuan Yang di-Pertua: Sebanyak 5.9 peratus

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Sebanyak 8 peratus. Makna kata lebih 10 peratus. Tuan Yang di-Pertua, berminat untuk bercinta. Satu di antara lapan *individuals*, satu di antara lapan kita ini yang telah pun disyaki telah pun dimasukkan dalam kategori *mental addiction*, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi kita hendak bertanya kepada kerajaan, kepada SKMM, kepada MCMC, sama ada kita sudah bersedia dengan *addiction* baru ini yang tentu sekali akan membawa era baru kepada anak-anak kita yang kita bimbang di sekolah-sekolah sekarang.

■1540

Baru-baru ini, Kementerian Pendidikan menyatakan bahawa mereka akan mengkaji sama ada anak-anak kita ini boleh membawa telefon ke sekolah atau tidak. Dan kita sebagai ibu bapa kepada anak-anak ini, "ya" dan "tidak"- sama banyak. Ada bagusnya dan ada tidak bagusnya. Yang bagusnya dari segi *security* mereka, kita dapat menelefon atau menghubungi mereka dengan secara segera. Dari segi tidak bagusnya, ini yang kita *dok* cerita sekarang ini, dan akhirnya akan ada *mental disorder*. Seorang kanak-kanak telah kejang di Negara China semasa bermain telefon. Dia kejang. Sampai di hospital, meninggal dunia.

Ianya juga, Ahli-ahli Yang Berhormat, telah pun dijadikan pengganti kepada *maid*. Satu artikel menyatakan bahawa telefon kita ini telah pun menggantikan *maid* kita. Dulu anak-anak kita kecil-kecil sudah pandai berbahasa Indonesia kerana anak-anak kita ini dijaga oleh orang-orang daripada Indonesia. Kadang-kadang kita pulang, anak kita tersilap tanya, "*Gimana pak? Sihat pak?*". Anak-anak kita pada satu ketika dulu. Sekarang anak-anak kita tidak bertanya kita langsung kerana bila kita keluar, *maid* akan bagi telefon kepada dia, maka dia akan duduk di situ bermain dengan telefon.

Sama juga dengan kita. Anak menangis, buka telefon, *handphone* bagi kepada anak kita. *We gave* anak kita untuk bermain *games*. Saya ingat cucu saya sendiri pun menangis saja, buka kartun, bagi dekat dia, diam terus. Diam terus. Tengok "*Tom and Jerry*", diam terus.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak macam itu.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Ya. Ini kenyataan dan hakikat. Jadi, anak kita ini pada umur tiga tahun, mentalnya sudah pun di-*addict*-kan, diketagihkan dengan *WhatsApp*, dengan telefon ini. Maka, kita minta Kementerian Kesihatan, kita meminta Kementerian Pendidikan, kita meminta SKMM supaya dapat menangani masalah-masalah yang akan timbul dalam masa 10-15 tahun lagi melalui *internet education* ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tahu kadang-kadang ada orang tak mati diberitahu mati. Orang tidak mati pun. Arwah SM Salim berapa kali mati? Berapa kali mati? Os berapa kali mati? Jangan kita ambil leka kerana kita dalam Dewan ini adalah pemimpin-pemimpin yang satu hari akan keluar berita bahawa kita mati. Ini dipalsukan oleh sistem yang ada sekarang ini, selain daripada nak bercakap tentang keldai dadah dan sebagainya yang menggunakan *internet* ini yang telah ditipu oleh kita, oleh gejala-gejala *internet* ini.

Jadi, saya nak mencadangkan kepada SKMM supaya tegas dalam mengambil tindakan...

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Sila.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Dato' Suhaimi, setuju kah kalau saya katakan yang dengan adanya gajet ataupun telefon canggih ini, hubungan kekeluargaan kita semakin berkurangan? Sebab apa saya kata begitu? Kita di rumah, kalau sayalah, bangun pagi, suami dengan telefon dia, isteri dengan telefon, anak-anak pun begitu juga. Masa makan pun kami tidak bercakap, masing-masing tengok kerja masing-masing. Jadi, itulah setuju kah tidak kalau saya katakan begitu? Terima kasih.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Itu mungkin orang lain. Saya tidak. Saya bangun, saya cium pipi isteri saya dulu... [*Dewan riuh*] Kak Limah tersenyum. Ini soal keluarga, Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita perlu mengajar keluarga kita...

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi Yang Berhormat, fenomena ini *very serious*, dengan izin.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Yes.

Tuan Yang di-Pertua: Betul, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: *Very serious*.

Tuan Yang di-Pertua: Tahniahlah, Yang Berhormat, bangkitkan isu ini.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Very serious*.

Ada Tok Imam yang baca ini. Tok imam baca. Anak-anak kita melihat ini, anak-anak kita melihat ini. Saya setuju dengan Yang Berhormat. Memang keluarga kita tidak bersembang di antara satu sama lain kerana telefon ini, kerana komunikasi ini. Memang betul.

Hatta kita dengan emak kita juga tidak bercakap. Kadang-kadang, malah kita menyuruh anak kita melalui *WhatsApp*, tidak bercakap dengan anak. Apatah lagi dengan guru-guru di sekolah. Kita pun tidak tahu guru-guru di sekolah. Ini yang saya cerita tadi di Filipina membuka baju sehelai demi sehelai. Kemungkinan anak dara kita di rumah itu pun sudah terpikat. Mana kita tahu dia duduk dalam bilik seorang-seorang dia, kita tidak tahu.

Baru- baru ini anak saya beritahu saya, “*Daddy, can we go to Dubai?*”. Saya tanya dia, “*Kenapa?*” “*I have a friend. I’ve been communicating, I’ve been Skype.*” Saya tanya dia, “*Skype dapat tengok muka dia?*” “*No. He was showing me his house is so big. He got a palace in Dubai.*”

Kita tidak tahu siapa dia. Nasib baik dia beritahu saya. Kalau dia pergi bersama kawan-kawannya, *masya-Allah*, apa akan jadi kepada anak kita. Ini yang berlaku. Ini kenyataan berlaku, *true story*, berhubung dengan *WhatsApp* ini. Yang mati di China itu pun *a true story*. Yang berlaku di Filipina pun *a true story*.

Dadah yang kita bimbang sekarang ini, NPS atau *non psychoactive substances* yang mempunyai *chemicals* yang terdapat dalam dadah sekarang ini dijual melalui *internet*. Dijual melalui *internet*. Cukup senang. Dan sekarang kita berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana bawa Jack Ma ke Malaysia. *We create a free trade digital*, satu zon *area* bebas untuk kita ber-*internet*, membeli melalui e-dagang dan sebagainya. Kita syabas, *this is a new trend* tapi siapa yang hendak *control* ini?

Tuan Yang di-Pertua: Ada orang nak mencelah, Yang Berhormat.

Dato’ Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Sila.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat bersetuju dengan apa yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua bahawasanya ini adalah perkara yang amat serius. Saya juga hendak minta pandangan Yang Berhormat Dato’ Suhaimi.

Adakah Yang Berhormat Datuk Suhaimi bersetuju- sebab, dalam banyak majlis di sekolah-sekolah yang saya pergi merasmikan program-program di sekolah, saya ada menyatakan bahawasanya sistem yang ada sekarang ini seperti berlaku satu penjajahan baru. Penjajahan yang berlaku dulu ialah bila penjajah nak menjajah kebebasan kita, mereka akan datang dengan kekuatan ketenteraan. Akan tetapi hari ini penjajahan baru ini berlaku dalam bilik tidur anak kita tanpa kita sedar. Sebagaimana yang pernah kita diberikan taklimat, seorang anak gadis yang berumur 14 tahun yang telah pun berada di KLIA sedia *to board the aircraft*, dengan izin, untuk pergi ke Syria menjadi hamba seks kepada tentera-tentera IS hanya kerana terpengaruh dengan wajah pejuang tentera IS ini melalui *Facebook*. Disebabkan kekacauan tentera itu menyebabkan dia jatuh minat.

Jadi saya juga amat bersetuju, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengakui perkara ini perkara yang paling penting sekali. Tidak guna kita ada segala-galanya- nanti saya akan masuk juga dalam perbahasan saya sebentar nanti tetapi akhirnya penjajahan minda ini berlaku dalam bilik tidur anak kita tanpa kita ketahui seperti mana Yang Berhormat Dato’ Suhaimi kata.

■1550

Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju ini seperti satu *grand design* yang baru yang dicipta oleh suatu kuasa besar dalam dunia ini untuk datang sampai ke kamar bilik tidur rumah kita dan menjajah pemikiran anak-anak kita. Jadi apa pandangan Yang Berhormat?

Dato’ Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Saya tidak akan bagi pandangan, Yang Berhormat. Akan tetapi saya hendak masukkan dalam teks ucapan saya. Saya faham apa yang Yang Berhormat nyatakan itu, saya faham. Kadang-kadang mereka menggunakan muka mangsa-

mangsa orang dagangan yang semuanya comel-comel belaka tetapi sebenarnya di belakangnya adalah pengganas-pengganas. *Internet* juga, kita yakin dan percaya Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja untuk keburukan. Ada kebaikannya juga.

Baru-baru ini saya menghadiri forum berhubung dengan dadah di Macau, China. *International Federation of Non-Government Organization for the Prevention of Drug and Substance Abuse*. Ditunjukkan kepada kami seorang ibu telah dibawa memberi ceramah. Anak ini pada asalnya mengambil morfin dan akhirnya mati dengan kehilangan anaknya sendiri akibat daripada morfin itu tersebut setelah dicampurkan berbagai-bagai jenis dadah. Sedih ceritanya, Yang Berhormat. Tiga bulan sebelum dia meninggal dunia, agaknya Tuhan telah pun menyampaikan wahyu kepadanya bahawa dia akan mati. Dia pergi membeli satu *video tape*. Ke mana sahaja hatta di dalam bilik air sekalipun, dia akan membawa *video tape* ini, dia akan video segala kerja yang dibuat sepanjang tiga tahun tersebut sebelum dia meninggal dunia.

Sedih, Yang Berhormat bila dia berjumpa dengan ibunya, menyatakan kepada ibunya dia memohon maaf kerana dia tidak dapat hendak mengawal dirinya. Dia berjumpa dengan bapanya seorang pesakit kanser, macam mana *conversation* berlaku antara bapanya dengan kawan-kawannya. Ditunjuk di dalam bilik air, dia berhenti di *highway*. Tengah bawa kereta, berhenti di *highway*, *drug* sudah habis dalam badan. Berhenti cucuk. Tangan sudah tidak ada hendak dicucuk, dicucuk di pangkal kemaluannya. Ditunjuk dalam video tersebut di pangkal kemaluannya.

Rupa-rupanya di hari terakhir dia hendak meninggal dunia, ditinggalkan video itu kepada ibunya dan dia kata kepada ibunya, dia kata saya anak tidak berguna. Dia kata saya tinggalkan video ini, ibu bukalah. Inilah video yang akan menjadikan ibu *famous* dan kaya. Itu yang disebut kepada ibunya.

Yang Berhormat, dia meninggal dunia selepas setahun. Selepas setahun semasa perayaan hari lahir anak ini. Ibunya telah memanggil kakak-kakaknya pulang ke rumah. Marilah kita *celebrate birthday* untuk anaknya yang meninggal dunia itu. Maka kakaknya bertanya kepada ibunya, apa yang ditinggalkan oleh anaknya yang meninggal dunia itu. Dia kata bagi dia tinggal *video tape* dekat mama katanya. Mereka pergi ambil *video tape* tersebut dan mereka melihat. *My goodness. All conversation between them*, dengan izin, ada dalam *video tape* tersebut. Menceritakan bagaimana kesilapan keluarga di antara mak dengan bapa yang menyebabkan dia mengambil dadah ini. Akhirnya dia mati. Ini kegunaannya, Tuan Yang di-Pertua. Ada kebaikannya. Ada kebaikannya tetapi kita kena perhatikan keburukannya yang saya katakan tadi, kementerian kena mengambil langkah-langkah atau kena membuat dasar-dasar baru kepada pengguna-pengguna *WhatsApp* ini.

Saya sudah terjumpa apa yang saya cerita tadi, remaja berusia 18 tahun. Pusat rawatan yang terletak di Bandar Fuyang menggunakan kombinasi bimbingan psikologi dan latihan kecergasan untuk mengatasi masalah ketagihan *internet* di kalangan remaja. Seorang remaja dari China meninggal dunia beberapa hari selepas dihantar ke kem rawatan tersebut kerana ketagihan *internet* sekali gus mencetus berbagai-bagai kritikan terhadap institusi tersebut. Pusat rawatan yang terletak di Bandar Fuyang itu menggunakan kombinasi bimbingan psikologi dan latihan kecergasan. Sudah tidak boleh hendak buat apa, Tuan Yang di-Pertua. Tidak bagi dekat dia, dia jadi goyang. Dia tidak dapat tengok *internet* itu dia jadi goyang. Sama juga dengan kita. Kadang-kadang bila tidak

ada *wi-fi*, kita pening. Kadang-kadang saya teringat lagi kita pergi Uzbekistan atau ke mana dulu ini. Tidak ada *internet*. Pening kepala kita, Tuan Yang di-Pertua. Seolah-olah hilang habis komunikasi kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, rumuskan dalam dua minit. Sudah setengah jam.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, pendek. Saya hendak pendekkan satu lagi. Ini soalan kepada kementerian MCMC, Revolusi Perindustrian 4.0. Saya hendak bertanya kepada Kementerian Pendidikan, apakah mereka telah pun bersedia untuk menerima satu hari nanti manusia-manusia tidak akan menggunakan manusia lagi di kilang-kilang, akan menggunakan robot. Apakah kita telah bersedia dengan kurikulum-kurikulum baru untuk hendak mengatasi Revolusi Perindustrian 4.0 yang kita sedang capai ini.

Kemudian saya hendak pergi kepada anggaran belanjawan yang telah pun- kita bimbang kerana sekarang ini telah menular video-video Tuan Yang di-Pertua, beras yang dibuat daripada plastik. Durian yang dicucuk. Buah manggis baru-baru ini telah didapati plastik juga, yang kita makan. Walaupun *food security* ini bukan banyak kepada bahan-bahan tiruan begini tetapi kita bimbang Yang Berhormat. Kita bimbang kerana padang-padang, padi-padi, sawah-sawah telah pun banyak diambil untuk dibuat perumahan. Bukit-bukit telah pun diruntuhkan untuk buat perumahan. Banjir telah melanda kita, *natural disaster*. Ini menyebabkan kita kekurangan makanan. Ada angka-angka yang saya tidak mahu sebut kerana masa terlalu pendek.

Soalan saya, apakah kita sudah bersedia untuk mengatasi masalah ini yang telah pun dikatakan di antara 30 negara-negara di dunia akan menghadapi masalah yang sama. Kemungkinan suatu hari, beras plastik yang kita tengok dalam video itu mungkin akan menjadi makanan kita kerana tidak cukup. Sayur plastik. Kubis baru-baru ini, tular di video-video. Kubis yang dibuat daripada *chemical*. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga selain daripada Kementerian Pendidikan, apakah kita bersedia untuk menghadapi masalah ini?

Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas pengumuman yang baru dibuat kepada wanita-wanita. Saya diminta oleh kakak-kakak di kampung saya untuk menyatakan terima kasih mereka kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun menyatakan 30 peratus untuk wanita. So kita ini merupakan salah sebuah daripada lapan negara di dunia yang ada *the 30 percent club* ini.

Tuan Yang di-Pertua: Jumlah 30 peratus untuk?

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Untuk wanita. *Senators*- dalam syarikat-syarikat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, *Senators*.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Saya hendak ucapkan tahniah kepada adik kita, Neelofa yang telah pun dilantik menjadi Lembaga Pengarah *AirAsia*. Ini satu contoh yang terbaik. Ini satu contoh yang terbaik. Yang Berhormat, saya tidak boleh sebut nama Neelofa langsung ya? *[Ketawa]* Sebutlah kalau-kalau dia dengar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya ingat masa sudah cukup sudah.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Okey. Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya sedikit hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga kerana telah menambah Amanah Ikhtiar kepada kaum-kaum wanita.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bagi *very fantastic news*. Dalam ringkasan maklumat Amanah Ikhtiar ini saya tengok, bilangan sahabat, dia punya *networking* itu 352,887. Antara peratusan bayar balik Tuan Yang di-Pertua, saya tidak percaya saya tengok *figure* ini. Berapa kali saya masuk *internet*. 97.8 peratus, seolah-olah tidak ada hutang langsung.

■1600

Syabas kepada kaum wanita! Perdana Menteri patut tambah banyak lagi untuk Amanah Ikhtiar ini... [*Dewan tepuk*] Saya dengan ini menyokong perbahasan Usul Belanjawan bagi tahun ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Aqulukaulihaza waastaghfirullahal'azim liwalakum. Wabillahi taufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Zahari bin Sarip.

4.00 ptg.

Tuan Zahari bin Sarip: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam 1Malaysia, salam muafakat Johor, salam negaraku Malaysia, sehati sejiwa.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak dapat membacakan teks yang telah disediakan kerana bila saya belek-belek teks saya, kebanyakan telah disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Inilah nasib orang hujung-hujung. Akan tetapi ya lah, nasib ini pun kita yang tetapkan kerana kita sudah pilih hendak akhir-akhir.

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap Yang Berhormat.

[*Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Zahari bin Sarip: Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang saya fikir perlu untuk saya bangkitkan.

Pertama, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membentangkan satu bajet yang sangat baik yang telah merangkumi semua pihak, sama ada di bandar, di kampung, yang tua, yang muda sehinggakan kepada yang belum lahir dan yang paling bertuah ialah mereka yang bakal melahirkan anak kerana selain daripada anaknya nanti akan dapat sedikit sumbangan daripada kerajaan, juga yang lahir dan suaminya pun mendapat nikmat iaitu cuti dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam yang ringkas ini, saya hendak sebutkan tentang bajet yang telah diturunkan kepada Kementerian Kerja Raya. Kita hendak ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat kerana telah berjaya membina, sedang membina Lebuhraya Pan-Borneo yang bukan sahaja lebih panjang daripada lebuhraya yang ada di Semenanjung, tetapi lebuhraya yang dikatakan tanpa tol, sehinggakan ada di kalangan kita menyebut bahawa kenapalah Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib lambat menjadi Perdana Menteri. Kalau dari dahulu jadi Perdana Menteri, mungkin agaknya lebuhraya kita tidak ada tol semuanya. Ini mungkin kerana pemimpin dahululah. Pemimpin sekarang buat lebuhraya tidak ada tol.

Cuma Tuan Yang di-Pertua, dalam menyentuh tentang lebuh raya ini, saya hendak minta pandangan daripada Kementerian Kerja Raya. Saya hendak bertanya, dalam bajet yang dahulu disebutkan antara manifesto dalam Pilihanraya Umum Ketiga Belas ialah untuk menyiapkan ataupun membina, pelebaran Jalan Segamat-Tangkak. Ini antara disebut dalam manifesto Pilihanraya Umum Ketiga Belas. Akan tetapi sudah hampir Pilihanraya Umum Keempat Belas, pembinaan sedang dijalankan, cuma status satu daripada fasanya iaitu Fasa 1A yang nampaknya masih terawang-awang statusnya sedangkan Fasa 1A yang menjadi isu iaitu kesibukan untuk masuk ke bandar Segamat.

Keduanya, kita juga mohon supaya Jabatan Kerja Raya, Kementerian Kerja Raya memikirkan untuk menambah lorong Lebuhraya Utara-Selatan yang di sebelah Selatan iaitu di sebelah Johor yang hari ini hanya mempunyai dua lorong, kalau dapat ditambah kepada tiga atau empat lorong.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Perdana Menteri yang telah meluluskan bajet atau telah membentangkan bajet dalam pendidikan yang lebih daripada Bajet 2017 iaitu pada tahun ini, pada tahun 2018, bajet untuk pendidikan sebanyak RM45.96 bilion. Dalam bajet yang besar ini, yang menariknya ialah RM190 juta diperuntukkan untuk menaik taraf 2,000 kelas menjadi Bilik Darjah Pintar- Pembelajaran Abad Ke-21. Cuma dalam konteks ini, kita minta supaya selain daripada memikirkan kelas-kelas pintar ini, kita minta kementerian tidak melupakan sekolah-sekolah yang terletak di pedalaman.

Dalam bajet ini juga, telah dibentangkan bagaimana kerajaan cuba untuk mempertingkatkan modul yang diberi nama Modul Komputer Sains termasuk disebut tentang Program *Coding*. Jadi saya hendak ulang di sini bahawa kami ingin mencadangkan kepada kementerian atau adakah kementerian bercadang untuk mewujudkan Program *Coding* ini salah satu daripada mata pelajaran dalam kementerian sama ada Kementerian Pendidikan atau Kementerian Pendidikan Tinggi supaya apabila *coding* ini dijadikan salah satu mata pelajaran, ia dapat menyediakan generasi TN50 agar lebih bersedia kepada zaman yang lebih mencabar.

Saya setuju apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Suhaimi tadi tentang Revolusi 4.0. Apabila Revolusi 4.0 nanti, kita dimaklumkan bahawa ada banyak pekerjaan-pekerjaan yang mungkin terhapus. Jadi, ia perlu difikirkan bagaimana untuk mengisi kepada kekosongan ataupun bagaimana hendak menandingi robot ini. Bagaimana hendak memberikan generasi TN50 pekerjaan, apabila banyak pekerjaan akan terhapus, diganti dengan robot dan teknologi.

Menyambung apa yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Suhaimi tadi, tentang generasi kita akan datang yang kita bimbang akan lebih kepada *internet* dan sebagainya. Jadi dalam pada itu, kita juga minta supaya Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pendidikan Tinggi selain daripada meletakkan sasaran untuk sains teknologi dalam PMP, jangan lupa terapkan juga, kekalkan juga atau kembalikan semula mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan. Ini kerana kita bimbang bila pelajar-pelajar kita didedahkan dengan teknologi tanpa dibekalkan dengan mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan, kita bimbang generasi yang bakal kita lahirkan nanti tidak mempunyai semangat kenegaraan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bajet ini juga, dalam bidang pendidikan juga, bajet ini menyebutkan bahawa kerajaan menyediakan RM2.2 bilion biasiswa kepada bakal pelajar. Persoalan kita ialah sampai bila kementerian hendak menyediakan biasiswa ini berterusan kepada pelajar sedangkan setiap tahun, jumlah pelajar yang melanjutkan pelajaran ke universiti atau institusi-institusi pengajian awam dan swasta ini setiap tahun bertambah. Jadi, berapa banyak lagi kementerian atau kerajaan hendak menyediakan biasiswa ini? Oleh sebab itu, saya ingin mencadangkan kepada kementerian ataupun mengajak kementerian berfikir, adakah kementerian ingin menyebarkan konsep wakaf kepada rakyat Malaysia?

Saya sebutkan wakaf ini kerana rakyat kita atau masyarakat kita sudah terdedah dengan wakaf. Saya sebutkan di luar bahawa wakaf Al-Quran, tapak bangunan, surau, masjid, sekolah sudah biasa dalam masyarakat kita. Masyarakat tidak lokek atau mudah untuk mengeluarkan RM50, RM100 untuk wakaf Al-Quran ataupun wakaf tapak masjid dan surau kerana mereka memikirkan bahawa apa sahaja dilakukan di bangunan itu ataupun Al-Quran yang dibaca oleh masyarakat, mereka pun mendapat pulangnya di hari kemudian.

Jadi, mengapa tidak wakaf ini kita lebarkan kepada wakaf pendidikan? Saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan atau Kementerian Pendidikan Tinggi untuk memikirkan bagaimana hendak menerapkan konsep wakaf ini kepada masyarakat. Ia mungkin sukar bagi peringkat awal. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita bayangkan kalau RM1 setiap orang Islam mewakafkan kepada wakaf pendidikan ini, darab dengan berapa juta orang Islam atau ambil contoh RM10 kakitangan kerajaan, memotong gaji mereka setiap bulan darab dengan berapa ratus ribu umat Islam dan bayangkan berapa banyak kita dapat kumpul untuk wakaf pendidikan ini dalam tempoh sebulan, setahun dan sebagainya.

■1610

Akhirnya nanti, ia boleh menjadi penyumbang kepada biasiswa yang kita sebut RM2.2 bilion tadi. Jadi, kalau ia boleh difikirkan oleh pihak kementerian, kita harap agar wakaf pendidikan ini dapat diterapkan ataupun dapat ditanam dalam masyarakat Islam di negara kita. Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya ingin bangkitkan atau cadangkan kepada kementerian ialah supaya pihak kementerian memantau silibus yang dijalankan di institut-institut pendidikan sama ada awam atau swasta. Pertama, kerana kita minta supaya graduan yang keluar nanti mempunyai nilai-nilai sivik dan kewarganegaraan.

Keduanya, saya sempat berbual dengan rakan-rakan yang menyatakan bahawa ketidakpuasan hati mereka dengan graduan mereka, ijazah mereka tetapi bila mereka dapat kerja di syarikat swasta, gaji tidak setimpal dengan ijazah. Apabila kita berjumpa pula dengan majikan, seolah-olah dia menyatakan bahawa sijil atau ijazah yang dibawa oleh graduan kita ini tidak sampai *level* yang dikehendaki. Jadi, kita minta supaya kementerian memantau silibus di institut-institut pendidikan ini supaya ia dapat memenuhi permintaan dalam negara.

Selain daripada itu, kalau kita boleh meningkatkan silibus ini, selain daripada ia boleh ditawarkan pekerjaan dalam negara, kita harap supaya ia boleh dipasarkan ke peringkat antarabangsa. Contoh, katalah di Malaysia dia tidak ada pekerjaan, dia boleh menggunakan sijil atau ijazahnya di negara lain, di Filipina, Indonesia, Singapura dan sebagainya. Oleh sebab itu, kita

minta supaya kementerian memikirkan atau memantau silibus di peringkat institut-institut pendidikan ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Kementerian Kesihatan. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Kesihatan. Pertama, kita mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan dan kerajaan yang mana negara kita merupakan sebuah negara yang mempunyai perkhidmatan yang terbaik tetapi dengan menggunakan bayaran yang rendah untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan. Akan tetapi kita ingin bertanya kepada kementerian, apakah cabaran-cabaran kementerian dalam memenuhi ataupun menjalankan perkhidmatan-perkhidmatan di Klinik 1Malaysia atau klinik-klinik lain dan juga hospital?

Adakah cabaran-cabaran seperti keperluan tenaga doktor, adakah ia mencukupi? Ini kerana ada setengah hospital yang menyatakan bahawa tidak ada cukup doktor. Kemudian kita sering mendengar tentang perkhidmatan-perkhidmatan jururawat atau petugas-petugas hospital yang disebut oleh pesakit, kadang-kadang layanan tidak memuaskan. Apakah cabaran-cabaran oleh Kementerian Kesihatan? Adakah Kementerian Kesihatan tidak memikirkan tentang bagaimana agaknya hendak memperbaiki mutu perkhidmatan dan servis ataupun semangat kesukarelaan di kalangan petugas-petugas ini?

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali sebagai penggulung. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membentangkan bajet yang begitu menyeluruh sehinggakan semua lapisan masyarakat menerima limpahan daripada bajet ini. Saya fikir tidak ada sebab mengapa ada pihak menolak bajet ini. Sekian, saya ingin menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Zahari bin Sarip yang berucap dengan baik. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat. Dipersilakan.

4.14 ptg.

Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalammualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.*

Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2018 ataupun Bajet 2018. Bajet 2018 yang menggariskan dan menjelaskan lapan petunjang, mempamerkan bahawasanya Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak ialah seorang pemimpin yang *visionary* dan berfokus kepada kesejahteraan rakyat. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tidak kesemuanya tetapi kepada dua petunjang utama dalam bajet tersebut iaitu petunjang ketiga yang menggariskan, yang digambarkan dan juga dilukiskan sebagai menuju aspirasi TN50. Ketiganya ialah mengungguli pembangunan pendidikan, latihan, kemahiran dan bakat. Ini semua menunjukkan bahawasanya Perdana Menteri menekankan kepada orang muda ataupun belia. Beliau memahami orang mudalah yang telah mengubah

tamadun. Orang mudalah yang bakal mewarisi kepimpinan negara, orang mudalah yang akan menggerakkan pembangunan negara.

Lihat sahaja di sekeliling kita dan kita semua sedar bahawasanya hutan belantara diganti dengan ladang, diganti dengan pembangunan adalah daripada keringat, air mata dan darah anak muda. Kita hidup dalam keadaan aman, tenteram, bahagia dan tidak ada masalah dari segi keselamatan diri kita, adalah hasil perjuangan dan juga tenaga, keringat, air mata dan darah orang muda yang telah menjadi askar, polis dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa kita sangat perlu melihat kepada golongan muda yang bakal memimpin kita di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kita selalu bercakap tentang belia dan masalah. Ramai di antara rakan-rakan kita, rakan-rakan Yang Berhormat yang berucap pada hari ini menyentuh soal belia, masalah belia dan sebagainya. Bermula daripada masalah dadah, sosial dan sebagainya. Kita tahu itu semua memang lumrah tetapi sebagai sebuah kerajaan, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak telah pun menggariskan beberapa perkara yang sangat penting bagi kita melihat sendiri bagaimana ikhlas dan juga seriusnya kita dalam membentuk generasi akan datang.

Untuk golongan belia, kita memberikan peluang pendidikan. Setakat ini terdapat 20 universiti awam yang menyediakan peluang untuk orang muda belajar dan juga 37 universiti swasta yang mendapat pilihan ataupun mereka diberi pilihan sama ada untuk belajar di universiti awam ataupun di universiti swasta. Kerajaan juga menekankan kepada pendidikan TVET - Teknologi, Vokasional, *Engineering*, 'T' satu lagi itu apa dia? Teknologilah, teknikal apa dia, saya pun sudah lupa. TVET ini menggambarkan bahawa kursus-kursus berkemahiran tinggi. Baik.

Kemudian daripada itu, apabila mereka masuk universiti, kadang-kadang mereka memilih kursus-kursus yang tidak sesuai ataupun tidak ada pasaran yang luas. Maka, mereka menjadi penganggur sebahagiannya, mereka terpaksa bekerja sendiri dan kadangkala mereka tidak puas hati dengan apa yang mereka belajar. Oleh sebab itu, saya mencadangkan, pemimpin-pemimpin universiti, perancang-perancang pendidikan, supaya kita melihat kembali dan *redesign* ataupun mereka membentuk semula kursus-kursus pada alaf baru ini supaya pelajar kita apabila keluar daripada universiti dapat mencari pekerjaan ataupun mencipta pekerjaan.

Saya sangat-sangat berharap kita dengan serius mengkaji masa depan kursus yang bakal kita adakan di universiti-universiti kita. Selain daripada itu, apabila mereka masuk di alam pekerjaan, terdapat di negara kita beberapa agensi yang membantu untuk graduan kita mencari pekerjaan, *JobStreet*, ada aplikasi Maukerja, ada agensi di Jabatan Tenaga Kerja dan sebagainya.

■1620

Akan tetapi sering kali apabila mereka datang *interview* ataupun temu duga, pertanyaan pertama yang ditanya oleh majikan ialah "Sebelum pada ini bekerja di mana?" "Sudah ada pengalaman dan berapa tahun kah pengalaman itu?" Itu satu. Kedua, mereka akan bertanya dalam bahasa Inggeris "*How do you do?*" "*Why do you come here?*" Macam-macam soalan. Kalau budak Kelantan dia main-main, kalau dia kata kalau orang tanya, "*How do you do?*" Dia kata, "Saya makan budu"... [*Ketawa*] Selepas itu orang kata, "*Thank you very much.*" "*Ike puyu pat samah.*" Dia- sahaja sahaja *making joke*. Ada setengah pula majikan tanya "*Why do you come here?*" "*I want to interview you*", dia kata.

Maknanya hendak maklum pada kita tahap penguasaan bahasa Inggeris tidak begitu baik bahkan ada yang sangat lemah. Ini yang menghalang mereka. Faktor pertama tadi ialah pengalaman, dia kata macam mana saya hendak ada pengalaman? Ini pertama kali datang *interview*. Maka sebab itulah saya berpendapat apa yang kerajaan lakukan tepat sekali iaitu mengadakan Program Skim Latihan 1Malaysia. Saya sangat menyokongnya dan kalau boleh dipanjangkan program ini. Saya tahu dari sudut Geografi, dia berbeza penguasaan bahasa Inggeris dan juga di kalangan universiti, penekanan kepada penguasaan percakapan bahasa Inggeris, kurang.

Contoh di negara kita, saya tak hendak menyentuh universiti swasta, di kalangan universiti awam. Saya berpendapat graduan UiTM menjadi popular dan diminati oleh banyak majikan kerana keupayaan mereka menguasai bahasa Inggeris. Graduan dari Kelantan pun yang jarang-jarang bercakap bahasa Inggeris pun mereka dapat menguasai dengan baik. Yang Berhormat tahu di Kelantan kalau kita cakap Orang Putih orang perli. Orang perli kalau kita cakap Orang Putih di kampung kita maka masyarakat kata "Ah, biru dah mata mu." Sudah biru sudah, dia perli. Jadi masyarakat tidak membantu pelajar kita belajar bahasa Inggeris sebab itu mereka tidak mahu bercakap dalam bahasa Inggeris. Ini menjejaskan peluang mereka apabila mereka datang untuk ditemu duga.

Baik. Jadi saya dan universiti kedua yang Orang Putih kata *is always sought-after* ialah Universiti Islam Antarabangsa kerana diajar khususnya dalam bahasa Inggeris dan seterusnya Universiti Malaya dan sebagainya. Jadi apa yang saya hendak cadangkan kepada kerajaan supaya diadakan satu program khusus selain daripada kita tambah masa diadakan program khusus percakapan dalam bahasa Inggeris itu sangat penting kerana apa, kerana kita tak boleh elak realitinya apabila majikan hendak mengambil pekerja mereka sentiasa menjalankan temu duga dalam bahasa Inggeris. Saya rasa tidak sukar untuk pelajar kita menguasai, hanya kita perlukan kepada penekanan ataupun *encouragement*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh tentang isu yang kedua iaitu pengangguran ini hakikatnya kalau mengikut kajian Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia yang mempunyai visi yang amat membanggakan ataupun amat meyakinkan kita iaitu *knowledge, action* dan *impact*. Dia mengkaji tentang pengetahuan, selepas itu *action* ataupun tindakan dan seterusnya impak kepada belia itu. Saya ingin memaklumkan bahawa mengikut kajian mereka sekarang ini terdapat 34 peratus pengangguran di kalangan belia dan angka ini sedang meningkat.

Jadi apa yang kita hendak ataupun kita mahu kerajaan lakukan ialah menyediakan peluang-peluang tertentu dan memberi penekanan kepada syarikat-syarikat ataupun kerajaan untuk memberi peluang kepada mereka ini. Cuma yang kita ragu ataupun kita bimbang seperti apa yang rakan saya Yang Berhormat Senator Datin Rahimah bercakap semalam profesional muda kita atau graduan muda kita tidak diberi peluang oleh syarikat-syarikat besar, syarikat-syarikat yang datang ke negara kita untuk melakukan, menjalankan *high impact project* seperti ECRL. Yang Berhormat memaklumkan kepada kita ada syarikat profesional Melayu ataupun tempatan yang menjalankan

kegiatan *soil investigation* tidak diberi peluang tetapi sebaliknya diberi peluang kepada syarikat asing ataupun syarikat luar daripada negeri Kelantan.

Oleh sebab itu saya mencadangkan kepada kerajaan menggunakan autoriti atau kuasa untuk memastikan *local* ataupun profesional tempatan diberikan peluang. Kalau projek itu di Pahang berilah peluang kepada profesional muda negeri Pahang. Kalau di Terengganu berilah peluang kepada profesional negeri Terengganu. Kalau di Kelantan demikian juga, berilah peluang kepada profesional negeri itu sendiri.

Ini terbukti bukan saya cakap kosong di sini ataupun secara rambang. Satu syarikat juruukur sedangkan tanah itu yang hendak diambil ialah di Kelantan, juruukur itu ialah juruukur yang profesional yang berdaftar dengan Lembaga Juruukur Tanah Malaysia dan menjadi ahli *Royal Institutions of Chartered Surveyors UK* (RICS). Anak tempatan makan budu tetapi tidak diberi peluang untuk menjalankan kerja sekecil itu iaitu projek ataupun kerja-kerja pengambilan tanah untuk ECRL. Sedangkan pengambilan tanah itu berkait rapat dengan undang-undang tanah negeri. Ini satu perkara yang kerajaan kena tengok dan saya mohon supaya dapat diselesaikan dengan sebaik mungkin. Izinkan, saya minum Tuan Yang di-Pertua, kering tekak dah... [*Meneguk sedikit air*]

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan seterusnya saya ingin memaklumkan juga kepada Dewan ini iaitu kegelisahan orang muda sekarang. Kita sering dengar mereka bercakap tentang PTPTN. Yang baru sahaja *graduate* diberi tempoh enam bulan tetapi kerajaan telah bermurah hati memanjangkan tempoh bayaran balik 12 bulan sehingga mendapat pekerjaan.

Cuma saya hendak bagi tahu bahawasanya Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib ini memang prihatin dan melihat sangat kepada permasalahan graduan-graduan baharu ini. Dalam bajet tahun 2018 ini kerajaan telah memutuskan untuk memberi 20 peratus pengurangan jikalau kita bayar penuh pinjaman itu dan diskaun 10 peratus jika dibayar 50 peratus sekali gus dan 10 peratus jika dibuat melalui potongan gaji ataupun melalui *standing instruction* atau potongan bank. Ini sangat membantu orang-orang muda yang baru bergraduat.

Cuma saya hendak minta dan mohon kepada kerajaan supaya jangan meletakkan sangat dan menekankan sangat kepada *punitive action* ataupun tindakan terhadap mereka ini. Ini kerana ada orang muda maklum kepada saya, dia kata baru ini dia *bad experience, shameful experience, disgraceful experience*. Dia malu kepada rakan-rakan dia, dia pergi *airport* hendak pergi satu *conference* di Jakarta sahaja, hendak pergi *conference* disekat kerana awak tak bayar PTPTN. Pegawai itu kata ada kaunter untuk bayar, dia pun pergilah bayar di kaunter itu.

Akan tetapi Yang Berhormat sekalian, saya masih lagi yakin dan percaya orang-orang muda ini tidak akan marah kepada kerajaan jikalau kita buat sesuatu untuk membantu mereka. Akan tetapi kalau kita menyekat mereka walau sekecil mana pun dia akan terguris hatinya apabila perasaannya tersentuh. Dalam kes ini dia tersentuh perasaan dia malu dan dia segan. Jadi saya harap kita tak payahlah buat sekatan dekat *airport*, tak payah buat sekatan di sempadan Malaysia-Thailand, tak payah buat sekatan di sempadan Malaysia-Singapura. Cukup dengan mengatakan awak perlu bayar, hutang perlu dibayar, wajib dibayar. Kita gunakan tindakan lain daripada tindakan yang memalukan mereka.

■1630

Saya harap kerajaan menarik balik serta-merta *booth-booth* yang pelajar kita terpaksa bayar. Oleh kerana mereka ini ke luar negara bukan pergi sahaja-sahaja. Adalah pergi melancong tetapi ramai di antara mereka yang ke luar negara untuk mewakili negara, untuk membenteng kertas kerja saintifik ataupun apa-apa berkaitan dengan profesion mereka di luar negara. Kawan saya sorang jurutera, oleh sebab tesisnya baik, maka diminta untuk pergi ke WASET. Yang Berhormat tahu apa WASET itu? *World Academy of Science and Technology*, orang muda hendak pergi benteng kertas kerja, disekat...

Dato' Sri Khairudin Samad: Yang Berhormat, minta laluan.

Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat: Ya, silakan.

Dato' Sri Khairudin Samad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya dapat izin. Berkaitan dengan apa yang disuarakan tadi, sahabat saya, Yang Berhormat Dato' Suhaimi, dia tidak ada dalam Dewan sekarang ini. Akan tetapi dia pernah bercerita dengan saya, bukan sahaja pelajar sekolah, dia bercerita dengan saya, ada satu syarikat yang dia punyai dulu, syarikat *petrol station*-PETRONAS. Akan tetapi dia sudah jual PETRONAS itu, *station* minyak itu. Bila dia sudah jual, dua tiga tahun yang lepas dia hendak berangkat keluar negara. Saya difahamkan dia ditahan di Imigresen, *airport* KLIA. Jadi, dia tanya apa sebab dia ditahan dan didapati dia tidak bayar GST. Rupa-rupanya, selepas dia jual syarikat itu, syarikat tuan empunya yang baru ini, dia sudah bayar GST, dia *overpaid* GST, dengan izin, tetapi bila dia tunggu pulangan itu balik daripada Kastam, dia kena blok. Akan tetapi dalam SSM, nama Dato' Suhaimi ini masih kekal.

Jadi, Dato' Suhaimi ditahan ini, bukan sahaja pelajar, anggota kita di dalam Dewan ini pun kena dengan tiada sebab. Oleh sebab cuma SSM tidak keluarkan nama dia, jadi dia kena tahan. Jadi, saya bercerita dengan satu kawan, RM1,700- Masuk sudah Yang Berhormat Dato' Suhaimi, dia boleh jelaskan lah. Kemudian saya bercerita kepada kawan saya di KPM, apa yang berlaku pada Dato' Suhaimi. Dia bercerita dengan saya, ada seorang guru sekolah ini dia hendak berangkat ke London kerana anak dia konvo. Hendak berangkat ke London, dia tidak bayar sewaktu dia berhenti, dia sudah pencen guru sekolah ini. Dia tidak bayar *income tax* RM17.00 pun kena tahan. Jadi, dia tidak boleh hadir ke konvokesyen anak dia. Jadi, bermakna bukan sahaja anak-anak sekolah, yang berlaku ini kadang-kadang tidak ada pertimbangan langsung. Yang lain itu, Dato' Suhaimi boleh jelaskan. Ini yang saya dengarlah ya. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Khairuddin. Saya bersimpati dengan apa yang dilalui oleh Yang Berhormat Dato' Suhaimi. Apa yang telah diceritakan oleh Yang Berhormat Dato' Khairudin itu patut kita ambil tindakan untuk mencekapkan kita. Bermakna, sistem kita ini tidak begitu cekaplah, hinggakan orang sudah keluar daripada syarikat pun kena lagi. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai kemasukan pelajar antarabangsa ke universiti-universiti di negara kita. Baik universiti awam ataupun universiti swasta.

Akan tetapi universiti awam, saya bersetujulah jikalau kita adakan sistem yang lebih canggih dan cekap untuk sebelum kita memberi visa. Oleh kerana terdapat kes-kes di mana mereka masuk ke negara kita dengan tujuan lain. Akan tetapi oleh sebab visa pelajar senang untuk diperoleh, maka

mereka menggunakan saluran itu. Akhirnya, mereka hilang, tidak hadir kuliah tetapi buat kerja-kerja lain, termasuklah membuat kerja-kerja menjadi penjenayah.

Akan tetapi apa yang saya ingin tekankan di sini ialah mengenai kemasukan pelajar-pelajar antarabangsa ke universiti-universiti awam. Kerajaan ataupun KPT menyasarkan tahun depan, oleh sebab kita ini dilihat sebagai negara yang membuka peluang kepada pelajar-pelajar luar negara. Mereka cukup minat untuk datang ke negara kita kerana yuran yang rendah. Sebahagiannya melihat Malaysia sebagai tempat untuk menimba ilmu kerana kepelbagaian bangsa dan kemajmukan penduduknya.

Akan tetapi masalah kita sekarang ialah kerjasama di antara Jabatan Imigresen Malaysia dan juga satu agensi yang kita panggil *Education Malaysia Global Services* (EMGS). Agensi ini menguruskan permohonan pelajar antarabangsa keluar negara tetapi yang meluluskan visa ialah Jabatan Imigresen Malaysia. Kadang-kadang universiti terlepas untuk mengambil mereka kerana prosesnya lama. Selepas *deadline* ataupun tarikh akhir pendaftaran pun mereka tidak dapat. Akhirnya, apabila terlepas itu, mereka *give up*. Pelajar-pelajar antarabangsa telah *give up*. Tahun kemudiannya kita dapati bahawa sesetengah pelajar antarabangsa dari sesetengah negara itu menurun.

Kita dapati bahawanya kita hilang peluang, kerana apa? Oleh kerana bila kerajaan memperkenalkan dasar universiti awam mesti mencari dana sendiri, jangan 100 peratus mengharap kepada peruntukan kerajaan, mereka terpaksa berhempas pulas membuat promosi di seluruh dunia untuk menggalakkan pelajar antarabangsa datang belajar di Malaysia, kerana apa? Oleh kerana ini penting untuk menaikkan *ranking* sesebuah universiti. Ada satu faktor ataupun kriteria iaitu berapakah bilangan pelajar antarabangsa yang belajar di universiti mereka.

Jadi, sebab itu mereka bekerja keras. Kos untuk membuat promosi seperti yang Yang Berhormat tahu, adalah tinggi. Jadi, apabila mereka mendapat pelajar tetapi visanya lambat, akhirnya pelajar itu tidak dapat masuk. Sangatlah rugi universiti itu dan juga merugikan negara. Oleh sebab itu, saya ingin mencadangkan supaya Menteri Pengajian Tinggi dan Menteri Dalam Negeri mengarahkan kedua-dua agensinya duduk berbincang secara serius untuk mengelakkan ruginya kita, pendapatan kita.

Untuk memastikan bahawa *ranking* universiti kita berjalan dengan lancar ataupun tidak turun seperti yang berlaku pada tahun-tahun yang lalu. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai sektor pelancongan. Kita berbangga apabila saya membaca laporan mengenai bagaimana kita telah mencapai beberapa anugerah antarabangsa berkait dengan pelancongan. Tahun ini sahaja, tahun 2017 kita mendapat empat anugerah.

Pertama- *Malaysia is number one among four countries*- nombor satu di antara empat negara *with the best healthcare in the world*- dalam dunia. *Best healthcare* iaitu ia diiktiraf oleh *InternationalLiving.com*.

Kedua, anugerah *one of the 17 countries must visit destination in 2017*, iaitu satu daripada 17 negara yang menjadi destinasi yang mesti dilawati, ini daripada *CNN Travel*. Itu satu perkara yang sangat membanggakan kita.

Seterusnya, kita menduduki *number one world Muslim friendly destination*- kita nombor satu di dunia iaitu *Muslim friendly country*. Maknanya, prasarana kita *syariah compliance, Islamic compliance* iaitu siapa yang ambil anugerah, anugerah ini dari *MasterCard*. *MasterCard* ini *based in America*, ini orang Yahudi ini iktiraf kita, Malaysia ini.

Kelima, *Lonely Planet's top cities for travel* iaitu anugerah daripada *Lonely Planet*. Tahun 2016, Kuala Lumpur ini menjadi *world top five shopping destination*.

■1640

Jadi nak *ghoyak*-nya, kita memperoleh lima anugerah dalam satu tahun. Cukup membanggakan kita semua. Akan tetapi, ini semua kerana *impression*. *Impression* dan *perception*. Itu sangat pentinglah.

Cuma, saya hendak maklumkan di sini, kita ini diiktiraf sebagai negara Islam. Ramai yang datang ke negara kita menggunakan penerbangan Malaysia *based*, syarikat penerbangan Malaysia *based* ataupun yang syarikat penerbangan Malaysialah. Cuma yang saya tidak sedap dengar, orang bercakap, dia kata syarikat-syarikat penerbangan kita ini, nasihat kerajaan pun tidak mahu dengar.

Persepsi pertama kalau kita *travel* kapal terbang ini, benda pertama kita lihat apabila kita naik kapal terbang, siapa? Kalau lelaki, tengok *stewardess*, bukan? Kalau yang perempuan, tengok *steward*. *Steward handsome, stewardess* yang cantik. Akan tetapi, kita bangga bahawa negara kita negara Islam, ada budaya tersendiri, budaya timur. *Stewardess* kita pakai seksi. Pakaian singkat. Kalau kain, kain belah di tengah. Tok haji pakai kopiah kah, serban pun, kadang-kadang terlepas pandang ataupun tersilap pandang. Tidak boleh elak hendak pandang sebab dia *stewardess*.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kepada kerajaan untuk sekali lagi mengarahkan syarikat penerbangan supaya kita buatlah pakaian *syariah compliance* untuk menggambarkan bahawa kita mempunyai budaya timur dan memberi *impression* kepada kita ialah negara Islam yang sebenarnya, yang menutup aurat dan memberitahu mereka, kita tidak hilang pelanggan kalau *stewardess* kita tutup badan. Tidak hilang pelanggan. Tidak hilang penumpang dengan hanya menutup badan. Bukan tutup terus aurat, tutup muka, tidak. *Decent dresses, decent attire*, Orang Putih kata, dengan izin.

Jadi, kita semua tahu Yang Berhormat, syarikat mana sekali pun, orang tidak pandang kepada *stewardess* sangat. Orang lihat kepada perkhidmatan dan juga *respectfulness of the passenger*. Orang Putih kata, *is the service and the respect given to the passengers that makes people travel on their flights, travel with their flights, travel with your plane*. Betul tidak, Tuan Haji?

Tidak mengapalah, Yang Berhormat sekalian. Saya fikir sudah tiba masanya kerajaan memberi peraturan, menggariskan panduan. Biar ada *code of attire* untuk syarikat penerbangan supaya memberi *impression* bahawasanya negara kita ini ialah negara Islam dan memegang ciri-ciri budaya timur dengan kuat. Ada orang kata, awak fikirilah kalau isteri awak jadi *stewardess*. Hati awak ini tidak mahu pakai begitu tetapi oleh sebab tekanan pekerjaan, *I don't want to lose that job*, kata Orang Putih, kita tidak mahu hilang pekerjaan itu, terpaksa mengikut peraturan-peraturan yang walaupun hati kita tidak suka. Ini saya rasa patutlah kita pertimbangkan.

Baik. Seterusnya, saya juga mencadangkan walaupun kita mempunyai pekerja asing yang ramai, tetapi kita telah bahagikan sektor-sektor, kerajaan telah memberi sektor-sektor tertentu untuk

pekerja asing berada dalam negara kita. Kita mohon dalam sektor pelancongan ini, *front desk staff* ataupun yang duduk bekerja sebagai *receptionist* di hotel-hotel supaya janganlah ambil orang luar daripada Malaysia. Janganlah letak bangsa asing. Kita hendak *local content*. Biar kita letak orang Malaysia, lahir di Malaysia, supaya diberi gambaran kepada pelancong asing bahawa *this is Malaysia* dengan kepelbagaian dan kemajmukan rakyatnya. Ini hendak bertutur pun susah, kekok lidah. Rupa-rupanya yang duduk bekerja sebagai *receptionist* itu dari luar Malaysia.

Perkara yang kedua, saya minta Kementerian Pelancongan mengambil tindakan tegas kepada hotel-hotel yang memaksa *receptionist* ataupun penyambut tetamu Islam dari memakai tudung. Ini satu perkara yang tidak baik. Satu perkara yang menghina Islam. Sebagai seorang Islam, dia mesti patuh kepada arahan agamanya, pada *faith*-nya. Jadi kalau kita arah seseorang untuk tidak memakai tudung semata-mata untuk memenuhi syarat syarikat, saya rasa adalah satu perkara yang tidak baik dan tidak beretika kepada pengusaha-pengusaha hotel dalam negara kita ini. Kita mesti mengambil tindakan tegas...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat: Ada sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua. Hendak tamat dah.

Akhir sekali, saya hendak bercakap tentang pekerja asing. Pekerja asing, kerajaan telah menetapkan sektor-sektor yang kita tidak boleh kompromi. Kita hanya dapat menggunakan pekerja asing di sektor pembinaan, perladangan, pertanian, perkhidmatan dan perkilangan. Akan tetapi, sekali lagilah, saya ingin meminta kerajaan supaya lebih tegas apabila majikan-majikan telah memindahkan pekerja ini kepada sektor lain termasuk yang saya katakan tadi, di sektor pelancongan, di hotel dan sebagainya. Saya bimbang satu hari, ejen pelancongan akan melantik *tour guide*, pemandu pelancong orang asing. Ini amat memalukan kita. Ini kita mesti mengambil tindakan.

Satu hari, saya telah naik teksi dan sambil itu saya mendengar radio. Radio itu FM apa tidak tahu tetapi dia dalam bahasa Inggeris. Jadi, ada program *called-in*, orang yang menelefon kepada juruhebah tersebut. Tajuknya ialah mengenai pekerja asing, pendatang asing. Jadi pemanggil radio itu berkata, "*Saya sangat takut sekarang*". Itu orang pun tanya dia balik, "*Takut apa?*". Dia takut kerana kawasan dia dulu aman damai, tidak ada orang mabuk, tidak ada orang mencuri, tidak ada kedengaran cakap-cakap asing kecuali cakap Cina, cakap India, cakap Melayu dan bercakap Inggeris tetapi sekarang dia dengar suara-suara yang bercakap di kedai-kedai itu, dia tahu, langsung tidak pernah dengar dan sering kali berlaku jenayah. Bertumbuk apabila mabuk. Itu *called-in* ataupun orang yang menelefon radio stesen.

Jadi, saya harap gambaran yang saya katakan tadi ialah gambaran yang bagi saya, kesemua rakyat Malaysia tidak mahu lalui, tidak mahu dengar. Jadi saya harap kita mengambil tindakan tegas kepada mereka ini yang telah mengganggu ketenteraman di kawasan-kawasan perumahan dan sebagainya. Ini ialah tanggungjawab kita sebagai rakyat dan juga sebagai kerajaan untuk memastikan *environment* yang kita duduk itu ialah *environment* yang selamat dan tidak diganggu oleh orang-orang asing.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya dengan ini mohon untuk menyokong. Sekian, *wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Seri Haji Hanafi bin Haji Mamat yang telah menyampaikan perbahasan yang baik, dan banyak fakta-fakta baru...

Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat: Dengan izin. Saya hendak betulkan sedikit nama saya itu. Sebenarnya saya bukan 'Datuk Seri.' Itu 'Datuk Sr.'- "Surveyor" atau "Datuk Surveyor Hanafi"... [Ketawa] Minta maaf. Okey. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Mudah-mudahan dapat "Seri", lah. Mudah-mudahan ya.

Saya hendak dengar suara daripada seorang pahlawan. Kita punya pahlawan tentera kita ya, wira kita iaitu saya minta Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor. Dipersilakan.

4.49 ptg.

Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B): *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang untuk membahaskan Belanjawan 2018. Saya akan teruskan dengan isu-isu yang bersabit kebajikan veteran Angkatan Tentera Malaysia.

■1650

Bagi pihak semua veteran ATM, saya ingin ucapkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri Pertahanan kerana sangat prihatin dengan kebajikan veteran ATM. Pagi tadi kita telah dengar hujah dan juga maklumat-maklumat yang diberi oleh Menteri Pertahanan bersabit dengan inisiatif yang telah dilaksanakan terutama dalam bidang kesihatan dan juga dalam bidang pendidikan ATM dan juga Veteran ATM. Semasa Perhimpunan ATM, 31 Julai tahun ini sempena Hari Pahlawan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan lima inisiatif baru yang telah meringankan sedikit sebanyak kesulitan dan juga menangani kebajikan kumpulan veteran yang tidak berpencen.

Dalam Bajet 2018 pula, RM40 juta telah diperuntukkan untuk menaik taraf lima hospital angkatan tentera dan juga membina empat poliklinik dan hospital khas untuk Veteran ATM. Veteran sangat mengalu-alukan inisiatif ini. Isu pertama ialah didapati jurang perbezaan pencen yang lebar di antara veteran berpencen sebelum tahun 2004 dengan selepas tahun 2004 dalam pangkat yang sama sehingga ada perbezaan melebihi 100 peratus. Perbezaan ini berlaku kerana veteran yang pencen sebelum tahun 2004 semasa gaji mereka itu rendah tetapi sekarang mereka telah membuat beberapa penyesuaian maka berdasarkan kepada 50 peratus ataupun 60 peratus pada gaji asas sudah mula kita lihat perbezaan ini mula melebar.

Jadi kenaikan pencen tahunan yang dilaksanakan oleh kerajaan iaitu dua peratus tiap-tiap tahun nampaknya tidak membuatkan jurang itu lagi dia bertambah melebar. Jadi cadangan pemberian kenaikan pencen *One-Off* kepada veteran berpencen sebelum tahun 2004 mengikut jangka masa lama berpencen iaitu yang telah lama berpencen mendapati lebih peratus bukan dua peratus. Jadi saya hendak mencadangkan kepada Kementerian Pertahanan untuk melihat isu ini. Cadangan ini akan melibatkan lebih kurang 50,000 veteran berpencen iaitu lebih kurang 45 peratus

veteran yang berpencen. Isu ini telah saya bangkitkan tiga tahun yang lalu. Jadi ia masih belum ditangani.

Isu kedua ialah memanjangkan jangka masa pemberian pencen terbitan yang diberikan kepada isteri yang dikahwini oleh veteran dalam masa persaraan. Didapati hampir kesemua veteran peringkat rendah lain-lain pangkat bersara dalam lindungan umur 40 tahun ke 45 tahun. Ada juga di kalangan pegawai ATM bersara selepas berkhidmat selama 25 tahun dan purata umur mereka semasa bersara adalah 45 tahun ataupun 48 tahun.

Terdapat di kalangan mereka berkahwin semula dalam masa persaraan akibat dari kematian isteri ataupun penceraian yang sah di sisi undang-undang. Peraturan sedia ada hanya memberi pencen terbitan selama 20 tahun sahaja kepada isteri yang dikahwini dalam masa persaraan. Jangka masa 20 tahun tersebut dikira dari tarikh veteran menamatkan perkhidmatan atau berpencen. Pada hakikatnya isteri yang dikahwini oleh veteran selepas bersara terpaksa berkorban untuk menjaga suami mereka sepanjang hayat di mana kebanyakan daripada suami pada waktu itu telah mula menghidap pelbagai penyakit sepanjang hayat selepas mencapai umur 60 tahun ke atas. Terdapat juga suami dalam kategori OKU yang tercedera dalam pertempuran serta yang tidak boleh bergerak dan terlantar di atas katil.

Sesungguhnya isteri tersebut telah menjaga dan melayan keperluan zahir dan batin suami di samping membesarkan anak yang masih bersekolah hasil dari perkahwinan tersebut. Adalah wajar jasa dan pengorbanan si isteri itu mendapat pengiktirafan dan diberikan ganjaran yang setimpal. Jadi cadangan jangka masa pencen terbitan yang sekarang ini diberi kepada isteri yang dikahwini veteran dalam masa persaraan dipanjangkan dari 20 tahun ke 50 tahun.

Cadangan ini akan melibatkan lebih kurang 4,000...

Dato' Sri Khairudin Samad: Yang Berhormat...

Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B): Silakan.

Dato' Sri Khairudin Samad: Saya mohon mencelah.

Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B): Ya, silakan.

Dato' Sri Khairudin Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya daripada Yang Berhormat, veteran ini dia ada dua kategori kalau tidak salah saya. Satu yang berpencen dan yang satu yang tidak berpencen. Apakah kebajikan yang kita jaga terhadap yang tidak berpencen itu sebab soal 20 tahun isteri itu satu hal, yang bersara tetapi tidak berpencen. Mereka ini juga ramai saya difahamkan dan apatah lagi kalau ada perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku, dilakukan oleh mereka. Media massa ini dia suka petik dalam laporan bekas tentera, bekas tentera, bekas tentera menagih dadah, bekas tentera mencuri, bekas tentera gelandangan. Dia akan sebut bekas tentera, bekas tentera dan ini memalukan veteran saya rasa.

Media ini dia bukan sahaja bekas tenteralah, kadang-kadang kita dengar pun, kita pun kesian. Adik kepada Menteri Besar. Adik kepada Menteri. Sepupu kepada Menteri. Dia suka macam ini sebab dia hendak jual surat khabar walaupun sudah tidak laku sekarang tetapi dia akan ini- sebab kita baca *online* ini jadi orang tidak beli sudah surat khabar, masalah dia suka membangkitkan, dia menggunakan bekas tentera, kesian kepada tentera ataupun anak Menteri, adik Menteri. Jadi yang ini semua mengaibkan orang yang tidak ada kena mengena dalam- hendak tangkap, tangkap lah.

Hendak hukum, hukum. Tidak payahlah sebut bekas tentera. Pandangan Yang Berhormat macam mana? Saya pun tidak faham yang mana bekas tentera yang berpencen dan yang tidak berpencen apa kebajikan yang dijaga? Terima kasih.

Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B): Terima kasih Yang Berhormat. Tidak berpencen ini sebab dahulu dalam tentera ini dia boleh tamat perkhidmatan selepas berkhidmat 13 tahun, 15 tahun dan juga 18 tahun. Jadi kalau mereka tamat perkhidmatan dalam jangka masa itu, mereka tidak layak untuk dapat pencen. Hanya mereka yang telah tamat perkhidmatan 21 tahun sahaja akan layak untuk menerima pencen.

Jadi yang tidak berpencen ini rupanya mengikut statistik sekarang yang paling ramai iaitu 178,000 orang, yang berpencen hanya 118,000 sahaja. Lebih yang tidak berpencen. Jadi mereka ini apabila telah terima *gratuity* yang mereka melabur di dalam Lembaga Tabung Angkatan Tentera 10 peratus tetapi kerajaan dengan cara ihsan yang 15 peratus itu kerajaan laburkan diberi *lumpsum* kepada mereka ini, mereka telah terima satu imbuhan *lumpsum* 10 peratus yang mereka laburkan LTAT, 15 peratus yang dilaburkan oleh kerajaan.

Akan tetapi mereka inilah golongan yang sekarang ini kita dapati yang seperti Yang Berhormat katakan tadi yang dalam keadaan kesulitan. Ada apabila sakit tidak langsung bekerja, mereka tidak dapat menyara hidup. Inilah sekarang apa yang kerajaan telah buat ataupun di bawah Jabatan Hal Ehwal Veteran ialah memberi kos sara hidup sebulan iaitu bulanan sebanyak RM300 seperti juga yang diberi oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jadi ini adalah satu yang diberi oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran.

■1700

Kedua, baru sahaja seperti saya umumkan tadi, pada 31 Julai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan yang satu inisiatif baru yang dipanggil Bantuan Bakti Negara (BBN). Di sinilah akan diberi kepada veteran yang tidak berpencen berjumlah RM1,200 yang bermula 4 Disember ini. Kepada golongan yang menerima BR1M dan mereka yang tidak berpencen apabila mereka sampai umur 60 tahun ke atas akan menerima secara automatiknya RM600. Jadi inisiatif baru juga seperti Skim Anuiti yakni kepada mereka yang akan tamat perkhidmatan tetapi yang tidak berpencen akan ada satu inisiatif baru akan di-implementasikan iaitu yang dipanggil Skim Anuiti Veteran (SAVe).

Di situ nanti kita lihat dulu yang 15 peratus untuk peruntukan itu tidak akan diberikan lagi tetapi dijadikan satu dana untuk diberi kepada mereka yang tidak berpencen setiap bulan ibarat macam disamakan macam dia berpencen. Jadi itulah beberapa inisiatif yang melihat kepada kesulitan dan juga yang sedang dialami oleh mereka-mereka yang tidak berpencen itu.

Isu ketiga yang hendak saya bangkitkan ialah pembelaan terhadap bekas tentera yang di berhentikan atas sebab disiplin. Ini adalah salah satu kelompok kalau mereka...

Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan: [Bangun]

Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B): Silakan.

Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat yang memberikan laluan kepada saya untuk mencelah. Saya tersentuh berkenaan dengan pencen kepada veteran yang berpencen.

Untuk pengetahuan, Tuan Yang di-Pertua, kelmarin saya sudah mesyuarat dengan Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Malaysia (PEYATIM) di Kedah. Salah satu wakil daripada rumah anak yatim adalah daripada rumah perajurit. So, beliau membangkitkan isu ini kepada saya kalau boleh minta disampaikan kepada Tuan Yang di-Pertua. Di Dewan yang mulia ini, saya ingin bertanya kepada Tan Sri, adakah benar seorang *warrant officer* yang *served* lebih kurang 21 tahun, berpencen, pada ketika itu maksimum mendapatkan pencen adalah sebanyak RM650. Akan tetapi *Warrant Officer* yang pencen sekarang mendapat RM3,500. Jadi perbezaan yang amat ketara. Perkara-perkara ini dibangkitkan oleh yang dikatakan veteran berpencen.

Isu ini, masih belum dijelaskan oleh pihak ATM. Saya harap pihak Tan Sri dapat memperjelaskan perkara ini benar ataupun tidak. Kedua, berkenaan dengan pencen terbitan. Saya tidak sentuh bab pencen terbitan tetapi baru-baru ini bukan berkenaan dengan ATM tetapi berkenaan dengan pencen terbitan. Saya juga ingin penjelasan, daripada pihak kerajaan. Katanya, orang yang berkahwin setelah berpencen macam Dato' Sri Khairudin Samad, minta maaf ya. Katalah sekarang ini Dato' sudah pencen, Dato' kahwin. Dulu, saya difahamkan dapat pencen 12 tahun setengah, 20 tahun kan? Okey. Sekarang ini, dalam kita membantu ibu-ibu tunggal ini, kita dapati yang mana menikah selepas pencen tidak dapat pencen.

Jadi kita ini, celaru. Katanya ada yang orang menikah empat, dia boleh dapat empat pencen. Akan tetapi kena menikah dengan pegawai kerajaan lah. Apabila isteri dia meninggal si lelaki itu dapat pencen. Tuan Yang di-Pertua, so, soalan saya sekarang ini apa yang berlaku pada balu-balu yang ditinggalkan oleh suami, meninggal ini matilah. Tidak dapat pencen. Saya minta penjelasan, mungkin ini pihak kementerian ataupun pihak JPA boleh memberikan penjelasan katanya pihak Kabinet telah luluskan tetapi belum dilaksanakan. Itu, minta penjelasan daripada pihak Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B): Terima kasih, Yang Berhormat. Benar, apa yang sebagai contoh yang diberi oleh Yang Berhormat iaitu *Warrant Officer* itu satu ketika pernah menerima RM650 sebagai pencen kerana gaji dahulu murah. Kalau gaji RM1,300 maka 50 peratus daripada RM1,300 itulah dia.

Akan tetapi sekarang, apabila kita laksanakan kenaikan tiap-tiap tahun ini iaitu 2 peratus, sekarang *warrant officer* itu sudah boleh terima RM1,200, baru. Akan tetapi masih jurang, *gap* itu, perbezaan antara *Warrant Officer* yang tamat perkhidmatan sebelum tahun 2004 dan yang sekarang ini, memang yang sekarang akan menerima RM3,000 lebih. *Warrant Officer* juga akan menerima lebih daripada seorang berpangkat Mejar yang mendapat 208, 50 macam itu.

Memang tidak ada keadilan kalau kita tengok daripada perspektif pangkat seseorang itu. Jadi kalau dulu *Warrant Officer*, seorang Mejar akan terima pencen rendah daripada yang pangkat rendah. Itu yang sedang kita perjuangkan. Sudah tiga tahun Yang Berhormat, kita akan teruskan perjuangan. Kita harap penyelarasan ini akan dilaksanakan satu ketika nanti. Yang pencen terbitan itu memang masih lagi kita harap agar peringkat kementerian akan menjawabnya.

Ketiganya, adalah mereka yang berhenti di bawah sebab disiplin. Kalau kita lihat mereka yang berhenti di bawah disiplin tidak diiktiraf sebagai seorang veteran di bawah kaedah artikel yang kita telah lulus iaitu Akta Veteran 2012. Jadi, mereka inilah yang tidak dapat langsung kemudahan-

kemudahan yang diberikan oleh kerajaan. *Medical* tidak dapat percuma, isteri dan anak-anak tidak dapat apa-apa. Jadi kita di dalam persatuan telah mengusulkan atau mencadangkan supaya mereka ini diberikan kelonggaran.

Hal ini kerana selagi kesalahan itu tidak mengakibatkan menderhaka kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong maka mereka ini diampuni dan diiktiraf balik sebagai seorang veteran dan menerima kemudahan-kemudahan. Jadi, isu keempat ialah isu perumahan veteran iaitu N-BOS ketujuh. Kita faham kerajaan sangat prihatin dan juga telah mewujudkan satu skim memberikan perumahan berharga RM45,000 tetapi diluluskan 100 setahun dan yang sedang menunggu senarai itu adalah 1,000 lebih orang. Bermakna kalau seratus tahun, sepuluh tahunlah orang yang 1,000 orang itu akan mendapat rumah. Padahal mereka sedang menunggu.

Jadi kami telah cadangkan dan ingin cadangkan kepada Kementerian Pertahanan supaya tambahlah kuota ini kalau boleh dinaikkan kepada RM500 jadi tidaklah seorang veteran itu menunggu sehingga 10 tahun baru hendak dapat satu rumah, N-BOS ketujuh yang RM45,000 ini akan dibina di bawah tanah beliau. Jadi saya hendak mencadangkan supaya semua ini, isu-isu yang saya bangkitkan

■1710

Saya cadangkan untuk perincian peranan untuk mengambil kira dan di teliti dalam makmal inisiatif kementerian dan diangkat kepada Majlis Veteran Kebangsaan. Majlis Veteran Kebangsaan telah pun ditubuhkan semasa Akta Veteran 2012. Jadi kita gunakan forum ini dan seterusnya diiktiraf oleh Majlis Angkatan Tentera dan seterusnya diangkat untuk diluluskan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya ialah isu jenayah seksual terhadap kanak-kanak. Jadi saya hendak bangkitkan kerana kita faham semasa perasmian pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Parlimen Ketiga pada 6 Mac dahulu. Dulu Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-15, Sultan Muhammad V bertitah, *"Bagi berlindung golongan kanak-kanak daripada penjenayah seksual yang mengeksploitasikan mereka kerajaan Beta akan membentangkan Rang Undang-undang Jenayah Seksual Kanak-kanak untuk menangani masalah tersebut secara komprehensif"*.

Titah baginda ini menggambarkan kebimbangan Baginda terhadap peningkatan kes membabitkan jenayah seksual di negara ini. Menurut JKM sejak 2010 hingga 2016 sebanyak 1,180 kes penderaan kanak-kanak telah dirujuk kepada pegawai psikologi ataupun kaunselor JKM. Jumlah kes jenayah seksual mengikut maklumat yang direkodkan oleh JKM dari tahun 2010 hingga 2016 digambarkan dengan jumlah kes tertinggi direkodkan adalah pada tahun 2013. Walaupun jumlah kes menurun pada 2014 dan 2015 namun kes jenayah seksual yang dilaporkan meningkat kembali tahun 2016.

Jadi kita melihat usaha untuk mewujudkan Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual 2017 untuk menangani kesalahan jenayah seksual kanak-kanak secara holistik dan komprehensif. Ini telah pun dilaksanakan.

Jadi kedua, ada cadangan untuk menubuhkan mahkamah jenayah khas bagi mengendalikan prosiding jenayah seksual terhadap kanak-kanak yang menjadi mangsa. Walaupun ada Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 telah

diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 4 April 2017 manakala Dewan Negara pula meluluskan pada 26 April 2017. Akta ini memperuntukkan kesalahan dan hukuman termasuk pornografi kanak-kanak, pengantunan amang seksual fizikal dan amang seksual bukan fizikal.

Jadi kita lihat jenayah seksual kanak-kanak adalah isu yang universal yang berlaku di setiap pelosok dunia. Jadi usaha berterusan perlu kita lakukan oleh pihak bertanggungjawab terutama kementerian untuk melibatkan pelbagai pihak terutamanya masyarakat untuk terus memberi sokongan intervensi dan keterlibatan bersama dalam mencegah perlakuan jenayah seksual ke atas kanak-kanak. Minda kanak-kanak perlu dididik dan diterap seawal mungkin untuk menghargai dan melindungi diri dari risiko dan bahaya yang ada di sekeliling mereka dengan menekankan aspek-aspek jenayah seksual dan isu-isu lain seperti kehamilan remaja, penyakit kelamin dan pembuangan bayi.

Jenayah boleh berlaku di mana-mana sahaja sama ada di sekolah, di padang permainan atau dalam rumah sendiri mahupun tempat awam. Oleh demikian, kanak-kanak perlu tahu hak mereka dan bagaimana untuk mendapatkan bantuan sekiranya menyedari bahawa mereka sedang dalam keadaan bahaya atau telah dianiayai secara seksual oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Jadi akhir sekali isu yang saya hendak bangkitkan ialah isu konflik di Selatan Filipina dan kesannya kepada Malaysia. Hubungan yang baik dan akrab telah menanam rasa kepercayaan kepada Kerajaan Filipina untuk memilih Malaysia memainkan peranan sebagai pengubah cara, fasilitator dalam penyelesaian konflik antara Bangsamoro dan Manila pada tahun 2001. Peranan yang dimainkan oleh Malaysia akhirnya telah membawa kepada termaterinya *the Framework Agreement on the Bangsamoro* antara Kerajaan Filipina dengan Barisan Pembebasan Islam Moro atau *Moro Islamic Liberation Front* (MILF) pada 15 Oktober 2012. Perkara ini disusuli dengan tercapainya perjanjian keselamatan di antara Kerajaan Filipina dengan MILF pada 24 Januari 2014 di Kuala Lumpur.

Pencapaian kedua adalah perjanjian ini adalah merupakan satu pencapaian besar bagi kedua pihak yang telah bersengketa begitu lama. Perjanjian ini juga secara tidak langsung membuktikan kejayaan Malaysia memainkan peranan membantu mewujudkan keamanan di Selatan Filipina. Terbaru adalah Malaysia, Filipina dan Indonesia telah bersepakat untuk menjalani kerjasama bagi melaksanakan rondaan dan pemantauan bersama udara dan maritim di Laut Sulu bagi menangani cabaran keselamatan semasa di rantau tersebut yang melibatkan ancaman penculikan, pengganas dan jenayah rentas sempadan.

Perkembangan ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga pihak mampu untuk kerjasama mengatasi segala bentuk ancaman keselamatan yang sedia ada. Memandangkan Malaysia mempunyai hubungan diplomatik yang begitu baik dengan Kerajaan Filipina segala isu yang berlaku antara kedua-dua negara ini perlu diselesaikan secara diplomatik dengan menggunakan pelbagai mekanisme yang aman. Tindakan ini adalah selari dengan semangat ASEAN dan bertepatan dengan saranan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

So, dengan itu, itu sahajalah isu-isu yang dapat saya bangkitkan. Tuan Yang di-Pertua, turut menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B) yang memang faham dan kita pun tahu *more on the wira*, tentang tentera, tentang veteran. Terima kasih, Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan dan selepas itu ada tiga orang lagi. Dipersilakan.

5.17 ptg.

Puan Bathmavathi Krishnan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk menyertai perbahasan Belanjawan 2018 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 27 Oktober 2017.

Sebagai permulaan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana menaikkan elaun OKU yang bekerja sebanyak RM50 iaitu dari RM350 kepada RM400.

Kedua, kerana menaikkan elaun OKU tidak bekerja sebanyak RM50 dari RM300 ke RM350 dan menaikkan elaun warga emas sebanyak RM50 dari RM300 ke RM350. Sebagai menjaga kebajikan OKU, satu lagi kemudahan yang telah diperkenalkan dalam bajet ialah potongan cukai kepada majikan yang mengajikan pekerja yang mengalami kemalangan atau penyakit kritikal yang disahkan oleh Lembaga Perubatan PERKESO bahawa mereka masih layak menjalankan pekerjaan yang sesuai dengan keupayaan mereka. Ini antara perkara-perkara yang terkandung dalam Bajet 2018 mengenai OKU.

Menyentuh pada perkara yang pertama yang ingin saya bahaskan ialah berkenaan dengan Penyakit Jarang Jumpa. Dalam Bajet 2018, sebanyak RM10 juta diperuntukkan untuk menampung kos perubatan bagi rawatan *Rare Diseases* atau Penyakit Jarang Jumpa yang kian meningkat.

■1720

Tuan Yang di-Pertua, pada 5 hari bulan Disember iaitu minggu lalu, saya telah bertanya soalan berkenaan kaedah yang akan digunakan bagi pengagihan dana ini yang diperuntukkan itu antara pelbagai jenis Penyakit Jarang Jumpa. Memandangkan kos bagi setiap pesakit amat tinggi dan setiapnya melibatkan rawatan yang berbeza. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr. S. Subramaniam telah memberi penjelasan bahawa peruntukan itu adalah untuk membeli ubat untuk melakukan *enzyme replacement therapy* bagi pesakit-pesakit *Lysosomal Storage Disorder*. Tambah beliau anggaran kos rawatan bagi setiap pesakit adalah lebih kurang RM1 juta setahun dan peruntukan RM10 juta dalam bajet itu akan digunakan cuma untuk sepuluh orang sahaja, 10 orang pesakit yang sedang dalam senarai menunggu untuk mendapat rawatan ERT di Hospital Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, di samping pesakit-pesakit lain *Lysosomal Storage Disorder* (LSD), saya difahamkan bahawa terdapat pesakit-pesakit PJJ jenis lain yang juga amat memerlukan bantuan kewangan untuk beli ubat-ubatan seperti *growth hormone* bagi pesakit sindrom *Prader-Willi*, ujian genetik terutama ujian yang dijalankan di luar negara dan alatan perubatan bagi pesakit kronik seperti mesin BiPAP. Mengikut *Malaysian Rare Disorders Society*, saya diberitahu bahawa mereka mempunyai 200 ahli pesakit Penyakit Jarang Jumpa (PJJ) dan antara mereka ini terdapat 70 jenis Penyakit Jarang Jumpa. Sebahagian besar daripada pesakit ini langsung tidak ada sebarang perubatan.

Saya buat sedikit penyemakan dan didapati bahawa pada 4 hari bulan November 2014, dalam Dewan Rakyat ada seorang Ahli Parlimen yang telah menyoal berkenaan dengan *Rare Diseases* dan perubatan dan pengagihan dana bagi *Rare Disease*.

Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah memberi jawapan bahawa dari tahun 2007 lagi kerajaan telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM15 juta bagi pesakit yang sama juga-*Lysosomal Storage Disorder*. Pada tahun 2008, RM8.5 juta telah diberi pada LSD untuk *enzyme replacement therapy*. Sejak 2009, bagi tahun-tahun yang berikut setiap tahun RM300,000 diberi kepada KL untuk membuat secara *outsourc*e ujian genetik.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan, mengapa antara kesemua jenis PJJ ini hanya LSD diberi perhatian dan peruntukan kewangan dan bukannya jenis-jenis penyakit PJJ yang lain? Saya ingin berkongsi sedikit berkenaan dengan perkembangan *National Rare Disease* di negara kita. Pada kali pertamanya pada tahun 2013, tiga persatuan yang mewakili PJJ telah mengadakan satu persidangan di mana mereka telah membincangkan strategi untuk Pelan Kebangsaan *National Rare Disease* atau PJJ. Antara keputusan-keputusan penting dalam persidangan ini adalah seperti berikut.

Pertama, perakuan bahawa seorang kanak-kanak atau dewasa yang mengidap PJJ ini mempunyai hak berasaskan kepada Artikel 25 Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia, Artikel 24 Konvensyen Hak Kanak-kanak yang telah diratifikasikan oleh Malaysia pada tahun 1995, di bawah Konvensyen Hak Orang Kurang Upaya juga yang diratifikasikan oleh Malaysia 2010 dan Akta Orang Kurang Upaya 2008.

Kedua, mereka juga menyeru kepada Kementerian Kesihatan supaya mengiktiraf Penyakit Jarang Jumpa ini secara rasmi. Hal ini memerlukan suatu definisi yang standard bagi PJJ dan dicadangkan bahawa Kementerian Kesihatan menerajui proses ini dengan input daripada beberapa pihak berkepentingan.

Persatuan penyokong juga digalakkan menubuhkan satu gabungan yang saya difahamkan mereka pun telah menubuhkan satu *Alliance Rare Diseases*. Dalam persidangan itu juga diutarakan keperluan satu Pelan Kebangsaan bagi PJJ untuk mengadakan rawatan dan pengawalan yang lebih komprehensif yang melibatkan pelbagai agensi dan pelan tersebut akan melibatkan kerjasama antara aspek klinikal, kesihatan awam, perkhidmatan kepada OKU dalam menangani pencegahan intervensi awal, rawatan yang mencukupi dan pemulihan.

Juga, mereka menyeru Kementerian Kesihatan supaya menubuhkan suatu jawatankuasa yang terdiri daripada beberapa pihak berkepentingan untuk melaksanakan yang berikut iaitu nombor satu, mewujudkan satu daftar atau pangkalan data pesakit PJJ, mengagihkan bajet tertentu dan dana untuk PJJ bagi rawatan *orphan drug*, pengujian ubatan dan sebagainya.

Juga, menjalankan penyelidikan supaya diagnosis dapat dilakukan dan dipertingkatkan dan juga terapi di mana jenis-jenis terapi boleh diperluaskan. Mereka juga telah mencadangkan untuk diwujudkan jawatan genetik kaunselor dalam memberi perkhidmatan genetik dan pada masa ini tidak ada jawatan ini di bawah JPA. Juga, yang penting untuk menggubal Akta *Orphan Drug* iaitu O-R-P-H-A-N... [Menyebut huruf satu-persatu] Untuk mereka yang mencatat- untuk *Hansard* sebab

saya nampak dalam catatan terdahulu “*Often*” digunakan. Ejaan sebenarnya ialah “*orphan*” iaitu O-R-P-H-A-N – piatu. Bermakna “piatu”.

Ini disebabkan syarikat-syarikat komersial tidak memberi perhatian yang sepenuhnya untuk mengeluarkan *drug* macam ini untuk *rare diseases* oleh sebab *economic of scale* seperti mana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri pada minggu lalu. Untuk mengambil kira PJJ dan mewujudkan kategori baharu ketidakupayaan dalam Akta Orang Kurang Upaya yang bakal dipinda untuk memulihkan pesakit-pesakit PJJ mendaftar sebagai OKU dan memperoleh kad OKU.

Juga, cadangan untuk mengurangkan jurang penyampaian perkhidmatan antara hospital yang terdapat di bandar dan luar bandar berkenaan dengan rawatan kepada Penyakit Jarang Jumpa.

Dan juga, mengambil kira rawatan komprehensif dengan menubuhkan kumpulan pelbagai disiplin terdiri daripada *genetics clinical*, pakar intervensi awal, kaunselor genetik, terapi pemulihan, pegawai sosial perubatan dan profesional perubatan lain untuk memenuhi keperluan pesakit PJJ serta keluarga mereka.

Untuk menyelaraskan proses mendapat rawatan di hospital, Kementerian Kesihatan dan juga hospital-hospital yang di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi iaitu *teaching hospitals*.

Walaupun cadangan-cadangan ini merupakan sangat banyak saya mencadangkan supaya kerajaan memberi galakan ataupun mengambil beberapa isu yang penting dan memberi perhatian dahulu. Misalnya, memberi galakan kepada industri *pharmaceutical* untuk mencipta ubatan bagi Penyakit Jarang Jumpa seperti ubatan generik buatan India dan Korea ataupun ubat *biosimilar* iaitu ubat yang dibuat daripada bahan hidup yang hampir sama dengan ubat asal.

■1730

Ini hanya boleh dilakukan dan dikendalikan kalau kita ada suatu ‘*Orphan Drug Act*’. Jadi, saya mencadangkan supaya ditubuhkan suatu jawatankuasa teknikal untuk mengawal supaya semua jenis Penyakit Jarang Jumpa itu dapat perhatian yang sama dan bukan sahaja satu seperti mana yang diceritakan oleh Menteri minggu lalu.

Perkara yang kedua yang saya ingin sentuh ialah mengenai pengangkutan awam dan di sini khusus kepada perkhidmatan rel, LRT, MRT dan Monorel. Jadi, kita merasa sangat bangga kerana ada suatu sistem rel yang cukup canggih di negara kita. *World Tourism Organization* melaporkan bahawa pada tahun 2016, Malaysia adalah negara ke-12 paling ramai dikunjungi oleh pelancong asing. Sebaik sahaja mereka tiba di lapangan terbang, pelancong ini akan menggunakan pengangkutan darat untuk menjelajah dan pergi melawat tempat-tempat di seluruh negara.

Di Lembah Klang terutamanya, pengangkutan darat yang paling cepat, canggih dan mudah adalah LRT, MRT, Monorel dan *train* Komuter. Ia memang canggih tetapi adakah ia selamat? Mengapa saya mengutarakan isu selamat ini? Ini disebabkan baru-baru ini terdapat beberapa kemalangan yang berlaku di mana penumpang, baik OKU ataupun bukan OKU, yang jatuh ke atas platform dan mengalami kecederaan. Satu insiden yang telah berlaku pada bulan Mac, di mana seorang OKU penglihatan telah jatuh di atas platform dan terpaksa dimasukkan ke hospital dan melalui pembedahan dan ini amat dikesali oleh semua pihak.

Saya telah membahaskan perkara ini dalam perbahasan saya di sidang Dewan Negara pada bulan April tahun ini dengan menitikberatkan betapa bahayanya perkara ini sekiranya tidak dicari penyelesaiannya. Namun, pihak yang bertanggungjawab tidak menghiraukannya.

Saya masih ingat kata-kata Yang di-Pertua yang lepas, Tan Sri Abu Zahar Ujang yang mengatakan bahawa persidangan dalam Dewan ini adalah sangat penting. Pihak kerajaan, pegawai-pegawai daripada semua kementerian datang mengikut persidangan ini bersama supaya mereka boleh catat perkara-perkara penting yang diutarakan oleh Senator-Senator dalam Dewan ini supaya ia boleh dibawa balik ke jabatan atau kementerian mereka untuk diambil tindakan.

Akan tetapi malangnya, kebanyakan kementerian nampaknya tidak mengambil tindakan walaupun isu-isu penting seperti kemalangan yang melibatkan nyawa rakyat kita dan nyawa sesiapa pun. Jadi, selepas kejadian itu pada bulan Mac, satu penyiasatan telah dibuat oleh pihak RapidKL. Didapati bahawa masalah *Passenger Automated Gate System* adalah punca kenapa terjadinya kemalangan di mana penumpang jatuh di atas platform. *Actually*, jatuh di atas landasan yang ukurannya sedalam satu meter. Ada sedikit sejarah mengapa perkara ini masih tidak atau belum diselesaikan.

Saya difahamkan bahawa mulai tahun 2011, di mana dua gerabak dan empat gerabak mula digunakan secara berselisihan dalam satu hari. Ia sebenarnya memerlukan pengubahsuaian dilakukan pada pendawaian semula *sensor* dan penempatan PAGES iaitu *Passenger Automated Gate System* di dua tempat supaya *gate* automatik itu akan buka betul-betul bertentangan dengan pintu gerabak. Akan tetapi oleh kerana kerja-kerja menaik taraf tersebut tidak dilakukan, pintu PAGES itu dibiarkan terbuka secara kekal untuk memudahkan pengaliran penumpang yang naik dan turun dari *train* yang mempunyai dua atau empat gerabak.

Untuk menangani keadaan yang sangat bahaya ini, pihak RapidKL yang mengendalikan pengoperasian Monorel, demi menjaga keselamatan penumpang telah menambah, mengubahsuaikan SOP mereka dengan memasang CCTV dan juga menempatkan polis bantuan untuk membimbing OKU dan juga penumpang yang memerlukan di semua 11 stesen Monorel.

Akan tetapi telah terbukti ia tidak berkesan. Mengapa? Oleh sebab pada 12 November, berlaku satu lagi insiden di mana seorang OKU penglihatan bernama Hanafiah jatuh ke atas platform di Stesen KL Sentral. Kali ini beliau mengalami kecederaan yang sangat teruk dan masih dalam keadaan koma, terlantar di Hospital Kuala Lumpur. Ini bukan kali pertama yang melibatkan LRT, Monorel dan sistem pengangkutan rel yang canggih ini.

Saya difahamkan terdapat 13 insiden OKU jatuh di platform dalam beberapa tahun yang lalu. Saya juga difahamkan bahawa Prasarana dan RapidKL sendiri mengaku bahawa bukan sahaja OKU tetapi orang celik dan bukan OKU juga pernah jatuh ke atas platform. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) juga sedar dan mengetahuinya selama ini tetapi tidak mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah tersebut. Tuan Yang di-Pertua, dalam soal keselamatan ini kita tidak boleh bertolak-ansur langsung. Mahukah kita tunggu sampai perkara yang lebih teruk berlaku?

Tuan Yang di-Pertua, Bandarraya KL akan digelar *world class city* seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator sebelum saya, Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji

Hanafi. Mengapa pihak yang bertanggungjawab- pada perbahasan dahulu, saya tidak menyebut syarikat yang terlibat. Saya terpenggil untuk menyebut nama syarikat itu hari ini iaitu syarikat Scomi yang dipertanggungjawabkan, sehingga sekarang tidak melakukan pengubahsuaian yang patut dilakukan itu.

Jadi, saya hairan mengapa kerajaan memandang macam ia tidak penting. Saya ingin bertanya kepada kerajaan. Di bawah Bajet 2018, sebanyak RM3 bilion diperuntukkan bagi dana pembangunan pengangkutan untuk pembelian aset, antara lain termasuk rel. Tidak bolehkah sedikit peruntukan diambil dari RM3 bilion ini untuk memperbaiki kekurangan yang terdapat pada stesen Monorel?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan bajet mengenai azimat *Maqasid Syariah* yang mementingkan pemeliharaan lima aspek di dalam setiap dasar dan setiap perancangan kerajaan iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

■1740

Saya hendak tanya, dalam soal keselamatan pengangkutan awam, sudikah kita membelakangkan nyawa?

Sekarang beralih kepada satu lagi aspek iaitu keperluan kanak-kanak autisme. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah memberi sokongan yang baik terhadap perkembangan kanak-kanak autisme dengan menubuhkan dan membiayai Pusat Permata Kurnia yang sedang memberi perkhidmatan kepada kanak-kanak berumur empat hingga tujuh tahun sejak tahun 2015. Jadi, timbul tanda tanya, siapa akan menjaga kanak-kanak autisme dari umur tujuh hingga 18 tahun?

Mengikut sejarah perkembangan autisme dan juga persatuan-persatuan yang ditubuhkan untuk menjaga dan memberi perkhidmatan kepada kanak-kanak autisme, Persatuan Autisme Malaysia ataupun dalam Inggerisnya dipanggil *National Autistic Society Malaysia* (NASOM) telah memberi perkhidmatan selama 30 tahun bagi kanak-kanak autisme dengan tujuan membina suatu masyarakat yang inklusif di mana kanak-kanak dan orang dewasa...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Puan Bathmavathi Krishnan: ...Yang mengalami autisme boleh mencapai potensi yang tertinggi dan menyertai kehidupan dalam komuniti.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Puan Bathmavathi Krishnan: Lima minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Bathmavathi Krishnan: Ya. Jadi, sekarang ini mereka hanya menerima bantuan sedikit sahaja dari pihak JKM. Jadi, pihak NASOM amat mengharapkan dana dari bajet yang dibentangkan di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyebut tentang penubuhan sekolah-sekolah autisme. Saya harap dana akan diberi kepada NASOM untuk menguruskan sekolah-sekolah autisme bagi kanak-kanak yang berumur antara tujuh hingga 18 tahun.

Satu lagi perkara yang saya ingin mengutarakan adalah isu perumahan. Dalam Bajet 2018, dinyatakan bahawa 17,300 unit projek perumahan rakyat baru akan dibina. Walaupun kerajaan

memberi sokongan ataupun memberi subsidi dalam meringankan kos, meringankan beban rakyat kita membeli perumahan rakyat ini, didapati bahawa walaupun kosnya hanya RM35,000, mereka yang ingin membeli rumah PPR ini harus mengeluarkan wang deposit. Bagi ramai yang miskin tegar dan juga termasuk OKU, mereka tidak mampu membayar deposit ini.

Saya telah mencadangkan supaya satu dana pusingan ditubuhkan dalam perbahasan saya yang lalu. Yang Berhormat Timbalan Menteri KPKT telah memberi satu jawapan yang meyakinkan bahawa beliau akan bawa ini kepada pihak atasan untuk menubuhkan dana ini. Jadi saya hendak tanya, sama ada dana itu sudah ditubuhkan ataupun belum?

Saya juga ingin bertanya tentang pengecualian barangan-barangan keperluan OKU yang dikecualikan GST. Sehingga bulan Julai 2016, hanya 31 jenis barangan yang diberi pengecualian. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan juga Kementerian Kewangan, sehingga kini, berapa lagi jenis barangan yang telah dikecualikan GST?

Kepada Kementerian Sumber Manusia pula, saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah memperkenalkan Skim Latihan 1Malaysia (SL1M). Dalam Bajet 2018, dinyatakan bahawa yang akan ditambahkan kemudahan SL1M ini akan ditawarkan kepada 25,000 graduan-graduan dari universiti tempatan. Saya ingin memberitahu bahawa di antara graduan OKU yang keluar dari 20 IPTA dan juga dari IPT swasta, ramai antara mereka masih menganggur. Saya harap skim SL1M ini akan juga mengambil kira dan menawarkan skim latihan kepada mereka juga.

Akhir sekali, pembinaan 14 kompleks sukan baru di seluruh negara dengan kos RM112 juta. Saya dapat tahu atau pengetahuan umum, kita tahu bahawa pusat kecemerlangan sukan bagi OKU terletak di Kampung Pandan. Akan tetapi, atlet OKU datang dari seluruh negara. Jadi, kita tidak bolehlah harapkan mereka semua pergi ke Kampung Pandan datang dan menggunakan kemudahan di sana sahaja. Jadi, saya harap 14 kompleks sukan baru yang akan dibina di beberapa negeri di seluruh negara itu juga akan menyediakan kemudahan bagi atlet OKU juga menggunakan dan menyediakan diri mereka untuk menyertai sukan-sukan OKU di negara dan juga di antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Bajet 2018. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan yang banyak memperkatakan kepentingan orang OKU. Bagus dan terima kasih. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin. Dipersilakan.

5.47 ptg.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin: *Bismillahi Rahmani Rahim...* [Membaca sepotong doa] Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan saya ruang untuk turut sama berbahas dalam belanjawan yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri Malaysia pada bulan Oktober yang lepas.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas satu belanjawan yang dibentangkan yang disebut oleh

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai *mothers of all budget*. Kita semua mendengar dengan teliti belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Cuma, dalam pembahasan saya ini, ada beberapa perkara yang ingin saya tonjolkan dan menarik perhatian Dewan.

Pertamanya, kebetulan saya datang daripada negeri Selangor. Lebih daripada itu, datang daripada Parlimen Gombak. Saya tertarik bila Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor yang juga merupakan Ahli Parlimen Gombak telah membentangkan Belanjawan Negeri Selangor. Sebelum belanjawan beliau dibentangkan di Dewan Undangan Negeri, beliau telah menyatakan dengan jelas bahawasanya belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah sebagai dedak yang berterusan diberikan kepada rakyat, gula-gula yang terus diberikan kepada rakyat.

■1750

Dia lupa selepas itu dia akan membentangkan belanjawan. Saya membayangkan satu belanjawan yang mungkin lebih hebat akan dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor yang merupakan Ahli Parlimen Gombak. Akan tetapi ternyata Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ludah yang diludahkan ke langit bertepek atas muka dia sendiri.

Malahan segala bantuan rakyat yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan itu melalui Kerajaan Barisan Nasional ditiru dan diguna pakai dalam belanjawan negeri Selangor. Banyak skim baru yang diperkenalkan, diberikan terus kepada rakyat. Rupa-rupanya dalam Dewan Rakyat itu dia berkokok, menjerit-jerit tetapi di luar daripada Dewan, dia mengakui bahawasanya belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak itu adalah belanjawan yang bertepatan dengan cita rasa rakyat hari ini.

Oleh sebab rakyat memerlukan bantuan secara terus yang boleh membantu mereka mengurangkan kos sara hidup yang saya tidak nafikan agak tinggi sekarang ini. Saya juga hendak mengambil perhatian Ahli-ahli Dewan, pada 29 November yang lepas, beberapa hari yang lepas, Menteri Besar Selangor turun ke Gombak. Ada dua daripada Ahli Dewan Negara ini yang juga turut hadir di bumi Gombak. Saya anak Gombak, lahir di Gombak, membesar di Gombak, bersekolah di Gombak.

Orang yang menjadi moderator atau menjadi pengacara kepada program itu salah seorang ahli dalam Dewan Negara ini. Berdegar-degar dia bercakap. Saya tidak ada masa itu Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya ada, masa zaman saya Ketua Pemuda Bahagian dahulu, dia orang datang, dia buat ceramah sebelah sana, saya buat ceramah sebelah kanan. Serentak ceramah. Akan tetapi masa itu saya tidak ada dalam negara, saya tidak buat.

Akan tetapi saya ikuti Yang Berhormat Ahli Dewan Negara kita ini menjadi pengacara dan mengulas soal bajet yang dibentangkan dan juga kepayahan rakyat. Saya hendak tanya dalam Dewan Negara ini. Kebetulan Yang Berhormat itu tidak ada, lain-lain semua ada. Seorang sahaja ada, yang jadi pengacara tidak ada. Saya memang hendak tanya dia, dia ini dia lupa kah yang hari ini dia itu berjawatan sebagai Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor. *The Executive power* dalam negeri Selangor ini dia ada.

Dia boleh buat apa sahaja yang dia hendak, dia boleh umumkan apa sahaja yang dia hendak, dia boleh berikan apa sahaja bantuan yang dia hendak kepada rakyat dalam negeri Selangor. Akan tetapi satu pengumuman pun dia tidak umumkan, yang dia kata berulang-ulang kali rakyat susah, rakyat susah, rakyat tertindas. Kita ada RM4 bilion *reserve*. *Reserve* RM4 bilion simpanan hendak buat apa kalau tidak bagi rakyat. Bentang, bagi rakyat macam mana Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak buat...

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya?

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin: Nanti, saya baru *start*. Saya bagi laluan dengan Yang Berhormat. Saya sudah pancing untuk Yang Berhormat masuk. Saya akan bagi laluan, gerenti saya bagi.

Apa yang dia sibuk ialah soal *reserve* RM4 bilion, RM4 bilion, RM4 bilion. Kalau sudah ada RM4 bilion, bantu rakyat. Saya boleh terima kalau dahulu dia pembangkang. Kerja pembangkang, bangkang sahajalah macam ini. Bangkang, bangkang, bangkang tidak apa. Hari ini dia Menteri Besar, yang hendak bangkang lagi hendak bangkang siapa ini? Patut kita yang bangkang dia, kita yang memang terus mengatakan bagi kepada rakyat. Sila Yang Berhormat, *round* yang pertama.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin. Saya hendak tanya pasal Yang Berhormat dia sebut tadi bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor hanya bercakap sahaja. Kalau dahulu dia pembangkang tidak apa tetapi sekarang dia Menteri Besar dan punya kuasa Eksekutif. Bukankah pengumuman dalam Bajet Negeri Selangor ada 42 produk-produk yang diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk kebajikan rakyat di negeri Selangor. Terima kasih.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin: Saya mengakui maknanya Yang Berhormat awal tadi saya sudah beritahu sama juga belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Yang Berhormat Menteri Kewangan. Belanjawan ini ialah untuk duit yang untuk digunakan pada tahun 2018. Apabila dia kata kita bagi dedak, kita bagi gula-gula, saya membayangkan yang dia akan bagi perkara yang *beyond than that*, dengan izin. Benda yang satu luar daripada jangkaan kitalah Ahli-ahli Yang Berhormat ni luar, *something new*.

Akan tetapi akhirnya tidak. Betullah apa Yang Berhormat kata. Dia bentang dalam mana *at similar*. Dia ambil templat daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, akhirnya menggunakan cara pendekatan yang sama untuk bantu rakyat. Itu yang saya tidak nafi tetapi buat atau tidak saya tidak tahulah. Kita Kerajaan Barisan Nasional kata bagi BR1M, kita sudah bagi. Dia belum tahu lagi sebab benda itu belum dibuat.

Bagi bonus tiga bulan pun berdegar-degar rupanya dua bulan sudah bayar. Ini apa punya bonus Ahli-ahli Yang Berhormat? Bonus ini tahun 2018. Saya mengumumkan tiga bulan bonus tetapi dua bulan sudah bayar. Kena tipu orang Selangor.

Jadi, berbalik kepada kemampuan dia sebagai Menteri Besar. Dia pergi satu negeri Selangor, pergi Johor pula sekarang, pergi semua tempat. Tidak apa, yang lain itu saya tak nak sentuh sebab jawatan dia sebagai Timbalan Presiden Parti dia.

Akan tetapi di negeri Selangor, dia Menteri Besar Tuan Yang di-Pertua, Menteri Besar. Saya hendak mengulangi dan hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Haji Noh bin Omar, selaku Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Timbalan Menterinya ada di sini yang cantik manis Yang Berhormat Datuk Halimah binti Mohamed Sadique. Dua-dua dan Timbalan Menterinya- beratus juta sudah digunakan di negeri Selangor sahaja. Parlimen Gombak RM16 juta Yang Berhormat Tan Sri Haji Noh bin Omar membelanjakan, membaik pulih kawasan perumahan dalam Parlimen Gombak sendiri.

Kalau Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak tahu macam mana hendak guna duit yang RM4 bilion yang disebut ini, bagi saya. Saya ajar dia macam mana cara hendak gunakan peruntukan RM4 bilion *reserve* itu untuk bantu rakyat balik di negeri Selangor terutamanya di Parlimen Gombak. Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu permulaan.

Perkara yang kedua yang saya hendak sampaikan ialah ucapan tahniah kepada Menteri Belia dan Sukan Malaysia, Yang Berhormat Brig. Jen. Khairy Jamaluddin dan seluruh Timbalannya, MSN dan segala-galanya yang telah mencapai satu kejayaan yang paling cemerlang dalam Sukan SEA baru-baru ini dengan pencapaian 145 pingat emas dan yang lebih silat 10 pingat emas. Saya janji lapan, kita bagi 10 pingat. Ini memang luar biasa atlet-atlet silat kita dari sukan-sukan lain... [*Tepuk*] Renang, 20 pingat. Presidennya ada di sini Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, 20 Pingat Emas. Hebat Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim.

Akan tetapi yang lebih daripada itu ialah saya rasa pencapaian ini satu perkara kerana kita menyediakan satu perancangan latihan yang cukup sistematik tetapi lebih daripada itu Tuan Yang di-Pertua ialah kita berjaya mewujudkan perasaan *unity* yang cukup kuat di kalangan rakyat Malaysia. Dengan izin, *that is the best moment ever happened in this country*. Ia merentasi bangsa, agama, kaum kepercayaan politik, ideologi politik. Seluruh rakyat Malaysia bersatu menyokong atlet-atlet kita.

■1800

Inilah saya hendak ambil peluang ini hendak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Brig. Jen. Khairy Jamaluddin, Timbalannya dan seluruh yang terlibat. Persatuan-persatuan sukan kebangsaan kerana telah membawa Malaysia kepada satu tahap yang lebih baik dan pastinya tidak ketinggalan kepada *our sport fans number one* yakni Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak sebab tidak pernah menyekat soal pembangunan sukan dalam negara ini.

Perkara kedua dengan masa yang terhad ini, saya hendak menunjukan kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Pertamanya, saya hendak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Tan Sri Noh Omar dan Timbalannya, Datuk Halimah kerana telah membuat satu program TP1M atau Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia. Jadi persoalannya ialah pada tahun 2018 ini nanti, adakah TP1M ini akan terus dilaksanakan dan kalau pun ianya dilaksanakan, adakah ia dilaksanakan mengikut cara pelaksanaan yang sedia ada ini kerana TP1M ini saya lihat Tuan Yang di-Pertua, ianya banyak boleh menyelesaikan masalah rakyat terutamanya di perumahan-perumahan kos rendah.

Berbalik kepada apa yang saya sebut tadi, macam di Parlimen Gombak, kita ada banyak perumahan-perumahan kos rendah ini yang bumbungnya tercabut, minta maaf cakaplah sampai satu tempat saya bawa Yang Berhormat Tan Sri Haji Noh turun, najisnya dah sampai ke kawasan perumahan di seluruh lantai tingkat satu itu, habis. Saya buat di Taman Samudera, ini bukan cerita dongeng, ini cerita benar. Najis itu dah sampai *ground floor*, habis, tingkat satu habis pembetungannya. Ini kawasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang ada RM4 bilion tadi ini, najis dah sampai ke rumah. Akhirnya Tan Sri Haji Noh datang terus bantuan segera diluluskan dan akhirnya hari ini *alhamdulillah* selesai masalah pembetulan itu. Jadi, TP1M ini saya lihat boleh membantu supaya rakyat boleh dapat kehidupan yang lebih selesa. Jadi inilah saya hendak tanya, bagaimana pelaksanaan ini akan dibuat pada tahun 2018 nanti.

Keduanya ialah soal projek perumahan rakyat ini. Projek perumahan rakyat ini, bagaimana ianya dilaksanakan? Bagaimana ianya dilaksanakan dan bagaimana cara bila ia dah buat nanti, adakah rumah rakyat ini akan diserahkan kepada kerajaan negeri dan bagaimana nanti dari segi pengurusannya? Adakah Kerajaan Pusat melalui KPKT masih lagi mempunyai kuasa untuk mengurus dan menyelesaikan masalah-masalah rumah PPR ini?

Ada juga saya hendak mencadangkan, hendak bertanya soal perumahan belia. Yang ini penting sebab kita tidak boleh nafikan rumah ini adalah perkara yang cukup penting terutamanya kepada golongan-golongan belia yang baru mendirikan rumah tangga. Jadi bagaimanakah mereka ini layak kerana kita ini tak nak, tadi pun saya dengar kakanda saya Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas ada menyebutkan dalam perbahasan beliau yang mana ada rumah-rumah yang sampai enam, tujuh orang duduk.

Saya fikir kalau enam, tujuh orang duduk ini baru kahwin, saya tidak boleh membayangkan bilakah mereka akan menimang anak yang pertama. Kalau saya dulu, saya ingat sampai bila-bila pun tidak ada anak pertama sebab takut malam dengar suasananya lain macam, menyeramkan di rumah itu. Jadi ini penting supaya mereka boleh ada rumah mereka sendiri untuk mereka melayari bahtera sebagai pasangan muda yang baru berkahwin. Kita kena akui dengan keadaan semasa ini penting untuk kita sediakan rumah dan mereka tidak bolehlah mampu untuk terus beli rumah yang mahal seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Abbas.

Perkara yang keempat ialah juga pada KPKT ini, soal tanah-tanah yang hendak digunakan oleh Kerajaan Persekutuan di kerajaan negeri untuk kegunaan seperti macam bomba ini Tuan Yang di-Pertua. Bomba, saya ada terdengar, ada tempat-tempat yang mana digazetkan untuk bomba. Premiumnya dikenakan lebih mahal daripada harga projek. Jadi dah kalau kerajaan negeri begitu tamak sekali, dah sampai tak mengambil kira soal kemanusiaan, tempat itu bukan hendak dibina projek, hendak dibina tempat bomba supaya kalau berlaku kebakaran, bolehlah pihak bomba pergi dengan segera, dikenakan premium yang cukup tinggi melebihi harga projek.

Tidak bolehkah tanah-tanah yang dikenal pasti ini, Kerajaan Persekutuan boleh mula memikirkan khususnya bawah kementerian KPKT, bagaimana boleh dimasukkan dalam mungkin Akta Kanun Tanah Negara ke supaya kerajaan negeri tidak ada kuasa untuk hendak menetapkan kadar premium mengikut sesuka hati tanpa mengambil kira kepentingan masyarakat setempat.

Yang ini pada saya, saya mohon nanti dalam penjelasan dan penggulungan Yang Berhormat Menteri untuk mendapat penjelasan.

Kepada Kementerian Pengangkutan, yang ini pun kita hendak bertanya sedikit kerana ini suara yang ada. Saya *fair* Tuan Yang di-Pertua, yang tidak betul di peringkat negeri Selangor pun kita tegur, yang ini di peringkat Kementerian Pengangkutan. Ramai anak-anak muda yang hendak mengambil lesen ini, saya difahamkan ada dikeluarkan satu Kurikulum Pendidikan Pemandu (KPP) bukunya. Bagus, satu cadangan yang baik, bagaimana kita hendak *educate* pemandu supaya pemanduan itu boleh lebih berhemah. Mereka kena melalui proses-proses *training* yang lain, tidak ada masalah, bagus supaya boleh melahirkan pemandu-pemandu baru ini dengan *ethic of driving*, dengan izin, yang lebih baik.

Akan tetapi bila kita dah kenalkan skim-skim tertentu ini, pastikan bila kita hendak laksanakan ianya mestilah kita berada dalam keadaan yang kita juga bersedia. Bermaksud, kalau dikatakan mesti dikeluarkan buku KPP ini, pastikan buku itu ada dalam simpanan. Ini bila orang hendak pergi, KPP tidak ada, bukunya tidak ada, tunggu dua minggu. Datang lagi orang, tidak ada stok, tiga minggu, datang lagi. Akhirnya dua bulan, tiga bulan. Bila ini berlaku, anak-anak muda ini bukan marah sangat dengan kita, kita tidak ada buat salah, ini semua pemimpin tidak ada buat salah pun.

Akhirnya kerana kegagalan di peringkat agensi melaksanakan peraturan yang mereka buat, kesalahan itu diletakkan di atas pundak kerajaan. Ini kegagalan kerajaan dan ini tidak adil untuk parti sebab bukan kesalahan yang dibuat oleh kita. Jadi sebab itulah saya hendak bertanya khususnya kepada Jabatan Pengangkutan Jalan, bagaimanakah masalah ini boleh diselesaikan, sebab lama Tuan Yang di-Pertua.

Dua minggu, tiga minggu, kadang-kadang dua bulan lajaknya dan akhirnya orang-orang tidak boleh hendak mengambil lesen memandu mereka disebabkan kegagalan pihak yang bertanggungjawab menyediakan buku seperti yang saya sebutkan tadi.

Perkara akhir yang ingin saya kongsi bersama ialah seperti rakan-rakan yang lain tadi, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain ialah soal Revolusi Industri 4.0 ini. Saya bersetuju, saya menerima dan saya memperakui bahawasanya hari ini kita berada dalam era global yang cukup hebat. Saya akui itu. Saya dengar tadi Ahli-ahli Yang Berhormat lain ada katakan soal dalam masa yang cukup terdekat ini nanti *human capital* ini dah tak perlu dah. Mungkin nanti ada satu masa Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara tidak bersidang macam ini lagi dah.

■1810

Masing-masing bersidang dari rumah masing-masing sahaja. Yang Berhormat Datuk Jamilah di Sarawak- eh di Sabah. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah di Shah Alam. Betul Tan Sri di Shah Alam ya? Takut salah sebut rumah [*Ketawa*] Datuk Ng di Kelantan. Kita akan bersidang melalui sidang media, *media conferencing*, *teleconference*. Berdebat-debatlah kita dekat rumah. Sekali tengah berdebat-debat macam ini, anak pun lalu dengan *pampers* kat belakang. "Eh tepi, tepi. Tengah bersidang ini."

Oleh sebab itu mungkin berlaku. Bentara dah tak ada kerja, dah tak perlu bentara sebab semuanya menggunakan dunia teknologi baru. Satu ialah, apa persediaan kita untuk mengatasi

perkara itu daripada berlaku? Yang lain saya dah sebut tadi, saya tak nak ulas. Cuma kerisauan saya yang paling risau Tuan Yang di-Pertua ialah kita akan melahirkan generasi yang tidak akan mempunyai emosi.

Bila semuanya dibuat melalui teknologi, *the next generation*, dengan izin, *will be a generation without emotions*. Oleh sebab sehinggakan nak memandu, saya kena akui, saya sendiri sekarang dari Parlimen nak balik rumah saya di Taman Melawati, saya akan bagi tahu pemandu saya, masuk *Waze*. Kita dah tak guna lagi akal kita, semuanya ini akan ditentukan... [*Menunjukkan sebuah smartphone*] Ia akan ditentukan di mana ia akan pandu kita dan di jalan mana kita kena ikut dan pukul berapa kita sampai. Bila semuanya seperti kata kanda saya, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Suhaimi tadi. Bila semuanya ditentukan melalui teknologi, maka generasi yang akan lahir ini adalah generasi yang dah tak ada perasaan dah. *Everything* ditentukan melalui teknologi.

Jadi, perasaan kasih sayang dah tak akan timbul, hubungan kemanusiaan dah tak akan berlaku. Apa yang saya hendak sebut, saya mungkin tak akan memikir apa perasaan lagi Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah. Oleh sebab pada saya, *it's all about me*, dengan izin. Apakah persediaan kita? Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, *I was once* juga sebagai anak muda. Tuan Yang di-Pertua sendiri apatah lagi jauh lebih lama makan garam daripada saya. Zaman saya muda, saya nak bercakap benda yang kasar sikit dengan orang tua, saya tak berani.

Akan tetapi hari ini, cuba lihat dalam media sosial ini. Anak-anak muda yang kita tanggung dia belajar, yang kita bagi biasiswa, yang kita bagi segala-galanya, dia boleh naik atas pentas, dia boleh maki pemimpin. Maki dengan langsung tak ada perasaan kasih sayang, dah tak ada. Bayangkan bila Revolusi Industri 4.0 ini akan mengambil tempat sepenuhnya. Masa itu, perasaan kasih sayang kepada keluarga dah tak ada, rasa penghormatan kepada ibu dan bapa tak ada, kepada keluarga sendiri, tak ada. Apatah lagi kepada pemimpin.

Jadi, yang inilah saya minta supaya kita di peringkat kerajaan mesti memikirkkan apakah jalan keluar? Dalam masa yang sama, kita menerima kehadiran revolusi ini tetapi *we must be prepared at the same time*, dengan izin. Ini supaya pembangunan modal insan ini akan dapat berjalan sealiran. *Otherwise*, percayalah Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, generasi yang akan datang selepas ini adalah generasi yang tidak akan lagi memikirkkan soal kepentingan atau perasaan orang lain. Hanya memikirkkan soal perasaan dan cita rasa mereka sahaja.

Jadi, dengan kata-kata itu, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak yang telah membentangkan satu belanjawan yang amat menepati dengan harapan jua bahawasanya dapat kita fikirkan bagaimana kos sara hidup ini yang kita mesti akui juga mengganggu sedikit kehidupan rakyat untuk diberikan. Saya yakin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebut dalam Dewan Rakyat semasa pembentangan, dia mengakui. Di dalam Persidangan UMNO baru-baru ini pun semua rata-rata perwakilan, pembahas menyatakan perkara yang sama tetapi lebih daripada itu, semua ini tidak dapat kita laksanakan.

Saya yakin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan tak boleh laksanakan kalau sekiranya negara ini berada dalam keadaan kucar dan kacir. Jadi, dengan kata-

kata itu, terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya dengan sepenuh hati menyokong Belanjawan 2018 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekian, *assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: *Waalaikummussalam*. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin. Saya dengar satu ucapan yang baik, teratur dan berbudi bahasa. Tegur yang betul, tegur yang baik untuk pembinaan negara dan juga pandai pula berbudi bahasa. Terima kasih kepada yang tua dan yang berbudi.

Di sini Yang Berhormat Datuk Haji Megat, kami Ahli Dewan Negara ini mengucapkan syabas dan tahniah dan berasa bangga kerana Yang Berhormat mewakili kami mengambil bahagian besar dalam Sukan SEA Games baru-baru ini. Tepuk tangan sikit... [*Tepuk*] Banyak saya tengok, saya perhati. Ada tiap-tiap hari itu. Wah, saya rasa bangga anak muda kita, Yang Berhormat Senator kita main peranan besar dalam menjayakan kita punya sukan. Termasuk juga Yang Berhormat kita, Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim. Ini kami rasa banggalah. Terus jalankan ya dan sebelum saya terlupa, sebagai seorang pemimpin yang berbudi bahasa, saya nak ucapkan ucapan tahniah kepada Senator-senator yang baru Mengangkat Sumpah tadi.

Pertama, saya nak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah, lantikan semula. Terima kasih. Yang Berhormat Dr. Nuing Jeluing, lantikan baru. Ada? Yang ketiga ialah Yang Berhormat Datuk Lim Pay Hen, lantikan baru. Tahniah dan syabas ya.

Sekarang saya pergi kepada seterusnya, saya minta pula Yang Berhormat Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah. Silakan. Selepas ini, *last* sekali *will be* kita punya Pengerusi ya.

6.17 ptg.

Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Yang Berhormat yang saya kasihi, Tuan Yang di-Pertua dan seterusnya Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, *assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan selamat petang. Selamat menghampiri Maghrib tak berapa minit lagi.

Yang Berhormat, sebelum saya menyampaikan ucapan ringkas saya, saya patut mengambil kesempatan mewakili sahabat-sahabat saya di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana baru-baru ini beliau telah dianugerahkan yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, satu anugerah iaitu Anugerah Tokoh Pendidik kepada Tuan Yang di-Pertua... [*Tepuk*]

Yang Berhormat, Anugerah Tokoh Pendidik ini kita lakukan semasa kita mengadakan Persidangan Mahasiswa Nasional (PEMANAS). Kita adakan secara besar-besaran sebelum menyambut Perhimpunan Agung UMNO, di mana telah kita mengambil kesempatan memilih beberapa tokoh tertentu. Salah seorang tokoh yang kita lantik dan kita terima untuk dianugerahkan adalah Datuk Seri Haji Abdul Halim sendiri. Memandangkan semenjak beliau muda hinggalah kurang muda pada hari ini, masih menjalankan tugas sebagai seorang pendidik. Pada hari ini, beliau terus mendidik kita sebagai Ahli-ahli Dewan Negara. Terima kasih- *alhamdulillah*.

Saya sewajarnya patut mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih, bahkan saya ingin merafak sembah menjunjung kasih atas perkenan Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong, atas perkenan Baginda melantik saya sebagai Senator bagi penggal kedua.

Saya juga ingin merakamkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana sudi memberi saya peluang sekali lagi untuk berkhidmat bagi penggal yang kedua. Saya sebenarnya pun tidak menyangka disambung sebab saya pun tak tahu. Saya dok ingat benda ini automatik, so saya pun tak mohon untuk disambung [*Ketawa*] Saya syok sendiri. Nasib baik saya terserempak dengan Datuk Seri Haji Abdul Halim, terserempak PM. Barulah dia terperanjat, dia kata sepatutnya *you* mengangkat sumpah sekali. Akan tetapi saya beritahu, minta maaf. Saya ini tak tahu, saya ini orang akademik, saya bukan orang politik. Ada *member* tuduh saya, *you* ini memang *confirm* orang akademik, lurus bendul [*Ketawa*]

■1820

Bagaimanapun *alhamdulillah* Yang Berhormat. Semasa saya menunggu surat pelantikan, memang saya merindui Yang Berhormat semua. Tiap-tiap malam saya ingat wajah-wajah yang manis dan *handsome*. *Alhamdulillah* pada hari ini kita dapat bertemu lagi dan kita syukur ke hadrat Allah- Allah telah memanjangkan umur dan memberi kesihatan kepada kita dan sudah pasti matlamatnya kita sebagai Ahli Dewan Negara, tanggungjawab kita, tugas kita untuk memastikan negara ini akan terus aman makmur, stabil dan harmonis. Kita pastikan bahawa anak, cucu, cicit kita dan generasi muda akan terus dapat hidup sama seperti kita dalam suasana yang cukup aman, suasana ekonomi yang cukup baik. Itu harapan kita apabila saya tegaskan peri pentingnya kita bersyukur ke hadrat Allah.

Akan tetapi jangan lupa tentang peranan kita sebagai pemimpin yang membimbing pelapis-pelapis untuk masa hadapan. Yang Berhormat sekalian, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah pun membentangkan bajet yang cukup hebat. Pada saya, saya cukup gembira berada bersama-sama mendengar bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Apatah lagi saya memikirkan suasana, keadaan politik pada hari ini.

Kita sebagai pemimpin patut memahami bahkan terus menghayati, melakukan apa yang patut kita lakukan untuk memastikan nasib anak-anak muda generasi akan datang terus terbelak kerana saya melihat selaras dengan tema khasnya, tema bajet itu iaitu, "Memakmurkan Ekonomi-Inklusif Untuk Kesejahteraan Rakyat" dan saya hanya mengaitkan dalam suasana masa yang cukup terhad kerana ada Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin akan berucap selepas ini. Saya rasa kita kena *stop by 7pm* ya. Maghrib hendak sampai. Saya pun dok jeling-jeling berapa minit saya boleh bercakap, saya akan cuba mempercepatkan. Iaitu saya akan mengaitkan dua aspek yang cukup relevan, yang juga telah disentuh oleh sahabat-sahabat saya tadi iaitu petunjang nombor lapan- mengimbang *par excellence* duniawi dan *par excellence* ukhrawi dan juga petunjang nombor dua- demi mensejahterakan kehidupan rakyat menuju TN50.

Yang Berhormat sekalian, seperti yang kita biasa dengar, negara kita pada hari ini realitinya, walaupun persepsi yang dilemparkan adalah begitu negatif, realitinya suka ataupun tidak suka, saya seorang akademik, saya membaca banyak buku. BA saya dalam ekonomi, PhD saya dalam politik dan kerajaan. Ini bidang saya.

Realitinya ekonomi negara kita diiktiraf di seluruh dunia sebagai satu negara yang mempunyai ekonomi yang cukup baik, itu realiti. Ini jangan dipersoalkan kerana mana-mana buku yang kita baca, mereka selalu menekankan betapa hebatnya negara Malaysia ini, walaupun sebuah negara yang begitu kecil, begitu kerdil, yang mempunyai berbagai kaum dan berbagai agama. Akan tetapi kita berupaya untuk mengorak langkah selepas kemerdekaan, membawa negara kita ke tahap yang cukup-cukup baik. Bahkan lebih baik daripada kebanyakan negara-negara dalam dunia ini. Bahkan kita diiktiraf untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita diiktiraf setaraf negara-negara maju. Itu realiti.

Iaitu kalau orang ingin mempersoalkan negara kita ini bankrap lah, itu dan ini, itu merupakan suatu tohmahan yang tidak *real* iaitu di peringkat antarabangsa, kita membaca buku, mereka akan *quote*, *Malaysia is the very prosperous country*. Itu *very common*. Mana buku yang saya baca ditulis oleh Orang Putih, mereka akan mengatakan, *Malaysia is a very modern, sophisticated, prosperous, that are the common words*. Realiti di dalam negara juga kita lihat ekonomi kita terbaik. Walaupun dengan berbagai-bagai tohmahan, realitinya, hakikatnya kita terbaik, tapi kalau orang yang mempunyai sikap negatif, apa saja yang dilakukan oleh pihak kerajaan, semuanya tidak baik. Mereka merupakan kumpulan yang tidak menerima hakikat bahkan tidak bersyukur.

Saya mulakan demikian kerana saya hendak mengaitkan dengan petunjang nombor lapan iaitu apabila Perdana Menteri menekankan tentang peri pentingnya kita mengimbang *par excellence* duniawi dengan *par excellence* ukhrawi.

Tadi Yang Berhormat Senator Datuk Megat menyatakan tentang kebimbangan apabila kita menyampai ke IR4.0 dengan menggunakan teknologi-teknologi yang cukup canggih di mana dalam suasana ini hilanglah nilai-nilai yang patut kita amalkan sebagai manusia. Di mana keadaan yang akan berlaku, di mana berlakunya satu konsep yang dibincangkan oleh pakar-pakar sosiologi, kita mengatakan iaitu keadaan di mana berlakunya ketidakseimbangan antara pembangunan duniawi ataupun pembangunan kebendaan dengan pembangunan bukan kebendaan. Itu yang dimaksudkan di sini dengan berlakunya *prosperity*, kesenangan hidup dan kemewahan.

Maka di sebaliknya pula tidak seimbang dengan aspek-aspek nilai, akhlak, moral dan berbagai-bagai lagi termasuklah tidak menghormati orang-orang tua, tidak menghormati pemimpin, tidak ada sifat patriotisme, tidak ada sifat jati diri, tidak ada langsung sifat-sifat menghormati akhlak-akhlak yang murni yang selama ini pihak kerajaan amat menekankan bahkan pihak kerajaan semenjak murid-murid, anak-anak kita di sekolah tadika sekalipun sampai ke universiti, kita diwajibkan untuk mengambil mata pelajaran-mata pelajaran tertentu supaya dapat kita jadikan rakyat Malaysia ini sebagai satu rakyat yang berbudi bahasa, berakhlak mulia, mempunyai sifat-sifat yang syumul, holistik dan berbagai-bagai lagi.

Akan tetapi ini tidak berlaku. Kenapa? Bukan saja disebabkan masalah teknologi, saya hendak mengaitkan peranan kita. Sebagai pemimpin-pemimpin pada hari ini saya perhatikan, saya rasa kecewa, baru-baru ini pun, sebelum ini pun semasa bajet, apabila Perdana Menteri membentangkan bajet, mereka boleh bising, menjerit, dia *walk out* dari Dewan. Ini apa perangai? Mereka tidak sedar mereka diperhatikan oleh anak-anak muda. Mereka menunjukkan ciri-ciri yang cukup-cukup biadab dan kurang ajar tetapi mereka hendak mengharap anak-anak muda ini

menjadi pemimpin TN50. Apakah ini nilai-nilai yang hendak kita ajarkan kepada anak-anak kita? Kita menganggap diri kita pemimpin tetapi kita tidak ada sifat-sifat kepimpinan yang baik, yang patut kita tunjukkan kepada anak-anak.

Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat sahabat saya tadi, yang berlaku pada hari ini begitu berleluasa, mencaci pemimpin, mem-*viral*-kan benda-benda yang tidak patut yang dikatakan sekarang mereka ini sebagai satu *serial compulsive liars*- satu pembohong bersiri yang tegar walaupun telah diambil tindakan oleh mahkamah, masih membuat lagi pembohongan dan fitnah *after* fitnah tanpa serik, tanpa berbalik kepada ajaran agama Islam. Perbuatan itu adalah tidak diredai oleh Allah sama sekali.

Akan tetapi demi ideologi politik, demi kepercayaan politik yang cukup taksab, mereka mengetepikan aspek-aspek agama dalam kehidupan yang akhirnya anak-anak kita akan terpengaruh. Iaitu saya hendak menekankan di sini, saya merasa risau apabila melihat generasi TN50, apakah generasi ini akan menjadi manusia yang sebenarnya? Ini tidak termasuk banyak aspek-aspek negatif anak-anak muda pada hari ini terlibat dengan cukup banyak perkara-perkara yang tidak bermoral. Dengan masalah LGBT-nya, dengan masalah liberal, pluralnya, dengan masalah *atheis*nya, dengan masalah murtadnya, dengan masalah homoseksualitinya.

■1830

Akan tetapi yang peliknya, masalah-masalah ini dipandang remeh, bahkan di sokong. Terdapat pula pemimpin-pemimpin yang menyokong perkara-perkara ini seolah-olah tidak salah. Jadi, bagaimana kita nak membimbing anak-anak muda kalau kita sendiri yang tidak mempunyai prinsip dalam hidup kita, prinsip kita, semata-mata untuk memperjuangkan parti politik? Walaupun kita tahu parti politik itu tidak menjalankan tugas sebagai parti politik yang bermaruah.

Maka, ini yang saya rasa Tuan Yang di-Pertua, yang merisaukan saya. Bahkan, adakala saya risau juga dari segi akhlak dan budi bahasa sopan santun ini banyak kurang. Kalau kita contohnya, kita pergi bank lah. Ini pengalaman saya, saya duduk di luar negara lama. Kita pergi bank contoh, Yang Berhormat tidak percaya, tengoklah. Pergi bank, kita nak keluarkan duit daripada bank. Sepatutnya *counter girl* di situ berterima kasih dengan kita, kata kita ada *business* dengan bank. Pernah ke kaunter-kaunter senyum atau bagi terima kasih dekat kita? Begitu juga kita pergi *supermarket*. Bila kita pergi kedai dia beli barang dia, pernah ke dia bagi *thank you* dekat kita dengan senyuman? Begitu juga kita pergi klinik, pernah kah gadis-gadis itu walaupun pakai tudung, senyum dengan kita?

Saya pernah pergi bawa emak saya pergi klinik, dia panggil, "Rahimah masuk". Tidak ada perkataan "Puan", "Mr." or "Mrs." Di luar negara, kalau Yang Berhormat pergi bank, saya pernah pergi bank, saya nak keluarkan duit. *Counter girl* itu *is a beautiful girl*, daripada jauh sudah senyum dekat saya, Tuan Yang di-Pertua. Sampai saja, "Good morning Sir, can I help you Sir?" Dengan senyuman- sebab misai saya, dikatakan macam itu. Saya pun sebenarnya memang saya syok sendiri bila dia senyum dekat saya, saya rasa memang *this girl* memang sudah syok kan saya. Saya memang sudah senang hati sudah. Memang dia syok misai saya, saya tahu. So, lepas dia bagi duit, dia kata, "Thank you Sir, have a nice day Sir" Dengan senyuman. Kita memang terpicat.

Di sini, adakah mereka mempunyai sifat-sifat itu? *Politeness* tidak ada. Pergi kaunter bank kah, pergi *supermarket* kah, tidak ada. Bahkan, pernah saya ditangkap oleh polis kerana *speeding*. Polis tahan saya, saya cuba nak *argue*, “*Good morning Sir, can I have your license Sir.*” Dia panggil saya “*Sir*” Saya nak *argue*, “*Sir, you have to drive carefully Sir, because you have four childrens in your car. Look after their life.*” “*Sir, this is your ticker Sir, have a nice day Sir.*” “*Goodbye Sir, drive carefully.*”

Puasa yang lepas saya ditahan oleh polis, saya ada program di UTM Jalan Gurney. So, *driver* saya ada buat silap sikit, kecil sebab saya nak buka puasa kan, kita takut terlambat, saya ada program. So, masa dia tengah marah *driver* saya, dia punya maki *driver* saya. Koperal saja, saya pun turun kereta nak betulkan kain songket. Saya bukan nak bercakap dengan dia, *you deal* dengan *driver* lah, saya betulkan kain songket. Saya kata Koperal boleh tolong saya tidak, saya nak buka puasa ini dekat ini UTM, sebelah saja. Kemudian saya nak minta *driver* datang sini serahkan dia punya lesen balik. Ditengkingnya saya, ditengkingnya saya, “*Saya tidak kisah siapa awak.*” Padahal kereta kita adalah *crest* Parlimen, hormatlah sikit. Bukan silap apa benda pun, saya bukan rasuah, saya bukan bunuh orang. Saya *appeal*, boleh tidak hantar saya dulu sebelah ini saja, lepas itu *driver* saya datang balik. Dia tengking, di *warning* nya saya. “*Awak jaga sikit, malam ini saya nak buat press conference, saya nak tangkap awak kerana awak menipu.*” “*Eh..*” Saya kata, “*Aku bagi penumbuk Koperal ni kang.*”

Budi bahasa- *a young boy*, mana budi bahasa dia? Polis di US itu panggil saya *Sir*, saya *argued* dengan dia, tidak marah. “*Sir, this is your ticket Sir, have a nice day Sir.*” Di sini tidak panggil kita “*Sir*”, dia maki kita. Dia sudah tengok saya orang yang berumur, ada *crest* sikit, budi bahasalah sikit. Pergi tengking saya macam perompak kenapa?

So, saya bagi contoh ini polis, contoh- saya bagi. Contoh, bukan semua. Ini menyebabkan saya risau, orang yang sudah lama hidup, saya risau sebab memikirkan kalau inilah saya nak melihat TN50, *Allahuakbar*. Saya tidak nampaklah. Kalau kita sendiri tidak melatih rakyat kita di peringkat bawah, saya kata di *supermarket*, di bank, di klinik. Di klinik, apa salah panggil “*Encik Ibrahim*” kah, ataupun “*Puan Rahimah*”, apa salah?

Di US, “*Mr. Shah*”, “*Mrs. Rahimah*”, *they always addressed you*. Di sini, *no!* “*Rahimah masuk*” Di bank tidak senyum. Macam kita nak merompak bank dia. Kita bagi dia duit. Mana budaya nilai akhlak kita, mana dia? Tidak ada. Mana silapnya?

Saya rasa silapnya kita tidak mengajar anak-anak kita. Kita sebagai pemimpin dalam Parlimen menunjukkan sifat kurang ajar, menjerit macam buruk, melompat macam buruk, tidak menghormati pemimpin, tidak ada semangat patriotisme, tidak ada semangat sayangkan negara, semata-mata mempertekankan tentang kepentingan politik. Orang pun berpolitik juga, Amerika politik juga tapi *American* mempunyai sifat patriotisme yang cukup tinggi. Mengapa kita tidak?

Saya sendiri ada terkilan, saya nak sentuh sikit. Baru-baru ini apabila saya sentuh, memegang buku dalam Dewan yang mulia ini, saya hanya nak menyatakan supaya kita sedar, balik ke pangkal jalan. Tiba-tiba selepas itu *diviralkan*. Malangnya, beliau tidak ada di depan saya, memang saya nak cakap depan dia. Dia kutuk saya secara *personal*, cukup menghina. Dia kata,

"Intellectually incapable professor." Saya hanya bercakap menggunakan buku, saya bagi contoh buku. Makna, kalau salah apa buku ini cakap, bawa *court*, haramkan buku ini. *That's all*.

Saya hanya memberikan fakta. Tujuan saya hanya nak beritahu fakta supaya sahabat-sahabat saya, tidak kira apa parti, kita balik ke pangkal jalan, itu saja. Politik, politik tidak kisah. Akan tetapi saya orang akademik, saya memberikan fakta tetapi dia hentam. Saya masih simpan dia keji saya, profesor bodoh dan berbagai-bagai. Saya tidak jawab kasar, saya cuma kata kalau betul, tolong *check* balik buku-buku ini, itu saja. Saya tidak lawan tapi kalau sakit hati, *you* tuduh saya profesor bodoh, *you* buka CV saya, *what level I've reached- the highest level*. Buka CV *you*. Dia pernah bekerja sebagai *lecturer* tapi sampai *la* tidak naik pangkat pun, itu sebab dia keluar. *I'm mean, I'm sorry to have say this*, janganlah cakap macam itu. Orang semua baca, saya pun ada maruah. Tidakkah dia *expect* saya melawan *balik*, *I'm not that type of person*. Walaupun saya misai macam ini, saya tidak suka bertumbuk dengan orang. Kena ada budi bahasa. Apa salah cakap dengan baik? Ini yang saya bimbang.

Saya kaitkan contoh saya sendiri kerana saya tidak menyangka benda itu boleh berlaku. Kita cakap dengan baik dengan menggunakan buku, betul tidak betul, terpulang. Tidak terima, tidak apa. Akan tetapi jangan buat lagu itu- *this is not right*. Oleh kerana kita ini pemimpin, kita melatih anak-anak kita, TN50 generasi, *to be a good citizen of the country*. Kita melatih mereka menjadi pemimpin. Supaya mereka dapat bekerjasama dengan semua kaum di negara ini, dapat sepakat, duduk sama-sama membangunkan ekonomi, memastikan kestabilan negara kita. Memastikan anak, cucu, cicit kita dapat hidup sempurna. Itu saja matlamat kita.

Akan tetapi kalau kita sebagai pemimpin tidak mempunyai nilai akhlak yang sesuai, yang sentiasa nak bergaduh, fitnah, mencucuk, menghentam, sampai bila? Cukup-cukuplah, *enough is enough, this is Malaysia*. Ini negara Malaysia, negara yang Allah bagi, saya rasa satu nikmat yang tidak dinikmati oleh negara-negara lain.

Saya sudah menjelajah kebanyakan negara dalam dunia, Yang Berhormat. Saya bersyukur saya jadi rakyat Malaysia, bersyukur ke hadrat Allah. Kalau adapun masalah di kalangan pemimpin, tidak ada sebab kita nak membunuh sesama sendiri. Kita sama-sama pakat, tidak kira apa parti, kita betulkan sama-sama. *We work together ya, develop our nation. This is our country*, kita tidak ada negara lain melainkan Malaysia ini.

Maka Tuan Yang di-Pertua, masa sudah dekat sangat. Saya bercakap demikian kerana saya ingin melihat secara ikhlas bahawa TN50, *30 years from now*, budak-budak ini akan menjadi pemimpin. *They are going to be Prime Minister, Chief Minister, professors, PTD officers, they are* pemimpin.

■1840

Akan tetapi, saya nak mereka menjadi pemimpin yang berakhlak mulia, yang bernilai mulia, yang mempunyai semangat sayangkan negara Malaysia ini, yang mempunyai semangat bersatu padu. Kita rakyat Malaysia tidak kira apa kaum, *we must be united*. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, buku yang saya baca, kebanyakan yang saya tunjuk itu, merupakan buku *research*.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Buku ini mengatakan bahawa...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tuan Yang di-Pertua, bagi seminit, saya *stoplah*. Saya faham, saya faham.

Buku ini mengatakan- *just a final word*, Tuan Yang di-Pertua. Kebanyakan buku-buku ini mengatakan *Malaysia is envied*, dicemburui oleh kebanyakan negara lain. Kita dicemburui. Kenapa dicemburui? Negara yang kecil boleh hidup senang. Negara berbagai-bagai kaum. Sepatutnya berbagai-bagai kaum ini, kita sepatutnya bergaduh setiap hari. Sepatutnya. Orang yang tidak berbagai-bagai kaum pun bergaduh setiap hari. Berbunuh-bunuhan. Akan tetapi kita tidak. Kita dicari jalan supaya hancur dan *last* sekali, kalau Yang Berhormat biasa buka dokumen *by the Edward Snowden*- ini saya hendak kait sebab masa tidak ada.

Edward Snowden mengatakan bahawa apa yang berlaku pada hari ini melalui ISIS, IS adalah satu bentuk *creation by Mossad Israel*. Ini selalu saya cakap setiap kali. Ini bukan kali pertama. Selalu saya cakap saya pegang buku tetapi hari ini saya tidak bawa buku sebab masa tidak ada. Maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, di peringkat global, ada satu bentuk *invisible hand*, kuasa yang hendak menjahanamkan negara Malaysia.

Bermula dengan *Arab Spring* menjatuhkan semua negara Arab, konon semua pemimpin negara itu diktatorlah, *authoritarian* lah, zalimlah, patut dibuang supaya adanya satu *spring*, musim bunga. Tidak ada musim bunga. Yang ada hanyalah musim gugur. Kanak-kanak mati di Lautan *Mediterranean*, isteri menjadi janda 301 hari. Suami dibunuh. Kita dengan kita berbunuh-bunuhan. Tidak ada *spring*.

Malaysia is one of the target. Ini dalam buku. Itu realiti kena faham. Kerana apa yang berlaku ada kaitan dengan Israel. *Malaysia is considered as a Muslim country and we are not an Arab country. We are Malaysia*. Ini kena faham. Buku ini juga menegaskan di Malaysia ini juga ada proksi. Proksi mewakili Israel dan kuasa-kuasa besar untuk menjatuhkan negara ini.

Apa yang saya hendak katakan- saya sudah cakap beberapa kali dah. Ini penggal kedua, saya cakap dengan lebih bersopan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat .

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Saya tidak naik suara. Saya pun tidak pegang buku. Kalau saya pegang buku, nanti ada orang kata Profesor bodoh pula *karang*. Jadi saya tidak pegang buku lagi sudah. Akan tetapi, saya tetap berterima kasih kepada sahabat saya, Yang Berhormat Mohan. *You are the best friend of mine. He's a good example. He's a good example. A good Malaysian*. Kita bergaduh macam mana, dia bersopan santun dia tinggi.

Akan tetapi, ada pula Yang Berhormat Melayu Islam sopan santun tidak tinggi. Itu yang pelik itu. Saya katakan- bukan semua orang jahat. Maksudnya kalau ada kesilapan, kita tolak ansurlah. Kita jangan bergaduh. Cakap dengan baik. Sebab, kita hendak melatih budak-budak muda ini jadi pemimpin berbagai-bagai kaum esok. Kita hendak lihat mereka bekerjasama antara kaum, mewujudkan negara Malaysia yang bersatu padu dan aman.

Maka dengan kata-kata itu, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana memberi peluang kepada saya. Dengan itu, saya menyokong bajet baru-baru ini. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput pula kita punya Presiden Majlis Senator Malaysia kita iaitu Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin. Dipersilakan.

6.44 ptg.

Dato' Sri Khairudin Samad: *Bismillahi Rahmani Rahim... [Membaca sepotong doa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon hari ini hendak berucap hendak ambil yang sesi lepas sikit. Sesi yang lepas saya *queue* hendak berbahas, selepas itu Tuan Yang di-Pertua sudah berhenti. Saya sebelum itu macam angsa, sakit tekak, tidak boleh nak bercakap. Hari boleh bercakap tidak boleh bercakap sebab kita balik awal. Jadi hari ini saya hendak sambung. Cuma, kita kena melangkaui Maghrib, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali, saya ingin merakamkan jutaan tahniah bagi pihak rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat Senator semua kepada Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Vigneswaran di atas penganugerahan PSM yang membawa gelaran Tan Sri pada hari Keputusan Yang di-Pertuan Agong yang lepas. Kami juga ingin merakamkan tahniah kepada Timbalan Yang di-Pertua kerana dianugerahkan tokoh pendidik oleh UiTM. Saya juga bagi pihak Majlis ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim yang juga dianugerahkan oleh UiTM baru-baru ini sewaktu bersara sementara.

Dalam kesempatan ini, saya ingin mengajak rakan-rakan kita yang beragama Islam untuk kita sedekahkan Al-Fatihah kepada Allahyarham Dato' Norahan yang telah pergi meninggalkan kita lebih awal, disayangi oleh Allah SWT. Kepada yang bukan Islam, kita bolehlah bertafakur sekejap sementara yang Islam sedekah Al-Fatihah.

[Ahli-ahli bangun bertafakur]

Terima kasih. Berkaitan dengan ini, saya ingin menyampaikan kepada rakan-rakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa kesedihan yang amat sangat terhadap Allahyarham Dato' Norahan dan ini akan berlaku kepada kita semua. Saya dukacita sikit sebab mungkin kerana *last* berucap, Menteri-Menteri pun sudah tidak ada. Sudah balik. Pegawai pun banyak sudah kurang. Saya hendak mengambil kesempatan di sini hendak memaklumkan, ini akan berlaku bukan sahaja kepada Ahli Dewan tetapi akan berlaku kepada menteri-menteri. Saya berkhidmat dengan menteri sebelum ini dan saya tahu. Masa bila kita berkuasa, kita akan dilindungi dan dijaga. Bila tidak berkuasa, orang tidak peduli. Termasuklah rakan-rakan kita di dalam Dewan ini.

Apa yang saya hendak nyatakan di sini ialah sewaktu hidupnya Allahyarham Dato' Norahan, beliau sakit. Sakit kanser. Sakit kanser dan terpaksa daripada Hospital Temerloh, saya dimaklumkan dan saya minta supaya dipindahkan ke Pusat Kanser Negara di Putrajaya. Akan tetapi, harus masuk ke Hospital Kuala Lumpur dahulu. Bila sampai di Hospital Kuala Lumpur, Hospital Putrajaya pula minta di-*recommend*-kan oleh HKL. Malang dan dukacitanya, HKL tidak mahu *recommend*. So, letaklah di Hospital Kuala Lumpur. Seorang Ahli Dewan Negara yang diletakkan di Hospital Kuala

Lumpur tetapi tidak dipedulikan. Dia ini diletakkan oleh sebab tidak ada katil biasa, dia diletak di lorong tempat orang berjalan.

Saya melapor kepada Kementerian Kesihatan dan minta Pejabat Timbalan Menteri membantu. Kita bantu. Kita bantu, bantu sampai akhirnya Allahyarham dipindahkan ke dalam bilik Wad VIP. Akan tetapi, hanya untuk satu malam. Sebab, ia dikosongkan oleh seorang doktor. Keesokannya harinya, beliau dikeluarkan balik sebab doktor itu hendak masuk balik. Doktor itu juga sakit, hendak masuk balik dalam hospital, beliau dikeluarkan.

■1850

Akhirnya beliau minta dipindahkan balik ke Temerloh. Ini berlaku kepada Ahli Yang Berhormat di kalangan kita, rakan-rakan kita. Ini akan berlaku kepada rakan-rakan semua. Percayalah.

Saya ada pengalaman dengan Menteri. Saya tahu apabila Menteri digugurkan, hendak keluar barang daripada bilik, daripada pejabat pun ada sekuriti. Untung bukan Nepal. Ada sekuriti tunggu supaya barang-barang kerajaan tidak boleh diambil. Itu selepas jadi Menteri, baru tidak dapat. Ingat, saya hendak pesan ini. Tetapi tidak ada Menteri pada petang ini. Saya hendak pesan, ini berlaku. Orang tidak akan hormat kita, kalau sudah selesai ini. Orang tidak hormat. Esok kita punya pencen pun- pasal itu saya ambil pendekatan terbaik dengan semua orang. Saya pengalaman di Pejabat Menteri pun lama, saya terbaik dengan semua orang, supaya kita tahu nanti kita tidak akan disisih. Ini penting.

Rakan-rakan yang saya hormati, *Allahyarham* meninggalkan kita. Saya pergi melawat dua tiga kali. Kebetulan beliau adalah Ketua Wanita kepada Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Mohamed Said, Timbalan Speaker. Jadi, yang sedihnya, kami berdua usahakan hendak masukkan ke dalam hospital, masuk hospital kanser pun masalah. Ini boleh berlaku kepada kita.

Kemudian, saya ingin menyatakan di sini bahawa sebagai Presiden kepada Majlis Senator, saya ingin mengalu-alukan kedatangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru, yang dilantik baru hari ini dan sebelum ini dan juga kepada mereka yang telah pun pencen dan teruslah berhubung dengan kita kerana kita akan masukkan mereka ini ke *group 'ex-Senator'*. Sudah tentulah kepada Yang Berhormat Prof. Emeritus, kami juga mengucapkan tahniah kerana dilantik semula.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini juga untuk menyatakan bahawa- sepatutnya tiada permohonan. Kalau permohonan ini, dia jadi terhegeh-hegeh, syok sendiri. Itu syok sendiri. Memang tidak ada permohonan, Tan Sri, tetapi sepatutnya- saya pun tidak faham. Sepatutnya Bahagian Kabinet yang *renew* sebab Tan Sri adalah lantikan Yang di-Pertuan Agong. Kalau lantikan negeri, itu ditentukan oleh negeri. Apabila dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, seharusnya- saya pun tidak tahu kenapa ini boleh berlaku. Bahagian Kabinet yang harus sambungkan apabila tamat penggal pertama. Bukan ada hendak kena mohon, tidak payah. Saya sendiri pun. Kalau kita hendak lobi, bolehlah. Lobi ini orang tidak nampak. Kita bisik-bisik, kita lobi, orang tidak nampak. Itu lain.

Kemudian, saya hendak mengambil kesempatan di sini juga hendak menegur. Yang ini saya hendak menegur. Menegur kerana saya diminta untuk memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Dengan hati yang sedih, saya hendak maklumkan bahawa sekarang bukan lagi kita berada dalam Dewan Sementara. Dewan Sementara kita ada *cameraman* yang pegang kamera TV

ini di belakang, di hadapan kita. Sekarang TV tergantung. Ini kamera tergantung dengan CCTV. Kalau mengantuk, dengan segala hormatnya, dipersilakan keluar. Tidur di luar, duduk dalam *lounge*. Ini termasuklah pegawai-pegawai kerajaan. Yang mana yang tidak ada- yang ada, okey, dengar. Terima kasih, ada Menteri masuk. Pegawai kerajaan yang ada juga, saya dimaklumkan bahawa TV *captured you* tengah tidur.

Misalan saya bangun berucap, keluarkan soalan dan sebagainya, TV itu ambil gambar saya supaya dia keluar di hadapan ini. Ambil gambar saya. Kamera ambil gambar hadapan. Kawan di belakang sana, kalau lena, pun ternampak. Minta maaf, ternampak. Jadi yang jadi masalah, kita *duk* cerita fasal rakyat, tengok kita ini macam kera *duk* bising dalam Dewan, tetapi rakyat juga tengok kita sedang tidur dalam Dewan dapat gaji buta. Itu, Tan Sri. Jadi boleh bagi kerjasama, kalau mengantuk, dengan segala hormatnya, termasuklah pegawai-pegawai kerajaan, keluar di luar, pergi tidur sekejap. Pergilah lepapkan mata lima minit atau 10 minit, lepas itu masuk balik. Tidak ada masalah.

Ini saya kena maklumkan kerana saya diminta bukan sahaja oleh pegawai ataupun bos kita dan sebagainya, tetapi termasuklah RTM minta supaya saya nyatakan. So, saya kena nyatakanlah. Minta maaf kepada yang tidak berkenaan di hati, tetapi ini ialah fakta supaya kita juga tidak dilihat berada dalam Zoo Negara, kita juga tidak dilihat sedang bercuti di tepi pantai sedang tidur. Jadi, dia zoo satu, tepi pantai satu. Jadi, kita kena ingat.

Kemudian, saya hendak menyatakan lagi satu, saya minta kerjasama daripada- Jabatan Pendaftaran Negara pun tidak apa kalau boleh. Jabatan Pendaftaran Negara atau sesiapa sahaja yang boleh buat Kad Ahli Parlimen kita ini, buat dengan boleh diiktiraf oleh pihak polis atau apa badan-badan yang berkuasa boleh iktiraf Kad Ahli Parlimen ini. Sebab, Kad Ahli Parlimen kita ini, seperti kita ini jadi sekuriti Nepal, orang tidak peduli pun. Percayalah.

Tahun sudah, Yang Berhormat Dato' Shahanim beritahu saya beliau menghadapi masalah di *airport*. Tahun ini saya pula yang ada masalah. Apabila saya hendak menghantar Tan Sri Ali Rustam hendak pergi Makkah, kemudian saya diminta untuk datang berjumpa sebab saya ini jaga kewangan PESAKA. Yang Berhormat Datuk Megat Setiausaha Agung, saya Bendahari Agung. Jadi saya jaga harta. Hendak jaga harta ini, bila Presiden hendak pergi buat haji, dia minta tolong saya untuk berada di Bilik VIP.

Sewaktu saya berjalan ke Bilik VIP, saya minta supaya diambulkan pas untuk saya masuk. Kata pegawai Tan Sri Ali Rustam, "*Tak payah. Nanti Dato' Sri datang, Dato' Sri beri Kad Ahli Parlimen, boleh masuk bilik VIP.*" Saya pun waktu sampai di KLIA itu, saya beri kad kepada adik untuk tolong ambulkan pas sebab saya hendak pergi ke tandas sekejap. Bila saya keluar, polis bantuan ini- polis bantuan ini taraf dia sedikit tinggi daripada Nepal... [*Dewan ketawa*] Sedikit tinggi. Polis bantuan sedikit tinggi sahaja daripada sekuriti Nepal, tetapi bawah daripada polis yang tahan Tan Sri tadi. Saya hendak beritahu, polis ini, polis bantuan ini, dia tolak Kad Ahli Parlimen ini. Dia kata dia tidak *recognize*, dia tidak iktiraf kad kita, Kad Ahli Parlimen ini. So, adik tanya dia macam mana, sebab Dato' Sri ada di tandas. Dia kata, "*Ini kad pengenalan, ambil you punya pas. Untuk Dato' Sri, beri kepada saya lesen.*" Lesen adik dan kad pengenalan adik diambil, diberi dua pas.

Cuba kita bayangkan, katakanlah penceroboh datang bagi dan boleh masuk. Dua kad satu orang boleh masuk, sesiapa pun. Kad Ahli Parlimen ini tidak boleh. Cuba kita bayangkan. Jadi, bayangkanlah, untuk apa kita ini diberikan kad ini? Pergi hospital orang tidak layan, masuk *airport* orang tidak layan. Untuk apa?

So, saya minta supaya kad ini diberi kad yang ada sekuriti dan boleh diiktiraf, baik kita sedang berkhidmat atau kita sudah pencen, yang kita boleh guna untuk kalau kita tidak ada kad pengenalan, tidak bawa kad pengenalan, ini boleh diiktiraf. Ini baru betul. Ini lesen yang plastik dia boleh terima. Kad kita ini bukan sebarang orang boleh dapat. Yang pencen 60 orang di Dewan ini. Yang pencen, 60 orang. Yang sedang berkhidmat, tidak sampai 70 orang. Ada 64 orang, sekarang 66 orang- 64 orang. Enam puluh empat orang dengan 70 orang, 130 orang lebih sahaja.

■1900

Apa yang menjadi masalah hendak bagi 134 kad yang boleh diiktiraf. Ini saya tidak tahulah pihak Parlimen kena buat sesuatu. Saya bercakap ini sebab saya hendak bantu juga rakan-rakan kita yang sedang berkhidmat di dalam Parlimen. Saya hendak minta supaya kerajaan mempertimbangkan. Ini kita pernah minta dulu, mempertimbangkan supaya bajet untuk Parlimen diberikan kepada Parlimen, tidak lagi di Jabatan Perdana Menteri. Ini supaya mereka boleh menguruskan duit dengan baik dan bolehlah hendak naikkan taraf sekurang-kurangnya kad Ahli Parlimen naik taraf, kalau tidak boleh buat yang lain.

Ini kerana yang berkhidmat di Parlimen ini kebanyakannyalah adalah *closed service*. Bila *closed service* kenaikan pangkat dan sebagainya akan dilakukan di dalam Parlimen. JPA *dok* sibuk kacau ini bukan kerja dia pun sepatutnya tetapi oleh sebab bajet di jaga di PMO, jadi boleh kita serah selepas itu bolehlah kita adakan bajet untuk lawatan. Ini kerana lawatan ke luar negara ini untuk bertemu dengan negara-negara luar untuk kita menangkis segala fitnah-fitnah, yang rakan-rakan cakap fitnah-fitnah daripada luar. Kalau kita tidak ada lawatan ke luar negara tidak ada orang hendak tolong tangkis untuk kita.

Jadi kita kena ada juga lawatan-lawatan ke luar negara. Akan tetapi dengan bajet yang tidak cukup kita tidak boleh, kita tidak boleh bertolak. Ada kawan-kawan yang bisik, "*Bila lagi? Tolong bagi nama saya, tolong bagi*". Minta nama mereka dinaikkan untuk ini. Sebenarnya kita tidak ada lawatan, tanya Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua pun hari itu dapat peluang pergi, pergi untuk jadi saksi Pilihan Raya Uzbekistan. Bukan lawatan untuk melawat negara itu tetapi untuk pilihan raya jadi saksi dan di biaya oleh negara berkenaan. Itu masa Tuan Yang di-Pertua *and then* tidak boleh bawa pegawai pula itu. Terkonteng-konteng lah Tuan Yang di-Pertua pergi, tidak boleh bawa pegawai sebab kita kekurangan bajet.

Jadi kita kena minta supaya kerajaan pertimbangkan supaya diserahkan kepada Parlimen dan kita uruskan sendiri. Bila kita bercakap ini saya teringat satu insiden dan saya hendak minta kerajaan juga pertimbangkan bila kami Wilayah ada undangan untuk melawat Washington oleh Duta kita di sana dan sewaktu melawat di sana saya telah berjumpa dengan pegawai-pegawai kita. Pegawai-pegawai ini maklumkan, saya masih ingat Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah cerita pada sesi yang lepas, pegawai ini bercerita kepada saya bahawa dia ada *budget cut 25 percent, budget cut*. Kita bersetuju kerana kita tahu kita ada kekangan kewangan, kita bersetuju. Akan tetapi *budget cut*

dia ini, dia tinggal di hotel bersama dengan isteri dan anak di hotel. Dia tinggal di hotel oleh sebab *budget cut* 25 peratus, kalau dulu dia sewa rumah USD1,000 sekarang dia kena sewa USD750.

Bila dia sewa yang USD750 ini, dia sewa yang USD750, dia pun mohon, Duta pun setuju hantar balik ke Wisma Putra. Di Wisma Putra ini hendak selesai dengan birokrasi semua makan masa dua minggu, tiga minggu atau sebulan. Bila selesai rumah sudah orang lain duduk. Dia kena hantar balik, mohon lagi cari lagi. Hendak cari yang USD750, dulu USD1,000, sekarang USD750 ini pun bukan mudah, seksa sebab harga barangan naik, harga rumah naik. Hendak cari yang murah pun masalah. Jadi dia duduk di hotel, yang tidak masuk akal kita ini dia duduk di hotel, katalah satu hari USD200 atau USD100, sebulan USD3,000 tetapi dia punya *cut, budget cut* 25 peratus ini USD750. Sebanyak USD3,000 sanggup bayar yang USD1,000 tidak boleh bayar fasal apa?

Saya hendak cadangkan kepada kerajaan, kalau itulah menjadi masalah kedutaan-kedutaan kita yang kita tidak perlu, yang tidak ada relevan sangat atau kita boleh letak satu duta untuk jaga tiga atau empat negara, kita potong dari segi itu lebih baik daripada kita potong peruntukan kepada mereka yang berkhidmat di luar negara. Dia tidak ada tempat hendak mengadu. Akan tetapi bila kita datang itu dia bercerita, kita pun kesian, simpati.

Saya diminta oleh Tuan Yang di-Pertua baru-baru ini untuk bertemu dengan Belarus punya duta. Waktu saya hendak pergi bertemu dengan dia sebab waktu dia datang kita berada di Sarawak, jadi saya hendak bertemu. Ini kerana hubungan *caucus, friendship* kita ini. Saya hendak jumpa dengan mereka rupanya saya kena pergi ke- saya ingat ada kedutaan di sini. Saya kena pergi ke Jakarta. Ongkos sendiri pak, ongkos sendiri tidak apa. Saya pun bertolak atas nama Presiden MSM, saya pergi jumpa dia.

Dia memaklumkan kepada saya dia berada di Jakarta dan dia kena jaga empat negara iaitu Singapore, Phillipine, Malaysia dan Indonesia. Bayangkan, satu duta empat negara sebab bagi dia tidak ada kepentingan. Perdagangan dengan Malaysia pun tidak begitu hebat, cuma dia maklum kepada saya, visa untuk kita pergi sana belum lagi diluluskan oleh KDN. Akan tetapi untuk dia masuk tidak perlu visa, jadi rakyat dia lebih ramai datang sini daripada kita pergi ke Belarus. Saya pun tidak tahu Belarus di mana sebelum ini tetapi sekarang ini saya sudah tahu rupanya Belarus ini sebelah dengan Poland, dekat-dekat situlah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya melihat ini semua kita perlu buat sesuatu. Saya minta Kementerian Luar Negeri kalau boleh tutuplah setengah-setengah tempat yang tidak perlu, yang tidak ada faedah bagi kita kerana dari segi perdagangan pun tidak ada, dari segi hubungan kita pun tidak begitu. Bukan saya- kita harus berbaik dengan semua orang kalau tidak kita bertanding UNESCO kah apa bukan hendak menang. Kita bertanding *UN Security* bukan hendak menang kalau kita tidak berbaik dengan orang tetapi ada setengah tempat yang kita tidak perlu letak orang, kita tidak payah buka satu tempat kedutaan yang begitu besar, hendak bayar biaya dia bukan mudah.

Ada setengah tempat itu kita sewa rumah daripada dulu sampai sekarang. *Dok* bayar sewa itu, saya ingat kalau beli baru pun menguntungkan kita daripada kita sewa. Jadi kita minta supaya yang ini diberi pertimbangan oleh kerajaan supaya sesuatu perkara dapat dilakukan. Ini saya hendak bercerita sedikit fasal beg plastik.

Tuan Yang di-Pertua, beg plastik ini saya tidak tahu semua, seluruh negara ataupun di sesetengah tempat tetapi di Selangor, di Wilayah kita kena. Beg plastik tidak boleh diberikan. Bila kita beli barangan tidak boleh bagi beg plastik. Dia tidak boleh bagi kepada kita beg plastik kerana masalah kitar semula, apa ini semua sebab plastik ini tidak boleh di proses.

Okey, saya setuju. Saya bersetuju yang amat sangat, boleh. Ini kalau kita masuk *7-Eleven*, masuk *supermarket*, kita masuk *Speedmart*, ini semua tidak boleh, dia tidak akan bagi. Akan tetapi kalau kita pergi kedai runcit, boleh. Kedai runcit akan masukkan ke dalam beg plastik bagi tetapi kedai runcit itu kalau ditangkap oleh penguat kuasa dia kena sebab dia bagi beg plastik. Apa yang menjadi kemusykilan, kita masuk *7-Eleven* dia akan tanya, "*Hendak beg plastik?*" Kalau kita kata boleh, kita hendak beg plastik fasal kita beli banyak kita minta beg plastik, kalau beli sekotak rokok beg plastik buat apa? Baling balik ke muka kita. Boleh kita minta dekat dia beg plastik, 20 sen.

Kalau beli boleh pula dan pegawai akan tangkap kalau kita dapat *free*. Mana yang beli dia tidak tangkap. Apa dia masalah dia yang sebenar? Masalah dia beg plastik kah atau masalah hendak buat duit? Ha! Ini KPKT kena jawab sebab PBT. PBT yang *dok pi* tangkap ini. Saya minta maaf... [*Disampuk*] Kacau sahaja. Tidak ini beg plastik, saya cerita fasal beg plastik. Beg plastik ini kerana apa dia masalah dia yang sebenar? Jadi bermakna jual boleh. Jadi kita ini sekali beli kalau tambah lima beg plastik RM1 *extra*, selepas itu *dok* cerita fasal GST fasal apa?

■1910

Bising fasal GST fasal apa yang ini dok bagi 20 sen, 20 sen kita tak sedar. Dia cerita fasal GST, cerita fasal GST saya pun hendak cerita juga. Kita bila bercakap tolong jangan ingat saya pembangkang. Saya bercakap apa rakyat sampaikan. Jadi apabila rakyat sampaikan kita kena bercakap GST, GST ini apa yang rakyat kita cakap sekarang ini kita kena bagi penjelasan.

Jadi saya hendak minta Kementerian Kewangan bagi penjelasan jadi saya boleh balik cerita. Dia kata daripada kilang 6 peratus caj dekat *wholesale*, *wholesale* pula dapat dia caj dekat peruncit 6 peratus. Peruncit pula jual dekat kita 6 peratus, enam kali empat 24, takkan dia kata itu beban. Yang ini dia boleh bagi balik *refund*, okey *refund* tetapi sebelum dia *refund* dia ambil dulu, bila dia ambil dulu yang kena *end user*. Yang ini yang 6 peratus yang dok jadi 24 yang orang bising, selepas itu ada orang bercerita kata sana 20, sini 25 saya 26, kita pun 24. Ini dia yang *argument* terhadap kita.

Sebab proses itu, selepas itu makanan tak kena. Saya pergi ke *Sal Catering*, tau di mana? Di R&R Dengkil, *ELIT Highway*. Saya masuk *Sal Catering*- kalau tak percaya pergilah. Saya simpan resit hendak tunjuk tetapi saya tengok-tengok ingat resit apa buang pula...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Dengkil di Sepang.

Dato' Sri Khairudin Samad: *Sal Catering* dekat *ELIT Highway*. Saya masuk saya beli nasi lemak, saya beli lima bungkus fasal dia ada lima bungkus masa itu saya beli lima bungkus. Bayar-bayar kena bayar GST. Di *Sal Catering* kena bayar GST. Saya pergi sebelah itu Perak, apa itu Perak saya beli di situ, fasal tak cukup nak beli, di rumah rakyat ramai. Pi tambah dekat situ, beli di situ RM1, di sini RM1.10. Fasal ada GST, dengan GST ini katanya dulu makanan tak kena tapi beli nasi lemak pun kena RM1.10- RM1.10 kita bayar okey tapi dia RM1.06 fasal apa dia jadi RM1.10 sebab

round up. Bukan '*Round-up*' yang hendak bunuh lalang itu, dia *round up* duit, dia *round up* duit GST ini kawan-kawan kita ini. Jahat- dia *round up* duit.

Selepas itu saya ada pengalaman bekerja di bank, kita bekerja di bank dulu bila orang beli *cheque book* 15 sen sekeping jadi RM15 satu *cheque book* kita bagi. Balik rumah isu cek keluar tak ada masalah, sekarang isu cek kena bayar, bila kena bayar 50 sen *service charge*, atas *service charge* itu ada 3 sen pula GST. Kita ingat oh, tak mahu kita pun pakailah klik, klik pun kena GST fasal *service charge*.

Yang ini semua rakyat bising. Jadi kita kena dengar penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Tak betul- tak betul sebab benda-benda ini bukan saya tanya ini oleh kerana takut orang ambil kesempatan, kerana- oh ada GST, so ambil kesempatan. Padahal tak kena pun. Akan tetapi ambil kesempatan macam *Sal Catering*. Kalau dia hendak jadi popular kerana saya sebut orang hendak makan nasi lemak boleh tapi hak Perak punya lagi sedap- dia *buh* kuah, ini tak ada kuah-kering. Jadi ini di antaranya kemudian- habis cerita beg plastik tadi saya termasuk GST itu sikit sebab kebetulan pasal cerita fasal harga kebetulan.

Saya hendak cerita sebenarnya bila cerita beg plastik ini saya cerita fasal *climate change*. Perubahan iklim ini tadi Yang Berhormat anakanda kita ada sebut, saya difahamkan dulu di Vancouver, Dato' Sri Megat- Dato' Megat ada bawa *paper- climate change* di Vancouver. Kemudian, dibawa ke Fiji, saya pula bawa, saya bentang *climate change* ini. Kemudian kita dengar kata EU pun bincang soal *climate change* dan kita bawa balik ke negara kita. Baru-baru ini sewaktu jumpa dengan Duta Belarus itu, Indonesia buat satu *conference* berkenaan *climate change* tetapi tak masuk ke Malaysia.

Saya jadi hairan kenapa bila kita bercakap tentang beg plastik ini, *this are part*, dengan izin, of benda-benda yang kita bincang. Bila kita bincang ini ia melibatkan *green technology, climate change* ini disebabkan beberapa perkara dok korek tanah, dok timbus laut itu semua masalah yang *reclamation* ini. Semua masalah begitu juga yang berlaku dengan potong pokok dan sebagainya. Akan tetapi kenapa kita tak dijemput, saya rasa kita tak begitu serius dalam soal *climate change* ini. Kalau kita betul-betul serius, kita kena buat sesuatu supaya orang melihat kita bahawa perjuangan kita itu betul. Kita berjuang dan kita ada *action*.

Saya takut yang ini orang tak nampak keseriusan kita, okey kemudian- ini saya terpaksa pendek-pendekkan Tuan Yang di-Pertua sebab kita Maghrib sudah. Kemudian saya hendak sebut tentang kuarters kerajaan. Kuarters kerajaan ini bukan sahaja di Putrajaya, di tempat-tempat lain pun saya hendak sebut. Sebab di Putrajaya ini kita nampak- saya minta kerajaan, BPH ini tolonglah Bahagian Pengurusan Hartanah ini bawah Jabatan Perdana Menteri juga, tolong bagi keutamaan, pertama kepada polis yang bertugas di kawasan itu, kedua guru-guru sekolah, kakitangan hospital, kakitangan bomba, ini semua kena bagi keutamaan. Kalau kita tak bagi keutamaan mereka ini duduk di luar daripada kawasan.

Di Putrajaya contohnya semua duduk di luar dan bila dapat pula bagi rumah satu blok itu semua polis dia bubuh bom di bawah habis semua keselamatan siapa hendak jaga. Ini masalah. Sebenarnya kena bagi keutamaan kepada ini dulu. Dia janganlah dia semua pun hendak ikut *queue*, kemudian Ketua Polis Daerah datang duduk di Putrajaya tukar naik pangkat ganti orang datang ke

Putrajaya tak ada rumah. Bayangkan Ketua Polis Daerah pun tak ada rumah, sepatutnya dia ada rumah institusi untuk ketua polis dan saya minta supaya ini diberi perhatian. Ini kerana dia di balai-balai lain dia ada rumah disediakan, tetapi di Putrajaya tak ada. So saya minta supaya diberi keutamaan sedikit.

Kemudian saya hendak tanya, yang ini melibatkan peribadi saya, saraan Setiausaha Politik. Saya pernah menjadi Setiausaha Politik, baru-baru ini apabila saya habis perkhidmatan saya, penggal pertama, saya mohon gratuity. Sebab bagi saya kalau saya ambil cuti sekarang yang penggal pertama, nilainya masih tinggi. Kalau saya tunggu tiga tahun lagi, nilai dia tiga tahun akan datang akan rendah so saya ambil yang ini dulu. Bila saya ambil mereka dapat tahu saya pencen Setiausaha Politik dia potong pencen saya. Ini JPA ini, dia potong pencen saya, saya tanya apa hal. Oh dia kata sebab you sudah jadi Ahli Dewan, pencen kena potong. Saya pun buka Perlembagaan, cek, daripada Perdana Menteri sampai Setiausaha Politik semua jawatan ini adalah jawatan anggota pentadbiran tak ada kena mengena dengan Dewan.

Datuk Halimah daripada Menado datang sini jadi Timbalan Menteri, jadi Ahli Dewan juga Timbalan Menteri, pencen dua-dua dapat. Pencen Exco pun dapat, fasal apa Setiausaha Politik dianaktirikan? Kerana mengikut- tak ini saya minta supaya JPA ini jangan banyak sangat *dok* buat tafsiran sendiri, jangan *dok* jadi ustaz-ustaz yang menyeleweng ini. Dia suka buat tafsiran sendiri saya pun tak faham kenapa dipotong.

Saya hendak cerita bagi kepada Dewan yang mulia ini, dulu sewaktu saya mula-mula menjadi Setiausaha Politik saya mohon rumah kuarters. Dia jawab balik, dia jawab- tolak tak boleh. Saya mohon melalui Ketua Setiausaha Negara ketika itu Tan Sri Samsudin Osman, Tan Sri Samsudin Osman panggil saya bisik dekat saya, "*Sorry I cannot help you because yang ini you tak layak.*"

■ 1920

Saya kata, "Tan Sri, siapa beritahu kat *you* tidak layak?" Dia kata pegawai. Saya kata "Pegawai *you* bohong *you*. *They bluffed you,*" dengan izin. Dia kata, "Eh *why you said that, Din?*" Saya kata, "Tan Sri, *very simple*. Mengikut buku ini saya dapat saya layak kepada Elaun Rumah. Kalau saya layak kepada Elaun Rumah, saya layak kepada rumah kuarters." Dia kata betul juga. So dia bawa balik, dia hentam. So saya lah Setiausaha Politik yang pertama di dalam negara ini yang dapat rumah kuarters. Lepas itu rakan-rakan saya masuk semua dapat lah termasuklah Tan Sri Fatmi, yang ada sekarang Dato Ghazali semua dapat oleh sebab saya telah pun buka jalan supaya mereka dapat.

Saya kan kepala *Union*. Dalam Dewan Negara ini pun saya kepala *Union* kan? Jadi saya dapatkan. Hari ini, ada kawan-kawan Setiausaha Politik sudah bisik sudah termasuklah Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili bisik kata *you* kena lawan ini, *you* kena perjuangkan ini sebab tidak semena-mena pencen saya kena potong, sebab saya sudah jadi Ahli Dewan, mana? Tidak ada kena-mengena dengan Setiausaha Politik, itu jawatan anggota pentadbiran. Tolong faham. Itu anggota pentadbiran itu lain. Yang ini ahli Dewan lain. Melainkan saya lepas ini pilihan raya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Wilayah bersetuju untuk saya jadi calon Ahli Parlimen... [Disorak]

Bukan hendak ambil tempat Menteri kah, apa tidak. Jadi calon Ahli Parlimen. Lepas itu menang, saya kena pergi duduk di Dewan sebelah. Pencen tinggi sedikit fasal dia kata kita tidak ada kawasan. Sekarang saya ada kawasan, saya pergi sana...

Seorang Ahli: Kawasan mana? Jangan pergi Gombak pula.

Dato' Sri Khairudin Samad: Eh, Gombak tidak. Kita jaga saudara kita. Saya pergi ke Dewan sebelah. Pergi Dewan sebelah barulah pencen di sini saya tidak dapat. Itu baru masuk akal.

Kalau sebagai Setiausaha Politik potong pencen- itu tidak masuk akal. Ini kadang-kadang kita kena lihat perkara-perkara ini. Ini masalah apa? Masalah tafsiran.

Lilit serban di kepala pergi sana bersyarah, orang percaya- orang ingat ustaz. Lepas itu dia tafsir yang bukan-bukan, tidak boleh. Itu yang menyeleweng, yang jadi kelam kabut ini, Yang Berhormat Tuan Yang Di-Pertua. Oleh sebab tadi Tuan Yang di-Pertua *dok* tanya- ni saya hendak cerita ini, pasal polis ini.

Ahli-ahli Dewan yang saya hormati sekalian, Tuan Yang di-Pertua, polis ini kita ini bela polis ini dalam Dewan ini, tambah-tambah lagi saya lah. Saya kasihan dan saya sudah *report* beberapa kali, tolonglah hormat nama di situ "Mesra, Cepat, Betul". Tidak mesra langsung. Hormatlah *crest* itu. *Crest* yang kita pakai itu kalau ikut polis dahulu, polis pencen dia kalau kereta kita lalu dia tengok *crest* itu, dia tabik kepada singa dua ekor itu bukan tabik kepada kita dalam, fasal *crest* itu dia akan tabik. Polis sekarang, "Berhenti!" Amboi.

Berhenti suruh berhenti "Apasal ini? Mahu pergi mana?" Saya kata "Ada apa koperal?" Dia tidak mahu cakap dengan saya, dia hendak bercakap dengan isteri saya sebab isteri saya bawa kereta. Dia cakap isteri saya "Akak hendak pergi mana ini?" "Ada apa Koperal?" Dia tidak mahu bagi tahu. Sampai sudah dia tidak mahu bagi tahu. Saya pun naik menyiraplah, "Ai, dia ini hendak bercakap dengan isteri aku sahaja kah?" Tidak mahu cakap dengan lelaki? Tanya-tanya dia kata cermin gelap, cermin gelap saya ada izin. "Oh, Ahli Parlimen semua ada izin?" Sudah dia jawab kepada saya macam itu.

Saya kata, "Kamu ini nasib kamu baiklah. Kamu tahu tidak, gaji kamu pun aku perjuangkan?" Kita *action* balikkah. "Gaji kamu aku perjuangkan dalam Dewan. Undang-undang pun aku yang tolong luluskan. Sekarang kamu hendak kurang ajar dengan aku?" Saya cakap terus terang. Ini kadang-kadang mereka ini Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak tahu lah, kita tiada kemesraan langsung. Betul.

Bila Yang Berhormat Tan Sri bercerita tentang tadi cuma saya minta pihak KDN, tolonglah tegur mereka sikit. Rakyat dalam negara ini banyak, ramai sangat benci kepada polis, tidak percaya dan tidak yakin kepada polis. Dia hendak buat kerja macam mana? Kita ini kasihan sebab kita tidur lena dengan adanya polis, dengan adanya tentera. Kita tidur lena kerana kita beli rumah *apartment* kah, kondo kah ataupun rumah yang *guarded* ini, ada Nepal- yang itu kita untung sebab keselamatan kita pada malam-malam hari mereka ini jaga termasuklah Nepal sekarang ini. Sesetengah adalah Bangla, sikit-sikit lah.

Jadi hari ini yang saya hendak sebut. Kemudian- kita terlanjurlah... [*Melihat kepada jam*] Kemudian akhir sekalilah Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut fasal- bukan akhir ada lagi satu saya hendak sebut, pasal ini lubang-lubang di jalan ini. Apabila korek dapatkan kontraktor yang ini.

Saya ada sebut dahulu JKR ini, bila korek lubang hendak tanam paip kah, hendak tanam wayar kah, hendak tanam IWK kah, orang korek, kontraktor yang korek itu adalah kontraktor yang hendak buat IWK yang hendak buat paip SYABAS ini.

Akan tetapi, bila hendak tampal balik cari kontraktor jalan. Kalau kontraktor yang buat paip ini nak pergi buat jalan, hendak betulkan jalan balik, jadi lah tukang simen pergi buat besi. Tidak boleh, dia mesti orang yang sama. Orang yang buat jalan ini dia buat jalan, baru jalan itu jadi elok. Kalau tidak dia berlubang. Kita lalu kita elak, bila kita elak datang motor yang laju kita langgar dia.

Begitu juga di negara kita ini pelik sebab *manhole* semua suka ada di tengah jalan. Bila *resurface* jalan, di tar semula dia akan tenggelam. Lepas itu datang kontraktor bubuh pula, angkat balik naik dia jadi bonggol. Ini semua akan dielak oleh motosikal ataupun kereta. Bila elak ini yang berlaku kemalangan yang banyak sebab puncanya yang ini. So, kita kena cari jalan macam mana kita hendak selesaikan yang ini. Pindahkan *manhole* ini ke bahu jalan baru betul. Tidak payahlah dok buat tengah jalan yang peliknya mesti kena buat tengah jalan. Fasal apa kita tidak tahu. Mesti kena buat tengah jalan. Dia hendak untung lebih kot, kita pun tidak tahu.

Kemudian, saya juga ingin bertanya kepada MOSTI kerana akhir-akhir ini Tuan Yang di-Pertua kita selalu memperkatakan mengenai *Fourth Industrial Revolution* (4IR) untuk kekal berdaya saing dalam era digital ini, kita perlu memandang jauh ke hadapan. Oleh yang demikian, saya mohon penjelasan Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi mengenai apakah persiapan-persiapan yang telah kita laksanakan dalam menghadapi gelombang 4IR ini?

Mohon juga pihak kementerian memberikan penjelasan kepada Dewan yang mulia ini apakah yang sebenarnya yang dimaksudkan dengan teknologi *Four Side* atau *Future Technology*, dan bagaimanakah ia memberi kesan kepada perubahan industri pembuatan dan perkhidmatan dalam negara?

Saya berpandangan bahawa kerajaan seharusnya memperuntukkan bajet yang lebih banyak dalam membangunkan sains dan teknologi kerana ia menjadi asas pengukuran dan kemajuan pembangunan sesebuah negara.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi lah mengucapkan jutaan terima kasih kerana diberi peluang dalam membahaskan bajet yang terakhir- sepatutnya saya pertama tetapi ada *Vice Chairman* China datang hari itu, maka saya diminta hadir di sana, jadi saya ditolakkan ke belakang sekali. Bila belakang ini saya cakap tidak adalah pegawai-pegawai, jadi tidak ramai pegawai tidak ramai. Ahli-ahli Dewan pun banyak yang sudah balik. Menteri-Menteri pun sudah balik. Cuma terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Datuk Halimah binti Mohamed Sadique kerana sanggup lagi tunggu sampai kakanda selesai menyampaikan perbahasan. Terima kasih banyak-banyak. Nanti kita balik Manado bersama. *Insyallah*.

Saya yang seronok itu ada seorang pegawai tanya saya kata "Datuk Halimah itu betul kah Dato' Sri dari Manado?" Saya kata, "Tidak." "Then, Dato' Sri kah dari Manado?" Saya kata "Tidak, saya tidak putih. Itu putih tetapi dia bukan Manado. Saya *joke* sahaja." Saya kata "Kenapa *you* tanya?" "Sebab saya berkawan dengan Maria Menado." *Uih*, dia kata dia berkawan dengan Maria Menado. Saya pun terperanjat, umur dia dengan Maria Menado macam mana? Nasib baik Almarhum Tuanku tidak ada sudah. Dia kata dia berkawan dengan Maria Menado.

Jadi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. *Insyah-Allah* kita jumpa pada hari esok untuk dengar pula Menteri-Menteri gulung. Saya turut menyokong bajet yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada hari yang lepas. Sekian, *wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad dan telah menghuraikan perkara-perkara penting menjadikan bahan pemikiran kita dan harap dapat dijawab makanya ya. Juga termasuk tadi kita bincang tentang janji kita semasa kita di depan Agong dan hormat pandangan-pandangan kita punya presiden. Jadi boleh kita kongsi bersama, kita kaji dan kita timbang bersama ya. Jadi saya hendak katakan bahawa apa jua yang kita cakap hendaklah kita tunaikan janji itu.

*Tudung saji aneka warna,
Di rumah Melayu biasa adanya,
Bila berjanji janganlah lupa,
Tunaikan ia bila sampai masanya.*

Jadi, terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita hampir tujuh setengah lebih dan dengan ini Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 12 Disember 2017. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.31 malam]